

"KERAJAAN beta juga terus peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi pembangunan. Di antaranya ialah penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi yakni ICT, sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-kerajaan dan seterusnya bagi memanfaatkan era 'kekonomi' yang berasaskan pengetahuan." - Titah sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-57 pada 15 Julai 2003.



Rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet

Oleh Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan melantik beberapa lantikan baru.

Perlantikan itu, titah baginda, bermula hari ini bagi tempoh lima tahun.

Rombakan terakhir Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri diumumkan tujuh tahun yang lalu pada 30 November 1988.

Walau bagaimanapun rombakan baru itu masih mengekalkan 12 kementerian terdiri dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

1 jawatan Menteri Kanan
3 jawatan Menteri dan
5 jawatan Timbalan Menteri diwujudkan

Satu jawatan Menteri Kanan diwujudkan iaitu Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.


Tiga jawatan Menteri baru diwujudkan iaitu Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

- Titah penuh di muka 2.
- Susunan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri dalam Edisi Sisipan.

Sementara itu, lima jawatan Timbalan Menteri diwujudkan iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Timbalan Menteri Perhubungan, Timbalan

Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Pembangunan.

"Bagi meneruskan apa-apa yang telah dicapai itu dan juga sebagai cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu, maka beta ingin merombak keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan melantik beberapa lantikan baru," titah baginda dalam titah khas semasa mengumumkan rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara kira-kira jam 5.20 petang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan dalam titah khas mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan baru yang disiarkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara pada petang 24 Mei 2005.

Brunei bukti kemampuan

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Negara Brunei Darussalam telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, khusus di bidang pemerintahan dan penguasaan kerajaan, kita telah membuktikan kemampuan

yang tinggi yang sebanding dengan orang lain dengan mencapai beberapa objektif-objektif negara di pelbagai jurusan.

"Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana Negara Brunei Darussalam - di dalam perkara mengungkapkannya pelbagai bidang - telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia. Khusus di bidang pemerintahan dan penguasaan kerajaan, kita telah

membuktikan kemampuan kita yang tinggi yang sebanding dengan orang lain, di mana dengannya kita telah mencapai objektif-objektif negara di pelbagai jurusan," titah baginda semasa mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan baru yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara hari ini kira-kira jam 5.20 petang.

Baginda bertitah, kita

juga telah berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan untuk dicapai oleh sekalian rakyat dan penduduk.

"Pendeknya kerajaan beta telah berhasil membawa rakyat dan penduduk negara ini menikmati keamanan dan kesejahteraan tersebut, sebagai hasil dari cara hidup kita menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, iaitu suatu ciri kehidupan orang-orang bertamadun yang sangat-sangat diidamkan oleh semua negara," titah baginda.

Ucapan penghargaan dan terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah meng-

ucapkan penghargaan dan terima kasih yang tulus ikhlas kepada mereka yang tidak lagi dilantik dalam rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet di atas tenaga dan buah fikiran yang disumbangkan selama ini.

Baginda melahirkan penghargaan dan terima kasih itu ketika bertitah mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perlantikan baru yang disiarkan ke seluruh negara menerusi

Radio dan Televisyen Brunei kira-kira jam 5.20 petang.

"Semoga Allah jua yang akan mengurniakan kepada mereka kesejahteraan yang berterusan serta lain-lain ganjaran," titah baginda.

IMAN
TEGUH,
PENDIRIAN
KUKUH

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Laksana tugas, kuasa dan kewajipan dengan penuh ikhlas dan amanah

- Muka 2

Lawatan kerja DPMM ke Mukim Sukang dan Melilas

- Muka 5, 8 dan 9

Kan halnya :
Pasal berhutang

- Muka 7

Graduan HND perlu ubah sikap, minda untuk dapat pekerjaan

- Muka 10

Laporan Sukan Arafura 2005

- Muka 11, 12, 13 dan 14

Sekilas imbas pencapaian industri minyak dan gas negara 2004

- Muka 2 ANEKA

Doa banyak fadilat dan kelebihan

- Muka 3 ANEKA

Gunakan lidah pada perkara kebaikan, bermanfaat

- Muka 3 ANEKA

Temburong berpotensi jadi 'rice bowl' negara

- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

UNIVERSITI Brunei Darussalam telah menghasilkan 2,955 orang graduan lelaki dalam pelbagai program di peringkat sarjana, ijazah pertama, diploma lepasan ijazah, diploma dan sijil sejak konvokesyen pertama hingga konvokesyen keenam belas. Tahun 1989 (133); 1990 (100); 1991 (110); 1992 (96); 1993 (137); 1994 (142); 1995 (153); 1996 (166); 1997 (191); 1998 (152); 1999 (176); 2000 (208); 2001 (216); 2002 (339); 2003 (314) dan 2004 (322). - Sumber: Pusat Teknologi Informasi Komunikasi (ICT), Universiti Brunei Darussalam (Mei, 2005).



25 MEI 2005 BERSAMAAN 1426 ربيع الآخر 16

PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

PERKEMBANGAN dan pembangunan sesebuah negara banyak bergantung kepada pendidikan. Ia menjadi pelaburan sumber tenaga manusia yang boleh dinikmati hasilnya secara berterusan. Pendidikan adalah menjadi 'landmark' kepada sesuatu tamadun. Dalam zaman siber dan canggih ini, landskap pendidikan yang sebenar bukan sahaja mampu menghasilkan kecemerlangan pendidikan tetapi juga berupaya melahirkan sah-sahsiah yang boleh dikagumi yang dapat mengangkat martabat bangsa dan negara di mata dunia antarabangsa. Dan yang penting melahirkan golongan ilmu yang berjiwa besar dan mampu menempuh pelbagai cabaran.

Melalui pendidikan kita berjaya melahirkan sumber tenaga manusia yang merupakan aset negara yang paling mahal. Ke arah itu kerajaan terus menjadikan pembangunan sumber manusia (HRD) teras utama dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara (RKN) sejajar dengan hasrat dan aspirasi pembangunan sosio-ekonomi yang lebih kukuh, mantap, berdaya tahan, bersepadu dan seimbang. Komitmen kerajaan dalam sektor pendidikan terbukti dengan menyediakan peruntukan yang besar dalam setiap RKN. Dalam RKN Ke-8 sejumlah \$300 juta diperuntukkan bagi menjana pendidikan negara.

Memandangkan kepentingan itulah, dunia kini berlumba-lumba mengejar pendidikan. Mungkin amatlah ganjil bagi kita bila mendengar seorang warga emas berumur 80 tahun di negara Barat menerima segulung ijazah. Itulah realitinya. Pendidikan tidak ada batasan selagi bernyawa kita digalakkan menuntut ilmu. Sehingga kita mendengar ungkapan 'pendidikan sepanjang hayat', 'pembelajaran sepanjang hayat' dan 'falsafah pendidikan sepanjang hayat'. Apa pun ungkapannya, pendidikan merupakan 'tool' yang amat penting kerana ianya sentiasa berubah dan dinamik. Bagi negara kita, alhamdulillah, banyak kalangan pegawai kerajaan belajar dan menerima ijazah sebelum mereka bersara. Ini merupakan satu petanda baik, betapa individu kini mengejar kecemerlangan pendidikan.

Memang benar istilah pendidikan sepanjang hayat kini semakin popular. Banyak kalangan para ilmuwan dan graduan meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing untuk ke peringkat yang lebih tinggi sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.). Maka dalam hubungan ini amatlah wajar bagi lepasan graduan untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing dengan memanfaatkan sepenuhnya apa jua kemudahan teknologi informasi dan peluang-peluang pendidikan yang sedia ada. Dalam peralihan pembangunan sosioekonomi negara, prioritas ini lebih ditumpukan bagi melahirkan tenaga kerja beraneka corak berasaskan pengetahuan (knowledge-based economy) atau lebih dikenali k-ekonomi.

Ini bertepatan dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) baru-baru ini yang mengajak setiap individu mengamalkan falsafah pendidikan sepanjang hayat demi memastikan kita tidak akan tertinggal, malah terus dapat bersaing dalam arus globalisasi dan era ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Pihak kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan taraf pendidikan di negara ini. Maka terpuanglah kepada individu itu sendiri untuk sentiasa mempertingkatkan kualiti kemahiran dengan menjadikan pendidikan itu sebagai amalan sepanjang hayat.

Dalam ekonomi global masa kini, sudah tiba masanya bagi para graduan untuk bersikap lebih terbuka, memiliki pemikiran kreatif, inovatif, dinamik, progresif dan mampu bersaing serta mempunyai semangat daya saing yang tinggi. Melalui elemen-elemen sedemikian, mereka akan mampu berdaya dalam apa jua keadaan. Dalam erti kata yang lain, para graduan tidak hanya melihat peluang pekerjaan di sektor kerajaan tetapi juga di sektor swasta dan juga bekerja sendiri.

Sememangnya pendidikan merupakan suluh kepada kehidupan, tanpanya kita akan terab-raba dan dalam kegelapan. Sebagai suluh yang memberi sinar harapan, amatlah mustahak kita memartabatkan pendidikan sebagai kepentingan kebangsaan yang perlu diisi dan diutamakan. Kita perlu menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti berasaskan kepada pelbagai tuntutan dan keperluan yang meliputi sosio-ekonomi dan politik negara. Kita perlu memperolehi sesuai dengan era globalisasi yang tidak bersempadan. Kita tidak boleh bersikap pasif lagi, tetapi adalah perlu untuk bersikap proaktif selaras dengan kecepatan kemajuan. Kita perlu sentiasa berada di hadapan dan bukannya berada di belakang kemajuan itu. Tenaga manusia yang hendak kita capai bukanlah semata-mata memenuhi kehendak-kehendak yang lazimnya tetapi berupaya membawa perubahan-perubahan baru yang lebih baik dan unggul lagi berteraskan 'calak Brunei' dan falsafah Melayu Islam Beraja. Maka untuk mencapai hasrat murni itu tiada jalan pintas melainkan mengamalkan falsafah pendidikan sepanjang hayat.

HALUAN...

Laksana tugas, kuasa dan kewajipan dengan penuh ikhlas dan amanah

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihhee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Negara Brunei Darussalam - di dalam perkara meng-ungkayahkan pelbagai bidang - telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia. Khusus di bidang pemerintahan dan pengurusan kerajaan, kita telah membuktikan kemampuan kita yang tinggi yang sebanding dengan orang lain, di mana dengannya kita telah mencapai objektif-objektif negara di pelbagai jurusan.

Kita juga telah berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan untuk dikecapi oleh sekalian rakyat dan penduduk. Pendeknya, kerajaan beta telah berhasil membawa rakyat dan penduduk negara ini menikmati keamanan dan kesejahteraan tersebut, sebagai hasil dari cara hidup kita menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, sangat-sangat diidamkan oleh semua negara di dunia.

Bagi meneruskan apa-apa yang telah dicapai itu dan juga sebagai cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu, maka beta ingin merombak keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan melantik beberapa lantikan baru, seperti berikut:

Beta sendiri selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.

Paduka Anakanda Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Paduka adinda Duli Pengiran Perdana Wazir Sahbiul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Haji Mohamed Taib sebagai Menteri Pendidikan.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat sebagai Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Menteri Perhubungan.

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai Menteri Kesihatan.

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Pembangunan.

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)

Dato Seri Pahlawan Haji Utama Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai Menteri Kewangan II (Kedua).

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

Dato Paduka Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Datu Singamanteri Kol (L) Dato Paduka Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.


Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Paduka Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid sebagai Timbalan Menteri Perhubungan.

Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Hazair bin



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perantikan-perantikan baru pada 24 Mei 2005.

Haji Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kesihatan.

Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein sebagai Timbalan Menteri Pembangunan dan Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perantikan ini bermula dari hari ini, Selasa, 15 hariulan Rabiulakhir tahun 1426 bersamaan dengan 24 hariulan Mei tahun 2005 bagi tempoh selama lima (5) tahun.

Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara mulai hari ini adalah sebagai jawatan bertaarif Menteri.

Beta berharap, supaya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang baru beta lantik ini, akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh

ikhlas, jujur dan amanah serta teguh pula memegang ikrar dan konsep taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Segala ikrar dan pertuturan hendaklah betul dan benar, jangan ia disulam dengan kepura-puraan walaupun sedikit, kerana tujuan kita ialah untuk mencari keselamatan, di mana keselamatan itu berpunca atau bersumber dari keredaan Allah jua, iaitu apabila orang-orang yang diberi jawatan atau kuasa itu menjalankannya dengan lurus dan adil.

Kepada mereka yang tidak lagi dilantik, beta ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih beta yang tulus ikhlas di atas tenaga dan buah fikiran yang telah mereka sumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan mengurniakan kepada mereka kesejahteraan yang berterusan serta lain-lain ganjaran.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dilantik menjadi Pengarah Keselamatan Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-

daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perintah supaya Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail, Timbalan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dilantik menjadi **Pengarah Keselamatan Dalam Negeri** mulai hari ini Selasa, 15 Rabiulakhir 1426 bersamaan 24 Mei 2005 bagi menggantikan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof.

NEGARA Brunei Darussalam dan Malaysia merupakan dua negara sahabat yang mempunyai hubungan paling akrab dalam pelbagai bidang termasuk beberapa bidang kerjasama dua hala sejak sekian lama. Di samping itu kedua-dua negara rumpun Melayu ini juga mempunyai banyak kesamaan yang meliputi adat kebudayaan, keagamaan, kebahasaan dan corak kehidupan rakyatnya.

Hubungan yang erat itu kini diperkukuhkan lagi apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Malaysia baru-baru ini atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong Malaysia, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia, Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Keberangkatan lawatan ini setentunya mengukuhkan lagi jalinan hubungan yang sudah termeterai selain memperbaharui lagi banyak bidang-bidang kerjasama kedua-dua negara bagi kesejahteraan dan kemakmuran.

Pada asasnya hubungan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah wujud sejak sekian lama, kemudian hubungan tersebut berkembang apabila terjalinnya hubungan diplomatik pada tahun 1984. Sejak itu hubungan antara kedua-dua negara

Persahabatan dan kerjasama Brunei - Malaysia semakin akrab

ANALISIS

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

berjiran semakin erat dan mantap, bukan saja dalam konteks dua hala, tetapi juga membawa kepada hubungan kekeluargaan di kalangan keluarga diraja, pemimpin dan rakyat khususnya di Sabah dan Sarawak. Semua elemen ini membawa kepada perhubungan lebih baik dan erat.

Jalinan persahabatan itu terus bertambah kukuh apabila kedua-dua negara mencapai beberapa kejayaan membanggakan dalam bidang-bidang kerjasama ekonomi, perda-

ngan, pelaburan, pendidikan, pertahanan, perhubungan, penyiaran dan penerangan, keagamaan serta belia dan sukan.

Ketika ini terdapat lebih 17,000 orang rakyat Malaysia sedang berkhidmat di pelbagai sektor dan sumbangan perkhidmatan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Dalam memperkemas lagi bidang-bidang kerjasama tersebut kedua-dua negara sebenarnya telah mewujudkan Su-

ruhanjaya Bersama sejak tahun 1994 dan Suruhanjaya Bersama ini dari masa ke semasa sentiasa bekerjasama membincangkan pelbagai agenda hubungan kerjasama bagi faedah kedua-dua negara.

Ke arah menikmati perhubungan ekonomi yang kukuh, Majlis Perniagaan Brunei-Malaysia merupakan mekanisme yang mantap bagi kerjasama perdagangan dan pelaburan di antara sektor swasta kedua-dua negara.

Penubuhan Pejabat Konsul Negara Brunei Darussalam di Kota Kinabalu, Sabah dan di Kuching, Sarawak merupakan langkah ke arah mengeratkan hubungan perdagangan antara tiga wilayah yang berjiran

dalam menjayakan matakawamat Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA).

Di peringkat ASEAN, Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang menganggotai pertubuhan-pertubuhan serantau sentiasa peka dan bekerjasama memainkan peranan dalam pelbagai bidang termasuk penyertaan dalam Pasukan Pemerhati Antarabangsa (IMT) di Selatan Republik Filipina bagi menangani masalah serantau.

Di arena antarabangsa Negara Brunei Darussalam bersama Malaysia yang menganggotai pelbagai pertubuhan antarabangsa juga sentiasa bekerjasama rapat dalam forum-forum dan persi-

dangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Komanwel, Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), ASEM dan APEC bagi memastikan keamanan dan kestabilan antarabangsa.

Yang jelas sekarang hubungan kedua-dua negara berada pada tahap yang membanggakan dan ianya akan menjadi 'milestone' yang sangat berharga dalam mewujudkan peluang kerjasama yang baru yang boleh diterokai

Sememangnya hubungan yang baik dan akrab ini akan terus utuh dan berkembang bila mana kedua-dua negara mendapat manfaat hasil dari kerjasama erat serta persefahaman yang jitu.



Menteri Luar Thailand diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengurniakan jamuan santap malam bagi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamonkhon di Balai

Penghadapan Bukit Kayangan (gambar atas).

Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamonkhon berada di negara ini bagi lawatan selama dua hari.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pengembaraan percutian Abacus mempromosi pelancongan

GADONG, 30 April. - Pesta Pengembaraan Percutian Abacus selama dua hari mengumpulkan pengusaha industri pengembaraan termasuk syarikat-syarikat penerbangan, agensi pelancongan, perhotelan dan agensi pengembaraan bagi mempromosi dan mempamerkan produk masing-masing di The Mall, di sini.

Pesta yang mendapat sambutan orang ramai itu juga menyediakan promosi hadiah-hadiah menarik termasuk tiket penerbangan ke Jakarta dan

Sydney.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair juga selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah merasmikan pesta berkenaan.

"Abacus Brunei telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan pesta pengembaraan yang pertama, bagaimanapun kami merasa yakin untuk berjaya mencapai sasaran," jelas Pengurus Am, Pengiran Roslee bin PSR Pg. Haji Jaya.

Sebanyak 20 gerai yang disertai oleh RBA, Bank Baiduri, Pelancongan Brunei, Persatuan Hotel-Hotel Brunei, Jabatan Pelancongan dan Pemasaran Perdagangan Dubai, Badan Promosi Pelancongan Republik Singapura, Pusat Perkhidmatan Kyong Hwa di samping sepuluh agensi pengembaraan Abacus menyertai pameran berkenaan.

Pengurus Jualan dan Pemasaran, Awang Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman berkata, Pelancongan Brunei dan Persatuan Hotel-Hotel Brunei akan mendapat bantuan RBA dan agensi pengembaraan untuk mempro-

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

mosikan pelancongan dalam negara.

Beliau menambah, pesta berkenaan akan menyumbang dan sebagai wadah yang sesuai bagi para pengembara untuk membeli-belah kedua-dua pakej tempatan dan luar negara.

Abacus Brunei merupakan usaha sama dengan RBA dan Abacus Antarabangsa yang mempunyai kira-kira 30 ejen pengembaraan dengan lebih 140 pangkalan yang berpusat di Bandar Seri Begawan, Tutong, Seria dan Kuala Belait.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei merasmikan Pesta Pengembaraan Percutian Abacus. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Lantikan SUT dan Timbalan SUT Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Pada menjunjung titah perintah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji



DATU Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail dilantik menjadi Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



PG. Dato Paduka Haji Ismail bin Pg. Haji Mohamed dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah supaya Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail, Timbalan

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dilantik menjadi Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Pengarah Radio Televisyen Brunei dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Tarikh lantikan bagi pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 11 Rabiulakhir 1426 bersamaan 20 Mei 2005.

Menerima mengadap Menteri Luar Thailand

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 18 Mei. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam berke-
nan menerima mengadap
Menteri Hal Ehwal Luar
Negeri Thailand, Tuan
Yang Terutama Dr. Kan-
tathi Suphamonkhon di
Istana Nurul Iman.

Di Majlis Mengadap
itu, Tuan Yang Terutama
Dr. Kantathi Suphamon-
khon disertai oleh Duta
Besar Istimewa dan
Mutlak Thailand ke negara
ini, Tuan Yang Terutama

Sornsilp Polteja.

Juga hadir di majlis
tersebut ialah Yang Ber-
hormat Pehin Orang Kaya
Pekerna Laila Diraja Dato
Paduka Haji Awang Hazair
bin Haji Abdullah, Setia-
usaha Tetap Jabatan
Perdana Menteri dan
Pengiran Dato Paduka
Haji Sallehuddin bin
Pengiran Haji Yusof,
Setiausaha Tetap Kement-
erian Hal Ehwal Luar
Negeri.

Tuan Yang Terutama
Dr. Kantathi Suphamon-
khon bersama beberapa
orang ahli rombongan
berada di negara ini bagi
lawatan dua hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamonkhon.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Judie Ng, isteri Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Ng Yat Chung.

Berkenan menerima mengadap

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 24 Mei. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Raja
Isteri Pengiran Anak
Hajah Saleha berkenan
menerima mengadap Puan
Judie Ng, isteri Ketua
Turus Pertahanan Ang-
katan Bersenjata Republik
Singapura, Tuan Yang
Terutama Leftenan Jeneral
Ng Yat Chung di Istana
Nurul Iman.

Di Majlis Mengadap
itu Puan Judie Ng disertai
oleh Datin Hajah Umi

Kalthum binti Haji
Suhaili, isteri Pemerintah
Angkatan Bersenjata Di-
rajah Brunei dan isteri Pe-
suruhjaya Tinggi Re-
publik Singapura ke ne-
gara ini, Puan Hirubalan.

Juga hadir ialah Yang
Dimuliakan Seri Laila
Pengiring Diraja Datin
Seri Utama Hajah Dayang
Rosnah.

Puan Judie Ng dan
suami berada di negara ini
bagi lawatan rasmi dua
hari.

Duli Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima mengadap

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 24 Mei. - Duli
Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran
Muda Mahkota Pengiran
Muda Haji Al-Muhtadee
Billah, Menteri Kanan di
Jabatan Perdana Menteri
hari ini berkenan meneri-

ma mengadap Pesuruh-
jaya Polis Republik Si-
ngapura, Dato Seri Pah-
lawan Khoo Boon Hui.
Majlis Mengadap tersebut
berlangsung di Istana
Nurul Iman.

Turut hadir di majlis
tersebut ialah Pesuruhjaya
Tinggi Republik Singa-
pura ke Negara Brunei
Darussalam, Tuan Yang
Terutama Hirubalan V.P.,
Pemangku Pesuruhjaya
Polis Diraja Brunei, Yang
Dimuliakan Pehin Datu
Kerma Setia Awang
Zainuddin dan Setiausaha
Tetap Jabatan Perdana
Menteri, Yang Dimulia-
kan Pehin Orang Kaya
Dewa Pahlawan Dato
Paduka Haji Awang Dani
yang kini menjawat
jawatan Timbalan Menteri
Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pesuruhjaya Polis
Republik Singapura, Dato
Seri Pahlawan Khoo Boon
Hui berada di negara ini
bagi menghadiri Latihan
Tahunan Hutan di antara
Pasukan Polis Diraja
Brunei dengan Pasukan
Polis Republik Singapura
(BRUSING).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Khoo Boo Hui.

Menerima mengadap Pesuruhjaya Polis Republik Singapura

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 24 Mei. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam hari ini
berkenan menerima me-
ngadap Pesuruhjaya Polis
Republik Singapura, Dato
Seri Pahlawan Khoo Boo
Hui di majlis yang ber-
langsung di Istana Nurul
Iman.

Semasa mengadap,
Tuan Yang Terutama
diiringi oleh Pesuruhjaya
Tinggi Republik Singapura
ke Negara Brunei Darus-
salam, Tuan Yang Ter-

utama Hirubalan V.P.

Pemangku Pesuruhjaya
Polis Negara Brunei Dar-
ussalam, Yang Dimulia-
kan Pehin Datu Kerma
Setia Awang Zainuddin bin
Jalani dan Setiausaha
Tetap Jabatan Perdana
Menteri, Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Dewa
Pahlawan Dato Paduka
Haji Awang Dani yang kini
menjawat jawatan Timba-
lan Menteri Hal Ehwal
Dalam Negeri juga hadir
di majlis itu.

Turut hadir ialah
Pengarah Gerakan, SAC
Aubeck Kam Tse dan
Pemerintah Tracom, DAC
Loy Chye Meng.

Hubungan mesra Brunei - Jordan terus diperkukuh

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 25 Mei. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sul-
tan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
Darussalam telah berkenan
menghantar perutusan ta-
hniah kepada Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Raja
Abdullah II ibn Al-
Hussein, Raja Negara
Jordan dan kepada Tuan
Yang Terutama Faisal
Fayez, Perdana Menteri
Negara Jordan bersempena
Hari Ulang Tahun Kemer-
dekaan Negara Jordan.

Dalam perutusan itu,
baginda merakamkan pe-
rasaan gembira di atas

hubungan mesra dan perse-
fahaman erat di antara
Negara Brunei Darussalam
dengan Negara Jordan.
Baginda seterusnya berdoa
semoga hubungan ini yang
berasaskan prinsip saling
hormat-menghormati dan
kesefahaman akan dapat
diperkukuhkan lagi di
masa akan datang.

Seterusnya dalam per-
utusan itu, baginda ber-
harap semoga Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Raja Abdullah II ibn Al-
Hussein sentiasa sihat
sejahtera dan semoga rak-
yat Negara Jordan akan
sentiasa menikmati kemak-
muran dan kesejahteraan
yang berterusan.

Sementara itu di dalam

perutusan kepada Tuan
Yang Terutama Faisal
Fayez, Perdana Menteri
Negara Jordan, baginda
mengucapkan setinggi-
tinggi tahniah kepada Tuan
Yang Terutama dan kera-
jaan serta rakyat Negara
Jordan sempena Hari
Ulang Tahun Ke-
merdekaan Negara Jordan.

Seterusnya dalam per-
utusan itu, baginda men-
doakan ke hadrat Allah
Subhanahu Wataala se-
moga Tuan Yang Terutama
sentiasa dalam perlintu-
ngan Allah, sihat sejahtera
dan semoga rakyat Negara
Jordan akan sentiasa
menikmati kemakmuran
dan kesejahteraan yang
berterusan.

44

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

برسقا دو مسقر كاس منديري قراجوريت بعسا

BERSEPADU MEMPERKASA MANDIRI PERAJURIT BANGSA

31 MEI 2005

PADA HARI SELASA, 22 RABIULAKHIR 1426 / 31 MEI 2005
 BERTEMPAT DI STADIUM PENANJONG GARISON, DAERAH TUTONG
 PAMERAN STATIK DAN PERTUNJUKAN ARENA DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI
 PADA JAM 1.00 PETANG

Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam

DITERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, DENGAN KERJASAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI.

Qari dan qariah negara beri impak positif

BERAKAS, 16 Mei. - Penyertaan qari dan qariah belia di negara ini telah memberi impak positif ke arah peningkatan mutu serta prestasi program belia serantau di mana qari dan qariah belia di Negara Brunei Darussalam telah meletakkan suatu 'benchmark' yang perlu dicapai oleh qari dan qariah belia di rantau Asia Tenggara.

Dalam bersepadu memperkasa kemajuan dan relevansi masyarakat belia dalam pembangunan negara, masyarakat hendaklah bertindak positif terhadap intisari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahukan golongan belia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

memiliki 'mind-set' terbuka, proaktif dan kaya dengan wawasan, selain mesti berilmu dan celik dalam pelbagai ilmu pengetahuan bagi mem-

Oleh Noor Khadijah Tengah

bolehkan mereka berinteraksi, berdialog, bertukar-tukar fikiran bersama rakan-rakan mereka dalam platform serantau dan antarabangsa.

Titah baginda itu adalah suatu cetusan murni yang menjadi cabaran yang perlu dipikul oleh masyarakat belia di negara ini dan venue untuk menyahut cetusan murni baginda itu adalah terbentang luas, misalnya dengan mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara, Belia Abad Ke-21, Pertukaran Belia-belika Komanwel, Program-program Bilateral ASEAN + 3 dan program-program yang

dianjurkan oleh ASEAN-COCI.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan perkara tersebut semasa berucap di Majlis Kesyukuran Meraikan Pemenang-pemenang Peserta Negara Di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara 1426H/2005M, di Dewan Di-Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Menurut Yang Berhormat, qari dan qariah di

Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan dapat dijadikan 'role model' dan perangsang kepada belia-belika di negara ini supaya lebih giat berusaha, lebih motivasi dan fokus dalam sebarang upaya yang melibatkan kesejahteraan serta kebajikan masa depan mereka.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, negara ini telah mengunggulkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara sebanyak tiga kali iaitu kali pertama pada tahun 2000 dan kedua tahun 2003 yang cuma menampilkan peserta qari belia, manakala kali ketiga pada tahun ini telah mengikutsertakan qariah belia.

Yang Berhormat menambah, penyertaan qariah belia itu telah menyemarakkan lagi program belia bertaraf serantau, di samping telah mengharumkan nama negara dalam upaya menyumbangkan sesuatu ke arah mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman, makmur, harmoni, bahkan dunia yang bersatu padu serta ummah yang sejahtera dan penuh toleransi.

Sementara itu, Pengerah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol dalam ucapannya berharap agar anugerah kemenangan itu akan dapat memberikan galakan kepada mereka yang diraikan untuk mempertingkatkan lagi mutu bacaan masing-

masing ke tahap yang lebih tinggi.

Acara majlis dimulakan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Fikri bin Awang Haji Metussin, naib johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-3, 2005 dan Dayang Norezah binti Haji Mohammad Deli, naib johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-3, 2005.

Yang Berhormat pada majlis itu juga berkesudian menyampaikan hadiah penghargaan kepada tiga orang pemenang negara Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara 1426H/2005M.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PUSAT BERBAGAI KEGIATAN

DI MANA sahaja, sebelum segala-galanya berkembang, maka 'Pekan' di satu-satu tempat itu dengan sendirinya akan menjadi pusat segala kegiatan hidup. Seperti halnya dengan sesebuah negeri atau negara, maka ibu negerinya pasti ada yang juga berperanan sebagai pusat pada menggerakkan pentadbiran negeri atau negara itu. Maka itu, kalau masih disebut atau dikenali sebagai 'Pekan', maka ianya tidak mesti merupakan pusat bagi semua kegiatan seperti yang diperankan oleh ibu negeri atau ibu negara yang memegang tanggungjawab yang lebih besar daripada yang diperankan oleh Pekan. Tegasnya bahawa Pekan itu adalah lebih kecil dari ibu negara atau ibu negeri, malah lebih kecil lagi daripada bandar.

Demikianlah secara ringkas yang dapat kita kutip tentang pengertian Pekan yang hendak kita sentuh dan bincang-bincang sedikit mengenai tempat yang kini bernama Bandar Seri Begawan yang sebelum itu disebut sebagai Bandar Brunei dan yang dahulunya lagi disebut sebagai Pekan Brunei, dan pada awal-awalnya yang dahulu itu hanya disebut sebagai Brunei sahaja. Mungkin pada yang dahulu-dahulunya lagi, ada nama lain yang disebut yang maksudnya juga adalah Brunei. Sebab, dahulu-dahulunya, kita sering mendengar bahawa apabila orang 'di hulu' hendak ke Brunei, maka mereka akan menyebutnya sebagai 'hendak hilir ke laut' atau 'hilir' sahaja atau yang lain-lain yang merujuk kepada tempat yang bermaksud 'Brunei' itu.

Namun demikian di sepanjang di bawah pentadbiran British dan 'protected state,' nama 'Brunei Town' adalah cukup terkenal yang tidak setakat di sekitar Borneo bahkan juga di sekitar Asia dan Eropah, biarpun ada ketikanya ada orang menyangka bahawa Brunei itu merupakan salah sebuah negeri di Afrika dan ada juga yang menyebut sebuah tempat yang bernama 'Brunei' itulah Brunei, walhal ianya sama sekali berlainan apa lagi letaknya memang berlainan iaitu antara yang di Timur dan yang di Barat. Hal ini memang selalu berlaku sejak dahulu lagi, sejak lebih 40 tahun

dahulu yakni sejak kita dan rakan-rakan lainnya masih menjadi penuntut lagi.

Kalau hal ini berlaku pada masa dahulu itu tidaklah begitu menghairankan sangat, namun kiranya ia masih juga berlaku pada zaman yang serba canggih, sofistikated, zaman siber, internet dan serba kecanggihan komunikasi ini, kita cuma sedikit kecewa sahaja di samping kita menyedari sejauh mana kemampuan ciptaan manusia dan keupayaan manusia itu sendiri yang sesungguhnya adalah amat terbatas biarpun hanya sekadar perkara yang kecil seumpama ini.

Namun, melalui penyertaan dan pengalaman kesungguhan, kalau perkara besar boleh diatasi maka mengapa pula yang dianggap kecil itu tidak berlaku? Anggaplah hal yang demikian itu sebagai peringatan sahaja untuk melakukan sesuatu yang terbaik daripadanya.

Berbalik ke Bandar Seri Begawan sambil melirik Bandar Brunei dan Pekan Bruneinya dahulu itu, memang perubahan itu berlaku tanpa disedari. Ia berlaku lebih jelas disebabkan oleh desakan keadaan dan suasana yang melingkari rakyat dan penduduknya sambil paut-memaut dengan desakan-desakan lain dalam lingkungan ekonomi dan sosial yang berlaku waktu itu.

Semasa orang mengenalnya pada nama

Bandar Brunei, ia sebenarnya seolah-olah baru terlepas dari susah payahnya sewaktu melalui era Pekan Brunei - sebuah nama yang sangat bersangkutan dengan kesusahan yang memerlukan satu tahap yang tinggi yang tidak setakat berpaut pada semangat semata-mata bahkan ilmu dan pendidikan serta akal fikiran yang cekap adalah sangat utama. Semua itu amat perlu dalam meyakinkan kebolehan diri sendiri selain dari keyakinan orang lain tentang layak tidaknya kita membangun dan membangun dan keluar dari kepompong kesusahan.

Tinggalan-tinggalan Pekan Brunei yang lebih banyak dari kemudahan-kemudahan tradisi seperti dari rumah-rumah yang beratapkan daun nipah, kayu-kayan dan pasak-memasak serta alat dapur dari tambak batu, tanah dan kayu, mengenalkan perubahan yang lebih baik dan mudah berikutan dengan pengenalan alat-alat baru dan peluang-peluang baru untuk satu lagi tingkatan tahap kehidupan yang lebih baik dari yang lama. Dengan tidak melupakan yang lama sebagai asas meneruskan perjuangan yang terus mengarah kepada yang lebih baik itu, Bandar Brunei terus dibangun dengan memperkenalkan bangunan-bangunan pentadbiran yang lebih kukuh, masjid yang cantik dan cukup memberi ketenangan kepada rakyat dan penduduk Islam untuk melaksanakan amal

ibadat yang dituntut, pasar yang lebih baik, tiga buah panggung wayang yang lebih baik dari yang lama untuk menghibur dan mengistirahat tenaga dan fikir, bangunan-bangunan kedai baharu yang menawarkan perkhidmatan yang cukup pada keperluan waktu itu. Sambil itu, juga tegak berdiri beberapa perkhidmatan dan pembangunan baharu yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang tidak sesulit sekarang ini. Tetapi ia adalah lebih bergantung kepada tahap persekolahan seperti yang tinggi sekolahnya akan mendapat kerja yang lebih baik. Namun, persepsi dahulu terhadap kerja yang baik itu sudah barang tentu pada mereka yang dapat kerja di pejabat baik kerajaan atau swasta sama ada sebagai peon apa lagi kerani. Di sinilah juga menunjukkan bagaimana sebenarnya pendidikan atau pelajaran itu mengambil peranan dalam pembangunan sesebuah bangsa dan negara itu.

Pada tahap yang tertentu, arus pembangunan saling mengambil tempat, maka dengan sendirinya juga kehidupan rakyat dan penduduknya, harus juga berentak yang lebih cergas dan pantas terutama dalam mendapatkan mata pencarian untuk kehidupan yang lebih baik. Kegiatan berniaga, umpamanya, bercambah hampir di semua penjuru yang memberi peluang untuk mereka bergiat. Baik di tanah-tanah lapang seperti tempat-tempat letak kereta, di belakang-belakang bangunan hatta di tepi-tepi pasar, tebing dan sungai - semuanya dimanfaatkan untuk mempamerkan keinginan mereka dalam membina kehidupan yang lebih baik dan berfaedah untuk negara. Dengan demikian, pasar-pasar baru tumbuh biarpun pada mula pertumbuhannya mengalami pelbagai percanggahan dalam kotak fakir yang tidak selalunya sehalu. Namun, kini segala-galanya sudah biasa lalu mengalahkan bisa, akhirnya Pasar Gadong berfungsi dengan baik sementara Pasar Tambing tetap gah dengan kecemerlangannya.

Kebanyakannya berlaku di bandar yang kini semakin membesar dan dikhabarkan akan dinaikkan tarafnya menjadi Bandar Raya pada tahun 2010.



KEGIATAN Tamu di hadapan Kampong Sultan Lama dahulu (kiri). Demikian juga kegiatan berdagang berlaku di mana-mana termasuk di belakang-belakang bangunan kedai dan Pasar Ikan dan Daging (kanan dan tengah). Semuanya berlaku di bandar.

KAN HALNYA

BERHUTANG sudah menjadi suatu perkara yang mudah pada masa sekarang. Apa tidaknya, segala kemudahan untuk berhutang tersedia di mana-mana. Di bank-bank bermacam-macam produk disediakan untuk orang ramai meminjam wang. Ada yang menawarkan jumlah pinjaman yang begitu tinggi dengan kadar yang sederhana dan jangka waktu bayaran semula yang panjang.

Jika kita lirik semula pada zaman nenek kita dahulu, perkataan berhutang ini adalah suatu perkataan yang jarang disebut dan digunakan. Jikapun mereka perlu berhutang, mereka hanya akan meminjam wang daripada keluarga terdekat seperti indung bapa atau adik-beradik mereka dan akan membayar balik pinjaman berkenaan pada suatu tempoh yang ditentukan tanpa sebarang faedah.

Tetapi sekarang semua itu sudah jauh berbeza. Aliran berhutang boleh dikatakan sudah membudaya dalam masyarakat kita. Apa tidaknya ramai di antara kita yang mencari jalan berhutang sebagai penyelesaian kepada keperluan-keperluan yang memerlukan perbelanjaan besar seperti berkahwin, membeli perkasas rumah, membeli kereta, malahan ada yang berhutang untuk

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn

menunaikan ibadah haji ke Mekah. Masya-Allah ... sedangkan untuk menunaikan haji itu adalah terang dan jelas bagi mereka yang mampu sahaja untuk menunaikannya.

Semua ini bukanlah berpunca dari keperluan sebenar-benarnya. Keseluruhan mereka yang sanggup berhutang adalah kerana untuk memenuhi cara hidup bergaya. Mereka rela menyusahkan diri berhutang banyak asalkan penghidupan mereka bergaya. Namun mereka tidak menyedari bahawa memang mereka telah menempah jalan kesusahan. Mereka terpaksa akan membayar hutang berkenaan dalam jangka waktu yang lama dan akan mengikat mereka jika tidak membayar semula hutang berkenaan.

Perkara ini memang jelas. Budaya berhutang ini telah menyeret ramai

PASAL BERHUTANG

anggota masyarakat kita ke kancas pengadilan di mana ramai orang kita yang diseret ke mahkamah untuk menyelesaikan hutang-piutang yang tidak terbayar atau sengaja tidak membayar. Akhirnya nama mereka akan tercemar dan akan diisytiharkan mufliis yang tidak berkesudahan.

Langkah yang telah dikeluarkan baru-baru ini yang lebih mengawal skim pinjaman peribadi daripada bank-bank dan institusi kewangan yang lain adalah satu langkah bijak dan kena serta tepat pada waktunya. Dalam keadaan ekonomi dunia yang berbagai serta nilai pembiayaan penghidupan yang tinggi, kebijakan untuk mengatur pembiayaan penghidupan adalah sangat kritikal dan dituntut.

Memang sesuatu yang baru itu akan diterima de-

ngan pelbagai reaksi. Apatah lagi ramai yang terkejut dengan perkara pengawal sistem peminjaman peribadi yang hanya menghadkan kepada seseorang itu dibenarkan meminjam hanya 12 bulan gaji sahaja. Ramai yang menerima dengan penuh kebingungan. Ada yang mengatakan bahawa rancangan terpaksa diubah suai memandangkan dana kewangannya terpaksa dikurangkan. Ada juga yang sudah membina rumah dan berharap untuk membuat pinjaman tambahan untuk menyiapkan terpaksa mencari alternatif lain untuk menyudahkannya.

Pokok pangkalnya, langkah berkenaan adalah bertujuan murni dan sihat. Ia adalah bertujuan untuk mengajar serta menyedarkan kita untuk mengubah sikap daripada membelanjakan boros dan tidak ketetapan untuk berhemat dan berjimat-cermat. Lebih mementingkan sesuatu yang harus dipentingkan dahulu.

Baru-baru ini perkara mengenai hutang ini juga menjadi bahan untuk direnungkan bersama apabila ianya disebutkan dalam Khutbah Jumaat. Menurut khutbah berkenaan penduduk dan rakyat negara ini adalah yang paling banyak berhutang di rantau sebelah sini, sehingga membawa jumlah kepada 60 peratus daripada pendapatan seseorang.

Prosedur peminjaman wang yang mudah di beberapa institusi kewangan telah menjadikan ramai orang memohon untuk membuat pinjaman peribadi sehingga menjadikan mereka terpaksa meminjam lagi di tempat lain. Malahan ada yang membayar semula hutang-piutangnya lebih dari gaji yang diterimanya setiap bulan.

Konsep 'kalau anda berhutang, anda tadapat naindah' adalah satu konsep yang ternyata salah. Ia boleh mengancam kemandirian ekonomi dan menjejaskan pembiayaan penghidupan yang semakin me-

ningkat. Kita seharusnya sudah lama menanamkan sikap berjimat dan berhemat dan berbelanja serta membeli apabila perlu sahaja. Soal untuk bergaya adalah soal yang terkemudian. Lihatlah kemampuan kita sebelum membuat keputusan untuk membeli sesuatu. Fikirkan kepentingannya dan mana yang harus di dahulukan untuk dibeli.

Mengubah sikap yang sudah membudaya memanglah bukan satu perkara mudah, semudah yang diucapkan. Ia memerlukan semangat yang kental dan usaha yang gigih. Mulakan ia sekarang. Jangan perlu ditunggu lagi. Mulalah menabung dan mengurangkan sikap ego kita untuk terus bergaya. Kita fikirkan sesuatu yang positif dan boleh memberikan kita semangat untuk terus hidup sederhana tetapi serba kecukupan.

Secara keseluruhan, semua itu ada hikmahnya. Perkara tersebut mengajar

kita untuk lebih banyak muhasabah diri. Sejahtera mana sudah kita mengamalkan kesederhanaan dalam penghidupan hari ini? Adakah kita ini sudah bersedia untuk menghadapi satu situasi di mana memerlukan kita untuk berkorban untuk kelangsungan penghidupan di masa akan datang.

Kita sambut langkah pengawalan pinjaman berkenaan dengan hati terbuka dan lapang dada, kerana ia nanti akan dapat memberikan kita satu ruang untuk bernafas dari kesempitan wang dan terus diburu hutang yang tidak berkesudahan. Memang betul sahaja kata lagu yang mengatakan 'gali lubang tutup lubang, pinjam wang bayar hutang'.

Semuanya tidak akan selesai sampai bila pun, selagi kita tidak mengubah sikap kita. Wang memang diperlukan dalam hidup tetapi jangan sampai kita menjadi hamba kepada wang.

Kebawah DYMM prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan penuntut

KUALA LUMPUR. - Para pelajar dan penuntut Negara Brunei Darussalam di Malaysia menyebarkan rasa syukur dan terima kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan penuntut di luar negeri.

Mereka menyatakan, pemedulan baginda itu amat jelas apabila baginda berkenan berangkat meluangkan masa untuk beramah mesra bersama para penuntut di Rumah Awang Alak Betatar semasa berangkat mengadakan lawatan negara ke Malaysia baru-baru ini.

Di Majlis Ramah Mesra itu baginda bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menemui para penuntut dengan bertanyakan bidang-bidang pengajian yang diikuti, di samping me-

nerima junjung ziarah para penuntut.

Menurut Muhammad Norfauzi bin Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Dani, keprihatinan baginda itu jelas mencerminkan baginda amat menitikberatkan soal pendidikan rakyat.

Beliau yang kini menduduki tahun tiga dalam bidang Communications Engineering di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menyatakan keberangkatan baginda menemui para penuntut itu setentunya akan meningkatkan lagi semangat dan motivasi para penuntut untuk belajar dengan gigih.

"Kita melihat keberangkatan baginda berdua jelas memperlihatkan baginda sangat menitikberatkan pendidikan rakyat dan ini akan meningkatkan motivasi para pelajar kita untuk belajar dengan tekun dan gigih," katanya.

Pandangan Muhammad

Oleh Hj. Ahat Hj. Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Norfauzi itu dikongsi sama oleh rakannya Nor Azlina binti Haji Ahmad yang menyatakan kesempatan bertemu bersama baginda berdua sememangnya menjadikan kenangan abadi selain menjadi pendorong untuk terus berusaha gigih mencapai kejayaan di bidang pelajaran.

"Saya sememangnya sependapat dengan rakan saya tadi dan sememangnya kesempatan begini akan menjadi kenangan selain menjadi pendorong untuk belajar dengan gigih lagi," katanya.

Bagi Siti Nurfuraila binti Haji Mohd. Jaafar yang menuntut di University College Sunway menyatakan peluang bertemu bersama baginda berdua sememangnya amat mengembirakan dan keberangkatan baginda itu merupakan dorongan kepada para pelajar untuk belajar lebih

gigih.

"Berjumpa Kebawah Duli Yang Maha Mulia hari ini amat mengembirakan dan inilah kesempatan kami untuk beramah mesra dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda berdua dan dengan perjumpaan ini akan dapat mendorong para pelajar untuk belajar dengan tekun," ujarnya.

Perasaan gembira bertemu baginda berdua juga diungkapkan oleh Ak. Haji Md. Azizzul Amri Pg. Haji Sarpuddin yang mengikuti pengajian Bachelor In Networking di University College Sunway.

Penuntut tahun dua ini berkata, "Bertemu baginda ini sungguh mengembirakan dan kesempatan ini jarang ditemui apa lagi kita yang sedang belajar di luar negeri sememangnya jarang ber-

jumpa. Jadi pada kesempatan inilah kita berpeluang untuk beramah mesra dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda," tambahnya.

Sementara itu seorang penuntut yang kebetulan sedang bercuti di Malaysia, Ak. Zainul Asri ketika ditemui juga menyatakan rasa gembira berpeluang bertemu baginda berdua di majlis tersebut.

Beliau yang menuntut di United Kingdom berkata baginda sememangnya seorang raja yang sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan kemajuan penuntut. Justeru keberangkatan baginda inilah memperlihatkan komitmen yang jitu di bidang pelajaran.

"Oleh itu pada kesempatan inilah baginda dapat mengetahui perkembangan para penuntut dan para penuntut pula berpeluang melihat wajah baginda berdua secara dekat dan beramah mesra."

DBP ikuti ceramah pencegahan rasuah

Oleh Noor Khadijah Tengah

BERAKAS, 10 Mei. - Dalam usaha mencegah gejala rasuah di kalangan masyarakat, Biro Pencegah Rasuah (BMR) secara berterusan mengadakan ceramah dan taklimat kepada agensi-agensi kerajaan dan orang ramai di negara ini.

Dua orang penceramah BMR telah menyampaikan ceramah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Dewan Sarmayuda di sini.

Ceramah dan taklimat tersebut bertujuan memberikan panduan dan pengajaran kepada para pegawai serta kakitangan agar dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, jujur dan amanah.

Penceramah pertama disampaikan oleh Penyiasat Khas Kanan BMR, Dayang Linda Aini Abdullah, mempunyai pengalaman yang luas dalam penyiasatan kes jenayah yang membabitkan penderaan wanita, di samping bidang pendidikan pencegahan dadah dan sebagai kaunselor bekas penagih dadah.

Dalam ceramah itu juga ditayangkan klip

rakaman dan lakonan drama bersiri bertajuk KOD 486 yang menunjukkan salah satu strategi mereka dalam pencegahan melalui pendidikan antirasuah.

Sementara itu, penceramah kedua, Penyiasat Khas BMR, Awang Selamat Liman yang berpengalaman luas dalam bidang penyiasatan lebih 20 tahun menerangkan mengenai kekeliruan orang ramai di negara ini mengenai pemberian hadiah sama ada hadiah itu berupa pemberian ikhlas atau pemberian yang membawa maksud tersendir.

Beliau menjelaskan bahawa sesuatu pemberian hadiah akan menjadi rasuah jika terdapat sesuatu persetujuan rasmi terhadap sesuatu perkara antara penerima dengan pemberi hadiah berkenaan.

Ceramah tersebut diadakan sebagai salah satu usaha mempromosikan penerbitan jabatan itu dalam aktiviti pencegahan rasuah.

Hadir dalam majlis itu ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Bakar bin Haji Zainal dan pegawai-pegawai DBP.



MUHAMMAD Norfauzi bin Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Dani, penuntut tahun tiga, bidang Communications Engineering, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.



SITI Nurfuraila binti Haji Mohd. Jaafar, menuntut di University College Sunway.



NOR Azlina binti Haji Ahmad, penuntut tahun tiga, dalam bidang Undang-undang Syariah, UIA, Gombak.



AWANGKU Haji Mohd. Azizzul Amri bin Pg. Haji Sarpuddin, penuntut tahun dua, Bachelor In Networking, University College Sunway.



AWANGKU Zainul Asri, menuntut di United Kingdom dalam bidang Tourism Business.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah sebahagian para penduduk Mukim Sukang yang mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia.

LAWATAN KERJA DPMM SUKANG DAN MELILAS.

KUALA BELAIT, 21 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan berangkat meneruskan lagi siri keberangkatan lawatan kerja ke dua buah mukim di pedalaman Daerah Belait iaitu Mukim Melilas dan Sukang.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia bermula di Mukim Melilas dengan keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia menggunakan pesawat helikopter dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Affendy; Pegawai Daerah Belait dan Pemangku Penghulu Mukim Melilas.

Tempat yang mula-mula dilawati Duli Yang Teramat Mulia ialah ke Rumah Panjang Melilas di mana Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengar sembah alu-aluan oleh Pemangku Penghulu Mukim Melilas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Awang Mohammad Ali yang menyentuh mengenai profil dan perkembangan Mukim Melilas hingga sekarang.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung menyaksikan pameran di kawasan ruang legar rumah panjang berkenaan. Pameran antara lain memaparkan hasil-hasil kraf tangan dan kesenian penduduk tempatan di Mukim Melilas. Juga dipersembahkan ialah seni kebudayaan penduduk-penduduk kampung.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat meninjau persekitaran rumah panjang di mana Duli Yang Teramat Mulia melihat sendiri keadaan laluan jejantas yang menuju ke tebing sungai yang merupakan nadi perhubungan dan pengangkutan utama penduduk-penduduk Mukim Melilas pada ketika ini.

Persinggahan seterusnya ialah ke b... pat kemudaha... sediakan ole... Kebawah Dul... Mulia Paduka... Sultan dan Y... tuan Negara E... salam terma... Kesihatan Me... rangkatan... Teramat Mul... oleh Pemangk... Tetap Kement... hatan, Dr. H... yang juga me... penerangan ri... nai perkhidma... berikan di kl... melalui P... Doktor Uda... wat pesakit lu... damit dan ibu... dung.


Liput... daya... dan S... Gambar-g... dan H...



DULI Yang Teramat Mulia ketika berangkat tiba ke Mukim Melilas dan dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang memeluk agama Islam di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia ketika menyebarkan sesuatu kepada seorang murid Sekolah Rendah Melilas.



DULI Yang Teramat Mulia ketika disembahkan taklimat mengenai perkembangan Klinik Mukim Melilas (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan pameran yang memaparkan kemajuan dan perkembangan Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian sambil di-sembahkan penerangan (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan meninjau sendiri jejantas yang menghubungkan daratan dengan tebing sungai yang menjadi nadi perhubungan penduduk Mukim Melilas (kiri).



DULI Yang ketika me... dekat lagi... Kampung M...

DULI Yang ketika ber... ma pesam... sembahkar... hulu Muk... Datu Mah... Mohd. Simp...

DULI Yang ketika be... nanam sep... Palma se... kenangan... an lawatan... Yang Teram... Mukim Suk...

KE MUKIM KUALA BELAIT



an Haji Dayang Haji Kasim
ng.kasim@information.gov.bn
ukri Hidayat Haji Abu Bakar
ambar oleh Harun Haji Rashid
aji Masmaleh Haji Mohd. Ali

beberapa tem-
an yang di-
h Kerajaan
Yang Maha
Seri Baginda
ang Di-Per-
runi Darus-
suk Klinik
Melilas. Kebe-
Duli Yang
ia dijunjung
u Setiausaha
terian Kesi-
aji Affendy
nyembahkan
ngkas meng-
tan yang di-
linik tersebut
erkhidmatan
bagi mera-
ar, anak-anak
ibu menga-

aan dan ke-
uduk setem-
ut mendapat
pada Jabatan
dengan ker-
katan Ber-
Brunei me-
Titian Amal'



Teramat Mulia
ninjau lebih
Balai Ibadat
Melilas (atas).

Teramat Mulia
enan meneri-
bah yang di-
oleh Peng-
im Sukang,
araja Setia
ok (kiri).

Teramat Mulia
erkenan me-
pohon pokok
bagai tanda
keberangkatan
kerja Duli
mat Mulia ke
ang (kanan).

kemudahan yang terdapat di Balai Ibadat berkenaan yang juga merupakan satu-satunya Balai Ibadat yang terdapat di mukim berkenaan.

Dari Balai Ibadat Melilas, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat meneruskan lawatan ke Sekolah Rendah Kampung Melilas. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di sekolah berkenaan dijunjung oleh Guru Besar Sekolah Rendah Melilas, Awang Ibang anak Ampayan yang juga menyebarkan taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian akademik murid-murid sekolah berkenaan. Duli Yang Teramat Mulia juga dijunjung melawat ke bilik-bilik darjah dan sekitar kawasan bangunan sekolah serta beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berangkat menggunakan pesawat helikopter meneruskan lawatan kerja ke Mukim Sukang yang terletak tidak begitu jauh dari Mukim Melilas.

bagi membina jambatan beratap yang menghubungkan Klinik Kesihatan Melilas dengan Balai Ibadat yang terletak berdekatan, di samping memberikan bantuan membekalkan bahan binaan dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Perkembangan syiar Islam juga menjadi perhatian Duli Yang Teramat Mulia ketika keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Balai Ibadat Kampung Melilas. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman. Semasa lawatan ini, Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan menyaksikan sendiri Majlis Pengislaman salah seorang penduduk setempat. Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyampaikan cenderamata kepada saudara baru berkenaan. Dalam lawatan ke Balai Ibadat ini, Duli Yang Teramat Mulia juga disebarkan taklimat penerangan mengenai latar belakang pembinaan dan



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah sebahagian para penduduk Mukim Melilas (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan antara barangan yang dipamerkan hasil kerja tangan penduduk Mukim Sukang (bawah kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan merasmikan bangunan baru Dewan Serbaguna Mukim Sukang (bawah).



Mukim-mukim di pedalaman tidak diabaikan

KUALA BELAIT, 21 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan meneruskan lawatan kerja ke Mukim Melilas di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di padang Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Pegawai Daerah Belait.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat sekitar sekolah tersebut dan seterusnya meninjau secara lebih dekat kemudahan bilik-bilik darjah serta kemudahan-kemudahan pembelajaran lain seperti Perpustakaan dan Bilik Teknologi Infokomunikasi (ICT). Seperti juga sekolah-sekolah lain di Negara Brunei Darussalam, Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian juga mempunyai wawasan bagi kecemerlangan murid-muridnya. Pelbagai kegiatan telah dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai objektif dan misi sekolah berkenaan.

Sekolah ini turut menganjurkan kelas-kelas tambahan bagi para pelajar serta aktiviti-aktiviti yang menggalakkan dan memotivasi murid-murid untuk terus belajar dan seterusnya mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Sekolah yang ditubuhkan hampir 50 tahun lalu, telah dibina pada tahun 1978 dan setahun kemudian diberikan nama sekolah yang kekal ke hari ini.

Dari Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat ke Pos Polis di mukim berkenaan. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung

Seri Setia Awang Haji Yusoff; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Affendy; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Pegawai Daerah Belait.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Klinik Kesihatan Mukim Sukang. Kerajaan juga amat mengambil berat tahap kesihatan rakyatnya, maka dengan terubuhnya klinik ini akan dapat memberikan perkhidmatan kesihatan asas secara percuma kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini termasuk rawatan pakar di luar negara yang tidak terdapat di negara ini.

Tahap kesihatan di Negara Brunei Darussalam adalah semakin baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hari ini negara telah mencapai keseluruhan 'global health indicators' yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat ke kediaman Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja Setia Mohd. Simpok. Mukim Sukang merupakan mukim terbesar di Daerah Belait dengan keluasan 758 kilometer persegi dengan lebih 600 orang penduduk. Dahulunya sungai adalah laluan utama untuk sampai ke Mukim Sukang, tetapi kini kenderaan boleh sampai ke mukim ini dengan menggunakan jalan darat.

Terdapat enam buah

kampung di mukim ini termasuk Rumah Panjang Punan. Sebanyak tiga puak mendiami Mukim Sukang, iaitu puak Dusun, Iban dan Punan. Kebanyakan golongan muda belia di mukim ini telah berhijrah ke bandar dan yang masih menetap adalah warga tua yang menyera kehidupan sehari-hari mereka sebagai petani.

Semasa keberangkatan ini, Duli Yang Teramat Mulia juga turut disebarkan dengan beberapa persembahan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti serta kegiatan penduduk-penduduk kampung di Mukim Sukang.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan berangkat ke Rumah Panjang Biadong Ulu di Mukim Sukang. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di sini telah dijunjung oleh Ketua Rumah Panjang, Awang Lasit Gelawi dan para penghuni di rumah panjang tersebut. Rumah panjang yang mempunyai 10 pintu dihuni oleh lebih 60 orang. Rumah panjang ini turut dibekalkan dengan tenaga elektrik melalui sistem janakuasa.

Semasa berada di rumah panjang ini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama serombongan 152 guru-guru pelatih tahun akhir Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Mereka berada di Mukim Sukang bagi menjalani Program Intelak Di Luar Kampus selama dua hari yang bertujuan bagi memberi pendedahan amali dan jati diri sebagai salah satu program kursus di maktab berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan melawat ke Rumah Persinggahan Kerajaan yang juga terletak di Mukim Sukang iaitu sebagai salah satu kemudahan yang dise-

diakan di mukim ini. Rumah Persinggahan Mukim Sukang kerap digunakan oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan dari luar Mukim Sukang bagi mengendalikan tugas dan tanggungjawab serta peranan masing-masing di mukim ini.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Kampung Sukang. Selain sembahyang fardu, surau ini juga digunakan bagi pelbagai aktiviti-aktiviti keagamaan. Sejurus selepas selesai menunaikan sembahyang, DYTMM berkenan meneruskan lagi atur cara lawatan dengan berangkat ke Dewan Serbaguna Mukim Sukang.

Di dewan ini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai latar belakang projek pembinaan bangunan dewan serbaguna ini. DYTMM juga berkenan untuk merasmikan dewan ini yang juga merupakan Rumah Persinggahan Mukim Sukang yang baru.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat ke Dewan Serbaguna Mukim Sukang bagi santap tengah hari bersama para pegawai kanan kerajaan, sebahagian ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, guru-guru serta murid-murid dan penduduk-penduduk setempat.

Dewan tersebut ini siap pembinaannya dengan menelan belanja lebih \$500 ribu dan dibina di atas tanah seluas 1.999 ekar. Dewan ini dilengkapi dengan enam buah bilik. Walaupun terletak jauh dari kawasan bandar, Mukim Sukang juga tidak ketinggalan untuk menerima kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, talian telefon dan air.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Mukim Melilas dan Sukang di Daerah Belait membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia dalam meninjau perkembangan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini, di samping meninjau prasarana-prasarana yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat di negara ini iaitu mereka yang tinggal di kawasan pedalaman turut tidak ketinggalan diberi perhatian.

Di masa yang sama, Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan untuk mendengar masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan yang disebarkan antaranya oleh Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung seperti mana jua dalam siri-siri lawatan keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia sebelum ini. Berikutan dengan perkara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah menyabdakan agar jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang terlibat untuk mengambil inisiatif dan tindakan yang sewajarnya bagi menangani perkara-perkara berkenaan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyempurnakan perletakan batu asas bagi Bangunan Pusat Sumber Pelajar, Makmal Sains, Pusat Maklumat dan Akademik Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR). - Gambar oleh Ramli Tengah.

Perletakan batu asas Pusat Sumber Pelajar MTSSR

JALAN MUARA, 12 Mei, - Bangunan Pusat Sumber Pelajar, Makmal Sains, Pusat Maklumat dan Akademik Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) yang kini rancak dibangun akan membantu menampung jumlah penuntut yang semakin bertambah, di samping akan memberi keselesaan kepada penuntut di maktab berkenaan apabila bangunan itu siap.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir

bagi menyempurnakan Majlis Perletakan Batu Asas bangunan berkenaan di tapak seluas 3,833 meter persegi.

Bangunan yang bernilai lebih \$2.8 juta itu dibangunkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dan dijangka akan siap pembinaannya pada penghujung bulan September tahun ini.

Bangunan itu juga selaras dengan hasrat MTSSR untuk menjadikannya sebagai pusat yang

dinamik sebagai model bagi latihan industri teknologi dan perdagangan.

Ia juga akan meningkatkan secara maksimum institusi teknikal utama dalam memajukan latihan dan pendidikan teknologi yang relevan di negara ini.

Bangunan tiga tingkat itu antara lain menempatkan bilik-bilik seminar dan latihan, bilik teknikal dan penyelidikan, perpustakaan, di samping makmal-makmal.

Oleh Samle Hj. Jait

samle.jait@information.gov.bn

Graduan HND perlu ubah sikap, minda untuk dapat pekerjaan

Oleh Hj. Ahmad Hj. Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

JERUDONG, 14 Mei. - Seramai 183 graduan Institut Teknologi Brunei (ITB) yang baru saja menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam pelbagai bidang di Majlis Konvokesyen Ke-14 diraikan dalam Majlis Malam Kesyukuran Konvokesyen yang berlangsung di Jerudong Park and Country Club di sini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir selaku tetamu kehormat dan juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para graduan terbaik.

Terdahulu dari itu majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti ucapan alu-aluan oleh Pe-

mangku Pengarah ITB, Dr. Haji Kassim bin Haji Daud yang antara lain menyatakan bahawa senario ketika sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan di mana setiap pekerjaan mudah diperolehi dengan kata lain pekerjaan mencari graduan, akan tetapi selepas negara merdeka senarionya adalah berbeza di mana setiap pekerjaan yang ditawarkan ratusan orang akan memohonnya.

Senario seumpama itu, tambahnya, terjadi juga kepada negara yang pesat membangun dan fenomena seperti ini telah pun berlaku kepada negara-negara jiran

kita yang sudah lebih awal merdeka.

Menurut beliau pada hakekatnya ketika ini pekerjaan-pekerjaan yang ada di sektor awam sudah semakin penuh dipenuhi oleh graduan-graduan yang berkelulusan tinggi. Apa yang perlu diambil perhatian ialah tidak lagi ada pekerjaan-pekerjaan yang di 'reserve' atau dikhaskan untuk graduan-graduan HND. Jika ada, jelasnya, mungkin jumlahnya agak kecil jika dibandingkan dengan graduan yang dikeluarkan oleh negara setiap tahun.

"Ini bermakna kita tidak lagi boleh berharap secara

realistik untuk mendapatkan pekerjaan yang lazimnya direbut oleh pemegang-pemegang HND. Kita perlu mengubah sikap dan minda dan bersedia untuk menjawab jawatan yang lebih rendah, sama ada di sektor swasta ataupun sektor kerajaan," katanya.

Majlis malam itu diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada tujuh orang penerima anugerah pelajar terbaik dan 16 orang pelajar menerima anugerah sumbangan dari sektor swasta yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Majlis juga diselenggarakan dengan pelancaran sebuah buku bertajuk 'Principles and Practices of Banking - A Brunei Perspective' oleh tetamu kehormat. Buku tersebut dihasilkan oleh kakitangan Jabatan Pengurusan dan Perniagaan ITB terdiri daripada Haji Rafiqul Islam, Dr. Hajah Naamah binti Haji Basir dan Hajah Rose Abdullah @ Haji Karim.

Menurut statistik pengambilan ITB, sejumlah 2,500 orang telah mendaftar sejak bulan Januari 1986 hingga Ogos 2004 dengan mengambil pelbagai jurusan iaitu jurusan perdagangan dan kewangan, penggunaan komputer, sistem maklumat, pengajaran komputer, kejuruteraan komunikasi dan sistem komputer, kejuruteraan kuasa elektrik dan perkhidmatan bangunan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan awam dan kejuruteraan elektrik dan elektronik.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan hadiah kepada seorang graduan terbaik di Majlis Malam Kesyukuran Sempena Konvokesyen Ke-14 Institut Teknologi Brunei (ITB). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Pejabat Perkembangan Kurikulum akan mempunyai bangunan baru



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz meletakkan batu asas Pejabat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Abdullah Hj. Awang Damit.

BERAKAS, 16 Mei. - Majlis Perletakan Batu Asas bagi Pejabat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan berlangsung hari ini di kawasan bersebelahan bangunan Kementerian Pendidikan di sini.

Perletakan batu asas didahului oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz diikuti oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Asminan bin Haji Chuchu.

Yang Berhormat dan para tetamu seterusnya menyaksikan pameran sambil diberikan penerangan oleh wakil Arketik Ibrahim me-

Oleh Siti Seri Leila Imelda
Farrah Zohre Hj. Abdullah

ngenai reka bentuk bangunan tersebut.

Bangunan tujuh tingkat itu akan dilengkapi sebuah dewan perhimpunan yang boleh menampung 500 tempat duduk dan ruangan pameran yang terletak di aras bawah, sementara di aras satu pula menempatkan Perpustakaan, Bilik Sumber, Studio AVA, Bilik Komputer dan Studio Televisyen.

Sementara itu di aras dua hingga lima pula akan menempatkan Bilik Pendidikan Media dan Pengajian Sumber serta Pejabat-pejabat, Unit Sains Sosial, Bilik Grafik, Perpustakaan Utama dan Bilik Sindiket.

Di aras enam bangunan tersebut akan menempatkan Pejabat Setiausaha Tetap di Bilik-bilik Me-

syuarat, manakala Pejabat Menteri, Bilik Sekretariat Persidangan, Kenamaan, Sembahyang dan Bilik-bilik Mesyuarat akan ditempatkan di aras tujuh.

Pembinaan projek yang menelan belanja \$6,125,849.00 itu mengambil masa 14 bulan bermula pada 30 November 2004 dan dijangka siap pada 29 Januari 2006.

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, memilih Arketik Ibrahim sebagai arketik bagi projek ini, manakala Hasbullah Daud Company Sendirian Berhad dipilih menjadi kontraktor projek tersebut.


Juga hadir pada majlis itu ialah pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Pendidikan.



REKA bentuk bangunan Pejabat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Abdullah Hj. Awang Damit.

ARENA SUKAN

Sifli Ahar pungut pingat emas acara jarak jauh



JUARA... Mohd. Shahjohan dikelungkan pingat emas oleh jaguh pelari pecut Australia, Patrick Johnson setelah menjuarai acara lompat kijang.

Tenis rangkul dua gangsa

DARWIN, 17 Mei. - Pasukan tenis negara berjaya merangkul dua pingat gangsa bagi acara berpasukan lelaki junior dan satu lagi pingat gangsa melalui acara perseorangan lelaki di Kejohanan Sukan Arafura 2005.

Pasukan Brunei Junior berjaya mengutip pingat gangsa pertama setelah menewaskan pasukan dari Northern Territory dengan kiraan 2 - 1 menerusi pemain Jason Tay yang bermain secara perseorangan sekalipun pada mulanya tewas kepada Justin Lim 6 - 7 dan 3 - 6.

Pasukan negara bangkit menerusi pemain perseorangan Jonathan Ooi yang menewaskan Ryan Calley 6 - 3, 6 - 3 dan seterusnya diikuti dengan kemenangan bagi acara bergu yang mempertemukan Jason Tay dan Jonathan Ooi yang menumpaskan pasukan Northern Territory.

Dalam kategori lelaki senior berpasukan negara berjaya mengutip pingat gangsa sekalipun tewas di akhir perlawanan ketika menentang peserta Republik Filipina dengan kiraan 3 - 0.

Rasheed Abdullah yang berjaya memberi saingan kepada Ken A berjaya mengikat perlawanan hingga ke set ketiga namun tewas di akhir perlawanan dengan kiraan 7 - 6, 3 - 6, dan 6 - 1.

Kekalahan tersebut akhirnya berlarutan hingga membawa kepada rakan sepasukannya, Ak. Aki yang tewas kepada L Alburo dengan kiraan 4 - 6, 6 - 7, sementara dalam acara berpasangan yang mempertemukan mereka berdua bagi menentang pasukan Republik Filipina tetap berpihak kepada lawan.

Namun Ak. Aki bang-

kit semula di dalam acara perseorangan dengan menebus kekealahannya kepada pemain Filipina, L Alburo untuk merebut tempat ketiga bagi perebutan pingat gangsa.

Jurulatih tenis, Fan Po Hoa berkata, semua pemainnya bermain baik dengan pencapaian terserlah menerusi pemain-pemain muda di mana mereka telah bertemu dengan pemain-pemain yang bertaraf dunia dari Taiwan di samping pemain senior.

Mengenai pencapaian keseluruhan pemain tenis beliau merasa berpuas hati, namun jadal yang ketat yang mesti dilalui oleh anak didiknya sehingga bermain sembilan set sehari membuat mereka keletihan, di samping faktor cuaca yang terlalu panas telah mengganggu konsentrasi mereka di perlawanan itu.

DARWIN, 17 Mei. - Pelari jarak jauh negara Sifli Ahar mengemparkan acara semi maraton Sukan Arafura 2005 dengan menguasai trek perlumbaan bagi pungutan pingat emas.

Atlet negara bagi acara jarak jauh yang sukar ditandingi di negara kita tidak mampu diberi saingan oleh mana-mana peserta khususnya peserta tuan rumah, malah memberikan beliau merasa yakin dengan larian sejauh 21 kilometer untuk dimenangi.

Kemenangan Sifli yang mendapat liputan media tempatan di sini membuatkan beliau merasa bangga kerana dapat mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.



Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Beliau dan beberapa peserta lain yang mempunyai harapan cerah di kejohanan ini hampir saja melupakan keinginan mereka untuk menyertai Kejohanan Sukan Arafura namun di saat akhir telah disenaraikan bagi menyertai kontinjen negara.

Dengan catatan larian 1 jam 12:5 saat cukup

meletakkan beliau di tangga teratas dengan meninggalkan jauh dua peserta tuan rumah dengan jurang masa lebih tiga minit bagi pengejaran pingat perak dan gangsa.

Menurutnya rahsia kemenangan beliau merupakan latihan yang dijalani setiap hari di bawah bimbingan jurulatih yang

dedikasi Awang Oleksandr Mosalenko di mana di bawah bimbingannya beliau telah membuktikan pencapaian terbaiknya iaitu dengan mencipta dua rekod baru dalam masa satu tahun.

Manakala peserta maraton wanita, Jenny Tan yang pertama kali menyertai kejohanan antarabangsa sejak mengikuti latihan empat tahun lalu telah memberikan saingan yang baik sekalipun berada di tempat kelapan iaitu dalam kedudukan 10 teratas dengan catatan masa 1 jam 41 minit.

Beliau mendapat didikan jurulatih yang sama merasa berpuas hati dengan pencapaian larian hari ini meskipun mendapat gangguan kesihatan yang berpunca dari bekalan makanan pedas.

Pasukan badminton pungut 4 gangsa



PEMAIN BERBAKAT ... Zulkifli Mohd. Salleh pemenang pingat gangsa dalam acara badminton perseorangan setelah tewas pemain utama Chinese, Taipei, Chen Chih Hao dengan kiraan 8 - 15, 1 - 15 di separuh akhir.

DARWIN, 19 Mei. - Pasukan badminton berjaya memungut empat pingat gangsa di Kejohanan Sukan Arafura 2005 menerusi acara berpasukan dan perseorangan.

Perlawanan yang dikendalikan secara pukul keliling disertai oleh pasukan Negara Brunei Darussalam, Victoria, Northern Territory, Chinese Taipei dan Macau.

Dalam pertemuan pertama pasukan Brunei telah bermain dengan baik apabila menewaskan pasukan Victoria dengan kiraan 7 - 2, namun sehari selepas itu pasukan negara terus bangkit untuk mengegarkan pasukan tuan rumah dengan kejutan kiraan 7 - 1 setelah menyaksikan kekalahan regu terakhir negara iaitu pasangan campuran Fadzli dan Noor Azura tewas dengan kiraan 11 - 15 dan 3 - 15.

Brunei yang pada awalnya yakin sekurang-kurangnya pingat gangsa dalam genggamannya akhirnya tunduk di tangan pasukan Chinese Taipei yang menguasai kesemua kategori permainan dengan kiraan 8 - 0.

Anak didik Wu Hue Kai akhirnya pasrah apabila tewas di perlawanan akhir kepada pasukan Macau dengan kiraan 1 - 7 sekali gus menjelmakan jangkakan mereka dengan genggamannya pingat gangsa.

Sementara dalam acara berpasangan lelaki Huzaini dan Md. Fadzil yang mewakili negara tewas kepada pasukan Macau dengan kiraan 0 - 2 dalam perlawanan separuh akhir.

Manakala dua pemain perseorangan yang masuk ke peringkat separuh akhir termasuklah pemain wanita Noor Azura yang tewas kepada pemain pilihan kedua Macau, Tsai Wen Asin dan diikuti kekealahannya pemain berpotensi Zul-

kifli Mohd. Salleh kepada pemain utama Chinese Taipei, Chen Chih Hao dengan kiraan 8 - 15, 1 - 15 sekali gus memungut pingat gangsa.

Menurut Zulkifli sejak acara badminton bermula Ahad lalu beliau dan teman sepasukannya telah menjalani jadual perlawanan yang singkat di mana memaksa mereka untuk bermain beberapa kali dalam sehari.

Menyentuh mengenai kekalahan yang menghalangnya untuk layak ke peringkat akhir, beliau yang nampaknya keletihan menyatakan bahawa beliau telah berusaha sedaya upaya di sebelah pagi untuk menewaskan peserta tuan rumah untuk layak ke separuh akhir di mana memakan masa lebih satu jam dan ini merupakan antara faktor keletihan tersebut.

Jurulatih, Wu Xue Kai menyatakan penyertaan pemain badminton di Sukan Arafura sangat baik di mana setiap penyertaan acara menyumbang pingat yang disertai oleh enam pemain di mana tiga daripadanya merupakan pemain muda.

Menurutnya kejohanan itu merupakan perlawanan pemanasan badan bagi menuju Sukan SEA di Republik Filipina yang akan datang malah gembira dengan pencapaian pemain perseorangan wanita yang memperolehi pingat gangsa.

Menyentuh mengenai jadual perlawanan yang terlalu rapat beliau menyatakan jadual yang mereka lalui merupakan jadual bagi pemain profesional yang tidak boleh disamakan dalam kejohanan ini yang menyebabkan pemain merasa letih bukan saja pada fizikal tetapi juga mental.



MENGEJAR ... Jimmy Ahar ketika membuat kejaran ke atas pelari dari Sarawak untuk merebut pingat gangsa dalam acara 1,500 meter lelaki akhir.

Jimmy Ahar cipta rekod baru kebangsaan

DARWIN, 17 Mei. - Jimmy Ahar pelari 1,500 meter berjaya mencipta rekod baru kebangsaan sekali gus memecahkan rekod peribadi sendiri semasa Sukan Asia Tenggara (SEA) di Viet Nam sekali gus meletakkan beliau untuk memungut pingat gangsa di Kejohanan Sukan Arafura 2005.

Jimmy yang sememangnya olahraga berbakat mencipta rekod kebangsaan dengan mencatat larian terpendeknya 3 jam 57:51 saat sekali gus menenggelamkan rekod lamanya yang merupakan rekod negara yang hampir berusia dua tahun iaitu jam 3:59:81.

Namun tuah beliau tidak bersamanya dalam acara 4 x 400 meter lelaki apabila gandingannya Haseeri, Mohd. Arman dan Azmize hanya mampu berada di tempat keempat dari lima buah pasukan dengan catatan masa 3 jam

4:02 saat.

Menurut Jimmy sebenarnya mereka mampu memberi saingan kepada pasukan lain dalam acara itu malah berpeluang untuk memungut pingat sekurang-kurangnya pingat perak, namun kesilapan telah berlaku semasa pertukaran baton antara beliau dengan Mohd. Arman di mana mereka telah keciciran masa.

Sementara pelari wanita bagi acara lari pecut 200 meter Haffizah Nursari tidak dapat meneruskan persaingan ke peringkat akhir apabila hanya mampu membuat larian dengan kepantasan 26.71 saat sekali gus meletakkan beliau di tempat kesembilan dalam senarai separuh akhir.

Roslan Haji Baha selaku Pengurus pasukan ketika diminta mengulas pencapaian pasukannya, menjelaskan bahawa pencapaian anak buahnya

adalah baik dan jika pasukan ini ingin menyertai acara yang sama di Sukan SEA nanti mereka perlulah meningkatkan latihan dan mengatur strategi dengan lebih terperinci.

Kerana, menurut beliau, taraf Sukan SEA lebih tinggi tarafnya berbanding Sukan Arafura ini.

Menyentuh mengenai pencapaian rekod terbaik bagi pasukan ini selain dari memungut pingat emas, jelasnya Awang Jimmy Ahar telah memecahkan rekod beliau yang juga merupakan rekod kebangsaan bagi acara 1,500 meter, jelas Awang Roslan.

Beliau berharap secepatnya agar didatangkan jurulatih-jurulatih yang bersesuaian untuk melatih atlet-atlet negara, ketika diminta mengulas mengenai terdapatnya para atlet sukan yang tidak mempunyai jurulatih namun mampu menyumbang sebarang pingat.

ARENA SUKAN



Liputan Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pemain golf mampu bersaing di arena antarabangsa

DARWIN, 20 Mei. - Pemain-pemain golf negara mampu bersaing di arena antarabangsa setelah memperolehi tiga pingat emas dan beberapa pingat gangsa di Kejohanan Sukan Arafura 2005.

Jurulatih pasukan golf, Kalil Ariffin tidak me-

nyangka dengan peningkatan prestasi anak buahnya di kejohanan itu malah melahirkan perasaan gembira dengan hasil kutipan yang diperolehi kerana mempunyai pesaing yang berkemahiran.

Kutipan emas di kejohanan ini diperolehi menerusi pemegang handicap 14, Faiz Damit melalui acara nett kumpulan lelaki B diikuti pungutan pingat emas keduanya melalui acara gross B.

Kemenangan Faiz dalam acara gross B lelaki turut diiringi dengan kutipan pingat gangsa oleh Edwin Yong yang juga me-

rupakan pemegang handicap 15 dan pingat perak oleh Greg Wingard dari pasukan tuan rumah.

Kutipan emas ketiga bagi acara golf diperolehi menerusi acara berpasukan lelaki gross yang menggandingkan Pengiran Adam, Shahminan, Suhaimi dan Seruji, sementara tempat kedua dimenangi oleh pasukan tuan rumah, diikuti oleh Pasukan Tentera Australia di tempat ketiga.

Dalam pengejaran pingat, Seruji Setia yang memegang handicap 0 hanya menduduki tempat ketiga dalam acara gross A lelaki bagi pingat gangsa, Steve Rotherham dari pasukan Pertahanan Australia memungut pingat perak dan Australia unggul sebagai pemenang pingat emas.

Dalam acara nett berpasukan lelaki yang meng-

gabungkan Pengiran Adam, Shahminan, Suhaimi dan Seruji hanya mampu mengutip pingat gangsa di mana tempat

kedua dijuarai oleh pasukan Pertahanan Australia dan pasukan tuan rumah muncul sebagai juara.



PEMUNGUT DUA PINGAT EMAS ... Pemain golf junior, Md. Faiz Damit memperolehi dua pingat emas setelah memenangi acara nett kumpulan B dan melalui acara gross lelaki B.



Md. Arbe Hidayatullah kutip gangsa acara kriterium lelaki

DARWIN, 21 Mei. - Pasukan basikal memperolehi dua pingat gangsa menerusi acara uji masa dan kriterium junior perseorangan.

Kutipan pingat gangsa tersebut diperolehi menerusi acara kriterium lelaki junior melalui Md. Azbe Hidayatullah yang diadakan sebelum Majlis Penutup Sukan Arafura 2005 hari ini.

Kejayaan Azbe Hidayatullah merupakan penebus kekecewaannya di dalam acara uji masa perseorangan beberapa hari lalu setelah berada di tempat kelima.

Johan di perlumbaan bagi acara kriterium ini disandang oleh David Trott dan Matt King yang kedua-

duanya merupakan peserta Australia.

Beberapa hari sebelum itu peserta basikal memperolehi pingat gangsa menerusi Md. Rafiudin Zakaria dalam acara uji masa perseorangan lelaki junior dengan catatan masa kayuhan 27 minit 29 saat.

Ketewasan Md. Rafiudin dalam acara ini hanya dipisahkan beberapa saat sahaja di belakang johan perlawanan yang dimenangi oleh Matt King dan tempat kedua, Daniel Harrier yang mencatat masa 27 minit 55 saat yang mana kedua-duanya peserta Australia.

Manakala Md. Azbe Hidayatullah hanya menduduki tempat kelima dengan catatan masa 29 minit tiga saat.

Menurut Md. Azbe, beliau merasa tidak berpuas hati dengan hasil perlumbaan hari itu di mana sebelum perlumbaan dimulakan pihak penganjur telah mengubah suai basikalnya dengan hanya menghadkan gear kecil untuk dipakai berbanding sesetengah pelumba.

"Batas kelajuan basikal

saya terhad sedangkan masih mampu mengayuh basikal lebih dari itu, malah saya menghadapi kesulitan umpamanya apabila menuruni bukit yang memerlukan gear besar berbanding sesetengah pelumba yang boleh memakainya," jelas Md. Azbe Hidayatullah di akhir perlumbaan yang kelihatan begitu kesal.

Pasukan pekayuh bolot dua emas, satu perak

DARWIN, 21 Mei. - Kerja berpasukan dan menjaga disiplin yang baik menjadi perangsang kepada kejayaan pasukan pekayuh negara di Sukan Arafura dengan membolot dua emas dan satu perak dalam acara lumba perahu naga.

Pasukan negara yang sememangnya telah berse-

dia seawal perlumbaan menunjukkan hasil yang baik sehingga dalam acara saringan telah menguasai kesemuanya sekalipun pihak lawan cuba bermain kotor.

Dalam acara yang disertai bagi acara 500 meter untuk 20 orang pekayuh, anak didik Haji Haris telah

mencatat masa terpanjang satu minit 51 saat berada di hadapan pasukan Fre Sonix dari Brisbane dengan catatan masa dua minit dan ketiga pasukan tuan rumah DBNT Barra untuk mengutip pingat gangsa.

Bagi acara 1,000 meter untuk 20 orang pekayuh uji

masa, pekayuh negara telah mengejutkan pasukan tuan rumah dengan menampilkan kayuhan yang mantap bermula seawal kayuhan dengan rentak yang konsisten malah meningkatkan kayuhan dalam jarak 200 meter menuju ke garis penamat.

Dengan catatan masa empat minit 18 saat pekayuh negara secara langsung telah menjadi pemilik pingat emas dalam acara ini diikuti pasukan Fre Sonix, kedua dan ketiga, pasukan DBNT Barra.

Namun pekayuh negara kurang bernasib baik pada perlumbaan kelmarin yang mana telah menduduki tempat kedua bagi acara 500 meter untuk 10 orang pekayuh disebabkan oleh kesilapan pihak penganjur perlawanan dalam membuat ketetapan garis penamat, di samping telah mengatitkan bagi memakai perahu yang kurang baik (kemek).

Tempat pertama di perlumbaan itu pasukan Sub Sonix dan ketiga, DBNT Gekkos dari pasukan tuan rumah.

Pengurus pasukan ketika diminta memberi penjelasan mengenai pencapaian anak buahnya menerangkan bahawa pencapaian para pekayuh lumba perahu di Sukan Arafura amat memberangsangkan di mana mereka telah menerjemahkan kerja berpasukan yang baik dan memecahkan rekod-rekod lama seperti rekod pencapaian di Sukan SEA.

Masalah tercicir di tempat kedua dalam acara 500 meter bagi 10 orang pekayuh, beliau menjelaskan bahawa pelbagai kekurangan terjadi oleh pihak penganjur khususnya dalam membuat ketetapan bagi menentukan garis penamat di mana membuat pasukan negara terkeliru dan setelah diprotes hasil kejayaan itu telah nampak hari ini dengan memenangi dua pingat emas dalam dua acara yang disertai.

Rahsia kejayaan pasukan pekayuh negara menurutnya adalah dengan mengikuti sesi latihan yang teratur, di samping menunjukkan disiplin dan kerjasama setiap pekayuh dalam pasukan.



PINGAT PERAK ... Catatan kayuhan satu jam 51 minit 28 saat meletakkan Md. Rafiudin Zakaria yang mewakili pasukan negara bagi acara lumba basikal menyumbang satu pingat perak menerusi acara jarak jauh junior.



UNGGUL ... Pekayuh-peka-yuh Negara Brunei Darussalam unggul di hadapan bagi acara lumba perahu naga 500 meter 20 orang pekayuh.



CERIA ... Salah seorang pekayuh kelihatan ceria dengan kalungan pingat emas setelah memenangi acara perlumbaan uji masa 1,000 meter 20 orang pekayuh.

ARENA SUKAN

Pasukan 10 pin bowling kutip 10 pingat

DARWIN, 19 Mei. - Penyeritaan pasukan 10 pin bowling di Sukan Arafura 2005 menyerlah dengan mengutip sebanyak 10 pingat keseluruhan sepanjang kejohanan diadakan.

Negara Brunei Darussalam yang bermain cemerlang memperolehi pingat hampir semua acara yang disertai yang merangkumi dua pingat emas, lima perak dan tiga gangsa.

Kutipan pingat emas dalam acara ini diperolehi menerusi acara 'Men Graded Master' apabila pasukan negara mengungguli keseluruhan dalam acara tersebut dengan merangkul pingat emas melalui Ak. Mohd. Aizat; perak, Awangku Mohd. Rusidofy dan gangsa melalui Awang Musa.

Negara Brunei Darussalam terus unggul melalui acara 'Men Open Single' dengan memperolehi pingat emas melalui Mohd. Shahwal dan diikuti pungenan pingat perak menerusi rakan sepasukan Ak. Eshamuddin, manakala pingat gangsa oleh Jason Walsh dari New South Wales.

Buruan mengejar kutipan pingat bagi acara ini terus dilaksanakan di mana dalam acara 'Men Graded Single', Ak. Mohd Rusidofy memperolehi pingat gangsa dengan peserta tuan rumah mengungguli pingat emas dan perak.

Ak. Mohd Aizat merupakan seorang pemain muda yang berprestasi dalam acara sukan ini terus menambah koleksi pingat peribadi seterusnya bagi negara apabila dalam perlawanan 'Mens Graded Double', beliau yang berpasangan dengan Awang Musa memperolehi pingat perak.

Dalam acara 'Mens Graded Trio' yang menggandingkan Ak. Mohd. Aizat, Ak. Mohd. Rusidofy dan Haji Yakob berjaya menambah pungenan pingat perak setelah diungguli oleh pasukan Australian Defence Force, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasangan New South Wales.

Sementara dalam acara 'Mens Graded All Events' pemain muda Ak. Mohd. Aizat sekali lagi berjaya mengutip pingat gangsa dan ditambah lagi pungenan pingat perak melalui acara 'Mens Open Trio' yang berpasangan antara Ak. Mohd. Aizat, Ak. Khairul Rizal dan Ak. Eshamuddin.

Mahali Haji Abd Rahman yang merupakan Pengurus pasukan melahirkan perasaan bangga kerana pasukannya telah mencapai mutu permainan yang sangat baik kerana pasukan memperolehi 10 pingat melalui dua emas, tiga perak dan lima gangsa. Antara pasukan yang memberi saingan sengit dalam pertemuan ini jelasnya, adalah peserta Australia sendiri di mana mereka menukarkan pemain-pemain kebangsaan dari pelbagai daerah, namun dengan berbekalkan persiapan dan persediaan latihan yang cukup anak buahnya telah mampu bersaing.

Manakala Awangku Mohd. Aizat yang merupakan pemungut pingat paling banyak bagi acara ini khususnya bagi pasukan negara melahirkan perasaan bangga kerana berjaya mengutip empat pingat keseluruhan, di samping menjuarai dalam acara 'Mens Graded Master' bagi kutipan pingat emas.

Menurut Pengiran Abu Samah yang merupakan ayah kepada Ak. Mohd. Aizat sekali gus merupakan pendorong kuat kepada kejayaan ini melahirkan perasaan gembira, di samping menjelaskan bahawa hasil kejayaan anaknya itu adalah dari latihan berterusan sejak tahun lepas. Katanya, latihan merupakan keperluan yang mustahak di mana anaknya sekurang-kurangnya mengadakan tiga kali dalam seminggu bagi mengekalkan dan meningkatkan mutu permainan.

Katanya, latihan merupakan keperluan yang mustahak di mana anaknya sekurang-kurangnya mengadakan tiga kali dalam seminggu bagi mengekalkan dan meningkatkan mutu permainan.

Pasukan takraw pungut dua gangsa

DARWIN, 20 Mei. - Pasukan takraw Negara Brunei Darussalam di Sukan Arafura 2005 berjaya mengutip dua pingat gangsa menerusi acara regu dengan penyeritaan dua buah pasukan setelah tersekat untuk mara ke peringkat akhir.

Pasukan negara yang merupakan salah sebuah pasukan pilihan di kejohanan ini tersandung di peringkat separuh akhir kepada pasukan Thailand dan Pasukan Gajah Emas (Malaysia) yang menjadi penghalang utama untuk kemaraan ke peringkat akhir.

Dengan mempamerkan permainan yang baik anak didik Ittiphol Komchaik telah menunjukkan pencapaian yang baik iaitu dengan melewati ujian suku akhir yang mudah.

Namun laluan yang mudah itu akhirnya menja-

di laluan sukar bagi kedua-dua pasukan Brunei ini apabila dipaksa untuk melawati juara kumpulan 'A' dan kumpulan 'B' iaitu Gajah Emas dan pasukan Thailand.

Dalam pertemuan Brunei B, Pasukan Thailand ternyata terlalu kuat bagi anak buah Awang Tarip Haji Ladis ini apabila ditewaskan dengan 'straight set' 2 - 0, namun dengan semangat kesukanan yang tinggi mereka sedaya upaya telah memberi saingan yang membawa keputusan 21 - 7 dan 21 - 11.

Kegagalan menyambut servis kencang dari tekong Thailand merupakan salah satu faktor kepada kekurangan Pasukan Brunei B, nyata Pengurus pasukan, Awang Tarip.

Katanya dengan mengenali pasti kekurangan-kekurangan yang ada pasukan-



Liputan Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SASARAN ... Penembak Norsizillawati ketika berkonsentrasi pada sasaran dalam acara skeet wanita perseorangan dengan mendapat pingat perak sambil rakan sepasukannya Siti Aishah muncul sebagai pemenang pingat emas.



SAPU BERSIH ... Pasukan negara mengungguli keseluruhan acara Men Graded Master dengan merangkul pingat emas melalui Ak. Mohd. Aizat, perak, Ak. Mohd. Rusidofy dan pingat gangsa melalui Awang Musa.

Penembak negara kutip 4 emas

DARWIN, 20 Mei. - Pasukan penembak negara berjaya membawa balik empat pingat emas dalam acara 'trap dan skeet' lelaki dan wanita, di samping beberapa pungenan pingat perak dan gangsa.

Acara 'skeet' lelaki yang disertai 13 penembak yang berkemahiran telah melahirkan penembak negara, Razali Tagal sebagai pemenang dengan memperolehi 122 mata dengan diikuti rakannya Kamis Juing sebagai pemenang pingat perak yang terpisah dua mata di hadapan sambil penembak tuan rumah mengiringi di tempat ketiga sekaligus gangsa.

Penembak wanita yang menyertai acara skeet, Siti Aishah telah unggul sebagai penembak wanita terbaik sekali gus mengutip pingat emas dan Norsizillawati mendapat pingat perak.

Acara menembak yang menjanjikan kutipan pingat terus diperolehi dalam acara 'double trap' lelaki menerusi penembak yang baru berkecimpung dalam acara ini, Saiful Rizal dengan memperolehi pingat gangsa dan penembak tuan rumah berada di hadapan.

Penembak negara bagi acara 'trap lelaki' kurang menyerlah dalam acara ini namun mereka ini harus di beri pujian kerana berada di tangga kelima dan keenam menerusi Mohd. Hanafi dan Rizal Fuziaan dengan di sertai 11 penembak.

Dalam acara 'trap dan double trap' wanita pasukan negara telah menyapu ber-

sih kedua-dua acara tersebut dengan merangkul semua pingat emas, perak dan gangsa.

Pengurus pasukan, Awang Mohd. Noor berkata pasukannya telah mencapai kejayaan yang begitu baik di mana penembak-penembak negara telah mencapai prestasi yang tinggi.

Katanya sekalipun penembak kita ini baru mencuburkan diri dalam acara ini namun mereka telah membuktikan keupayaan mereka.

"Peserta negara telah menghadapi pesaingan yang sengit khususnya penembak-penembak tuan rumah yang mempunyai penembak yang jauh lebih berpengalaman di samping lama berkecimpung di arena ini berbanding penembak negara," jelasnya.

Dengan berbekalkan keyakinan dan semangat kesukanan penembak-penembak negara telah berjaya mengharungi cabaran dan sebalikny memberi tentangan yang sengit kepada penembak-penembak yang lain.

Penyeritaan di Sukan Arafura ini merupakan penyeritaan pertama penembak negara di peringkat antarabangsa, jelas Awang Mohd. Noor.

'Lawn bowling' gagal menyerlah

DARWIN, 21 Mei. - Pasukan 'lawn bowling' yang merupakan salah sebuah pasukan pilihan yang dijangka mampu menyumbang pingat di kejohanan Sukan Arafura 2005 gagal menyerlah di perlawanan kali ini.

Pasukan negara yang menyertai kategori lelaki dan wanita dalam acara perseorangan, berdua dan berempat gagal menyerlahkan kemampuan mereka apabila tercicir dalam semua acara.


Bagi kategori wanita berpasukan, pasukan negara hanya mampu berada di tangga keenam, sementara pasukan Malaysia di tempat pertama diikuti pasukan Aotearoa dan disusuli pasukan tuan rumah.

Kategori wanita perseorangan, berpasangan dan berempat pasukan negara hanya mampu berada di tangga keempat, kelima dan keenam.

Pasukan Negara Brunei Darussalam berada di tempat ketujuh bagi acara lelaki berpasukan dan begitu juga dalam acara lelaki perseorangan.

Manakala dalam acara berpasangan, pemain 'lawn bowling' negara berada di tangga kelima di mana pasukan Malaysia, Taitokera dan pasukan tuan rumah mengungguli pingat emas, perak dan gangsa.

Sementara dalam acara berempat lelaki pasukan ini sekali lagi jauh tercicir apabila berada di tangga kesembilan di mana pasukan Angkatan Pertahanan Australia berada di hadapan diikuti pasukan Ballina dan Composite Fours di tempat ketiga.



LIBASAN ... Ahzaman ketika membuat libasan setelah menerima saingan oleh pemain Jepun.

ARENA SUKAN

Pasukan hoki seri dengan Port Moresby

DARWIN, 14 Mei.- Pasukan hoki yang mencari kemenangan pertama di Sukan Arafura 2005 ini tersekat apabila seri 2-2 kepada pasukan Port Moresby dari Papua New Guinea di perlawanan kedua malam ini.

Pasukan Brunei yang cuba memperbaiki kesilapan yang lalu tidak mampu melenyapkan semua kesilapan yang berlaku seperti yang pernah dilakukan di pertemuan pembukaan kelimari.

Peluang Brunei untuk mengutip mata penuh di perlawanan ini pada awalnya telah tersedia apabila mendahului jaringan menerusi Shalihan Akim di separuh masa pertama dan gol kedua oleh Christopher hasil dari pukulan penalti separuh masa kedua.

Brunei yang sepatutnya kukuh dengan kedudukan sebaliknya bermain tidak menentu malah kesempatan ini dimanfaatkan oleh pihak lawan dengan pukulan kencang Jackson yang menuju sasaran tepat ke pintu gol untuk merapatkan jurang.

Namun Jackson menjadi wira pasukannya apabila menjaringkan gol kedua hasil kerapuhan pertahanan Brunei bagi menyamakan kedudukan sekali-pun selepas itu Brunei cuba untuk mendahului lagi dengan gerakan pantas Christopher namun tidak dimanfaatkan oleh Johnny yang hanya berhadapan dengan penjaga gol.

Pasukan hoki lelaki kebangsaan Negara Brunei Darussalam memulakan cabaran kelimari dengan langkah sumbang apabila ditewaskan 5 - 1 kepada pasukan Fiji di Stadium Hoki, Kompleks Sukan

Marrara.

Perlawanan yang sepatutnya menjadi pemicu kepada cabaran seterusnya seolah-olah kalah bulu sebaik bermulanya permainan setelah didahului dengan jaringan pertama yang dilakukan oleh Shaun Corrie dan selang beberapa minit kemudian ditambah untuk gol kedua.

Persediaan yang dibuat beberapa bulan lalu untuk menghadapi kejohanan ini ternyata belum ampuh untuk mengatasi beberapa kelemahan yang sering dilakukan oleh pemain umpamanya sering meninggalkan bola tanpa mengemudikan bola dengan tepat, di samping kurangnya pengawalan bola dan lemahnya kombinasi pemain di beberapa bahagian.

Ketinggalan dengan dua jaringan ketika itu pasukan Brunei cuba bangkit dengan membuat beberapa serangan namun kealpaan dan kesilapan yang cuba menjadi teman setia membuat serangan tersebut sekadar menguji kekentalan pertahanan lawan, namun sebaliknya terus ditekan dengan jaringan ketiga hasil kelengkapan pertahanan sendiri.

Menyedari beberapa kesilapan pasukan Brunei cuba bangkit dengan kejutan di separuh masa kedua apabila berjaya merapatkan jurang dengan jaringan pertama menerusi Christopher hasil gerakan sebelah kanan seminit setelah babak kedua dimulakan di samping cuba menguasai perlawanan.

Selang seminit kemudian pasukan Fiji hampir hilang arah apabila gandingan Shalihan dan Haji Andy cuba membuat ke-



Liputan Abu Bakar Hj. Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

jutan namun pukulan Suh-rili hanya sekadar menyak-sikan bola melayang melewati palang gol.

Menyedari kelemahan tersebut pasukan Fiji merubah permainan dengan melakukan perang mental dengan melakukan beberapa kekasaran yang ternyata mendatangkan hasil.

Pasukan Brunei yang mula-mula terikut-ikut dengan rentak pihak lawan akhirnya menjerat diri sendiri apabila Fiji dihadiahkan dengan pukulan penalti yang dilakukan dengan sempurna oleh James Smith ketika perlawanan memasuki minit ke-16 separuh masa kedua.

Kedudukan semakin parah bagi pasukan Brunei apabila Fiji melengkapkan jaringan kelimanya menerusi James Saqala yang sememangnya tidak dikawal sekalipun berada dalam keadaan bahaya.

Jurulatih pasukan Zaiharin Jauhari yang ditemui selepas perlawanan mengakui kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh anak didiknya namun memper-tahankan jika sekiranya

anak didiknya itu dapat mengawal mental dan perasaan setentunya keputusan akan menjadi sebaliknya berpandukan kepada mutu perlawanan hari itu berbanding kemampuan yang mereka miliki semasa latihan di Brunei.

"Mereka lambat untuk pemanasan badan, lambat buang rasa gementar dan gemuruh, jika mereka bermain seperti biasa setentunya mereka boleh mengatasi perlawanan ini," jelas Zaiharin.

Menyentuh mengenai beberapa kelemahan beliau mengakuinya seperti kawalan bola yang lemah, pertahanan yang longgar dan sikap menunggu namun beliau berjanji akan mengatasinya dengan memperbaiki keadaan untuk perlawanan seterusnya.

Menurut Zaiharin kejohanan yang mereka sertaini tidak sepatutnya dipandang rendah malah mengandaikan tahap dan mutu permainan di kejohanan ini terlalu tinggi dan menyamakannya dengan taraf Sukan SEA.



PERLAWANAN antara pasukan negara bersama sebuah pasukan yang menyertai Sukan Arafura 2005.

Skuad Tenpin Bowling pamer persembahan baik

DARWIN, 15 Mei.- Pasukan tenpin bowling negara memulakan persaingan dengan mempamerkan prestasi yang baik di perlawanan pertama dalam tiga acara yang berlain.

Bagi acara lelaki perseorangan terbuka negara telah menurunkan Mohamad Shahwal yang berjaya menduduki posisi pertama dengan jatuhan pin sebanyak 686 dan Pengiran Eshamuddin menduduki tempat ke-6 dengan jatuhan pin sebanyak 603 sementara Bahzi Damit telah men-

duduki tempat ke-7 dengan jatuhan 600 pin.

Manakala Ak. Khairul Rizal dan Abd. Manaf masing-masing menduduki tempat ke-10 dan 15 dengan jatuhan pin sebanyak 542 pin dan 512 pin diikuti oleh Pengiran Yasfadhil yang berjaya menjatuhkan pin sebanyak 505 berada di kedudukan ke-17.

Dalam acara perseorangan lelaki 'graded' pasukan negara hampir menguasai kedudukan teratas dengan menyandarkan kepada Ak. Mohd Rudisofy yang men-

duduki tempat kedua dengan jatuhan pin 539 dan tempat ketiga oleh Haji Abd. Halim dengan jatuhan 537 pin dan Awang Musa di tempat ke-4 dengan jatuhan 532 pin.

Sementara rakan sepasukannya Ak. Mohd Aizat dan Haji Yakob telah mendapat kedudukan yang beriringan bagi tempat ke-5 dan ke-6 dan Haji Kamri pula menduduki tempat ke-12 dengan jatuhan 482 pin.

Acara keseluruhan lelaki 'graded' yang diwakili oleh Awang Musa telah berjaya menduduki tempat ke-7 dengan jatuhan 1098 dan diikuti tempat ke-8 dan ke-9 oleh Ak. Mohd Aizat dan Ak. Mohd Rudisofy yang masing-masing menjatuhkan pin sebanyak 1,092 dan 1080 pin.

Tempat ke-10 telah diduduki oleh Haji Abd. Halim dan ke-11 diduduki oleh Haji Yakob yang menjatuhkan sebanyak 1,058 pin dan Haji Kamri berada di kedudukan ke-17 dengan jatuhan 898 pin.

Pada hari kedua pasukan tenpin bowling dijangka meneruskan cabaran dalam acara perseorangan 'graded'.



KALUNGAN EMAS ... Mohd. Shahwal, pemain tenpin bowling menjuarai acara men open single dengan kalungan pingat emas.

TLDB kalahkan TDDB Perlawanan Tarik Kalat

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

TARIKAN ketiga sebagai penentu akhirnya menyebelahi pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dengan mengalahkan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) setelah kedua-duanya seri di Perlawanan Akhir Tarik Kalat Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi kategori bebas.

Perlawanan akhir itu berlangsung pada petang 13 Mei lalu di Mini Stadium Berakas Garison dengan dihadiri oleh Pemerintah

ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi selaku tetamu kehormat.

Tempat ketiga bagi kategori bebas disandang oleh Tentera Udara Diraja Brunei, manakala bagi kategori ringan menyaksikan penguasaan TDDB dengan berjaya

mengheret Perkhidmatan Bantu ABDB pada kedua-dua tarikan dan TLDB hanya berpuas hati di tempat ketiga.

Perlawanan tahunan itu disertai oleh semua unit besar ABDB sebagai persiapan mereka ke kejohanan kebangsaan yang akan diadakan menjelang perayaan Julai nanti.

Badminton: Brunei atasi Victoria 7 - 1

DARWIN, 15 Mei.- Pasukan Victoria dari Australia menjadi mangsa pertama kepada pasukan badminton negara dalam acara berpasukan setelah menyingkirkannya dengan kiraan 7 - 1.

Dalam acara perseorangan lelaki yang diwakili

oleh Huzaini telah mula menampakkan taringnya apabila membaham lawannya dengan kiraan 15 - 0, 15 - 2 namun dalam acara wanita perseorangan yang menurunkan Siti Marifah tewas tipis dengan kiraan 7 - 15, 15 - 13 dan 2 - 11.

Lima perlawanan se-

terusnya pasukan badminton negara telah menarik nafas lega apabila menguasai kesemuanya.

Dalam acara berpasangan, Mohd. Fadzil dan Huzaini menang 'straight set' dengan kiraan 15 - 6, 15 - 6 diikuti kemenangan ke atas pasangan Noor

Nekma Rainah dengan kiraan 15 - 10, 15 - 11.

Acara perseorangan lelaki seterusnya yang diwakili oleh Zulkifli telah menemui jalan mudah dengan kiraan 15 - 4, 15 - 0, dan seterusnya diikuti oleh Noor Azura yang menang dengan kiraan 15 - 10 dan 15 - 9.

Bagi regu campuran yang membariskan pasangan Zulkifli dengan Noor Nekma telah menang selesa dengan menumpaskan regu campuran pasukan Victoria dengan kiraan 15 - 3, 15 - 6 disusuli dengan kemenangan ke atas pasangan campuran Mohd. Fadzil dengan Noor Azura dengan kiraan 15 - 5, 15 - 5.

Di hari kedua pasukan badminton negara akan meneruskan perlawanan mereka dengan menyertai bagi acara individu dan berpasukan dari pasukan tuan rumah Wilayah Utara (Northern Territory).



PASUKAN badminton negara ketika beraksi dalam acara berpasukan.

ARENA SUKAN

AH UNITED MENANG BERGANDA

SKUAD AH United berjaya memenangi perlawanan kedua selepas menewaskan pasukan DPMM FC 2 - 0 dalam Liga Kebangsaan Perdana Satu di Kompleks Sukan Berakas, 18 Mei lalu.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Mohd. Shah Razen Said dan Helmi Zambin menjadi wira AH United untuk membantu pasukan naib juara musim lalu mengekalkan kemenangan selepas membelasah Bandaran KB 5 - 1, sekali gus menempatkan pasukan AH United di tangga teratas Perdana Satu bagi minggu kedua.

Tanpa khidmat penyerang import, Goran Nusanovic yang masih dibelenggu kecederaan telah memberi sedikit kelebihan kepada pemain pertahanan AH United untuk mengukuhkan benteng pertahanan mereka.

Namun, DPMM FC lebih awal menghadirkan peluang di minit ke-4 menerusi Haji Mohd. Amiryadi yang mendapat umpanan dari rakannya tetapi rembatannya tersasar.

QAF FC cipta kemenangan sulung

QAF FC yang tewas teruk pada perlawanan pertama berjaya mencipta kebangkitan dengan membelasah pasukan Kasuka FC 6 - 2 untuk kemenangan pertama pada 16 Mei lalu.

Pemain import QAF FC, Viban Francis Bayong yang juga pernah menyuarung jersi kebangsaan terpaksa menunggu di minit ke-35 untuk membuka tirai jaringan skuad itu.

QAF FC terus cemerlang di babak kedua sekali pun mendapat saingan oleh pemain-pemain Kasuka FC yang juga mencari kemenangan pertama

ABDB - Wijaya FC kongsi mata

BERAKAS, 16 Mei. - Pasukan Bolasepak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Wijaya FC telah berkongsi mata apabila tidak mampu untuk membolosi gawang masing-masing dalam pusingan kedua mereka di Padang dan Balapan di sini.

ABDB yang kecundang di tangan DPMM FC untuk merebut Piala Juara-juara yang lalu hanya berpuas hati dengan penampilan mereka memperolehi satu mata hasil pertemuan bersama Wijaya FC sekali gus mengumpul empat mata.

Begitu juga pasukan Wijaya FC yang merupakan sebuah kelab yang tergo-

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

Kecemerlangan penjaga gawang AH United telah membantu pasukan didikan Haji Mohd. Rosnanan Abdullah Samak menyekat serangan bertalu pasukan Gharum Paddon yang berusaha untuk mencari jaringan lebih awal.

Bagaimanapun, serangan balas AH United hampir membolosi gawang DPMM FC yang dikawal oleh Pengiran Hamzah menerusi percubaan Md. Helmi Zambin yang terkena palang pada minit ke-14.

Kekecewaan itu terbalas juga apabila AH United akhirnya berjaya menggegarkan gawang lawan menerusi serangan

kemas bermula dari hantaran lintang Md. Khairul Anuar Suhaile berjaya ditanduk cantik oleh Md. Shah Razen dan menewaskan Pengiran Hamzah di minit ke-35 untuk jaringan pertama AH United.

Ketinggalan jaringan tidak memberi tekanan kepada DPMM FC malah mereka terus mencari peluang untuk menyamakan kedudukan melalui 'counter attack'.

Namun, sentuhan Saizan Haji Kula yang digandingkan dengan Radiman gagal menembusi pertahanan kebal AH United sambil penjaga gol AH United juga bertindak pan-



AKSI perlawanan antara pasukan DPMM FC dan AH United dalam Liga Kebangsaan Perdana Satu yang mana berkesudahan AH United menang 2 - 0. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Matassim

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

tetapi Viban terus membuka QAF FC ceria dengan jaringan di minit ke-51 sebelum Ak. Md. Kamarul menambah jaringan QAF FC tiga minit selepas itu.

Ketika Kasuka FC terus hampa dengan serangan yang tidak menjadi, QAF FC terus berpesta jaringan menerusi penyerangnya Hardi Bujang sebelum ketua pasukan Riwardi Wahit dan Safari Wahit menambah jaringan terbe-

sar QAF FC sekalipun Kasuka FC berjaya mencipta dua jaringan menerusi Zulkifli Haji Mohammad.

Sementara itu, Bandaran KB terus hampa selepas menerima kekalahan kedua dan kali ini mereka dikecewakan lagi oleh pasukan Indera FC yang menang tipis 1 - 0 menerusi sepakan penalti Ishak Ibrahim.

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

long dalam kumpulan Perdana Satu lebih merasa lega dengan pertambahan satu mata sekali gus menambah empat mata hasil pertemuan dengan NBT FC.

Secara keseluruhan pertemuan kedua-dua pasukan dalam babak pertama memperlihatkan corak permainan yang begitu baik dan sering melakukan serangan yang nyaris menggegarkan gawang masing-masing. Namun kecekalan pertahanan kedua-dua pasukan dapat bertahan sehingga wisel

penamat babak pertama berakhir oleh pengadil perlawanan Mohd. Adimin Haji Shahbuddin.

Begitu juga di babak kedua, kedua-dua pasukan mula merancang jaringan gol, namun kelebihan masing-masing dalam membaca corak permainan mengagalkan hasrat mereka untuk meraih sebarang gol sekali gus memperolehi mata penuh terlelai begitu sahaja sehingga babak kedua tamat.

tas menyelamatkan gawangnya sehingga berakhir babak pertama.

Ketika DPMM FC lebih menguasai separuh masa kedua untuk mencari jaringan penyamaan, AH United pula berjaya mencipta jaringan kedua menerusi Md. Helmi Zambin di minit ke-62.

Jaringan itu bermula melalui hantaran lintang Ak. Asrul ke dalam kawasan penalti dan Helmi yang bijak menempatkan diri di posisi tepat tidak mensia-siakan peluang untuk menggegarkan gawang DPMM FC.

Kelebihan jaringan itu membuat AH United terus mengukuhkan pertahanan di kala DPMM FC bangkit untuk merobek gawang mereka tetapi usaha barisan depan DPMM FC tidak kesampaian sehingga ke wisel penamat.

Sabina FC lega, IBM Bokok beri amaran

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, 22 Mei. - Tirai Liga Kebangsaan Perdana Dua disingkap penuh meriah apabila pasukan pilihan musim ini berjaya menunjukkan petanda baik dan memberi amaran awal dalam kejohanan musim 2005/2006 kali ini.

Sabina FC lebih awal melangkah cemerlang dengan membelasah pasukan pendatang baru Perdana Dua, Perkasa 6 - 3, sementara dua pasukan Daerah Temburong, IMB Bokok dan Pasukan Lun Bawang juga gembira membuka tirai kejohanan dengan bergaya.

Namun, pemain Perkasa, Mohd. Yaakup memberi kejutan apabila berjaya membuat sentuhan jaringan terpanjang seawal minit ke tiga untuk mendahului pasukan berpengalaman, Sabina FC di Kompleks Sukan Berakas.

Tetapi jaringan itu tidak cukup memberi suntikan semangat kepada rakan apabila Sabina FC segera menyamakan kedudukan di minit ke-15 menerusi Pengiran Yusoff sebelum Smeril Ibrahim menambah jaringan Sabina FC di minit ke-19.

Dua jaringan Pengiran Yusoff di minit ke-26 dan 35 mula melemaskan Perkasa sambil Mohd. Aizuddin menambah kesengsaraan lawan di minit akhir babak pertama.

Sekalipun jaringan Saifunny Sawal minit ke-73 dan ledakan kencang Mohd. Yaakup di minit ke-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyaksikan perlawanan antara pasukan DPMM FC dan AH United dalam Liga Kebangsaan Perdana Satu di Kompleks Sukan Berakas. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Matassim.



PASUKAN-PASUKAN LIGA KEBANGSAAN
2005/2006

Perdana Satu Perdana Dua

DPMM FC	Sabina FC
AH United	Perkasa
ABDB	Kota Ranger
Wijaya FC	Mulaut FC
QAF FC	Lun Bawang
Kasuka FC	Sengkuring FC
Jerudong FC	Brunei Shell FT
NBT FC	Kamudi FC
Bandaran KB	Kilanas FC
Indera FC	Majra FC
	IB Pandan
	IBM Bokok
	Muara Vella FC
	March United

KEPUTUSAN PERLAWANAN PERDANA SATU (16 - 20 MEI 2005)

Wijaya	- 0	ABDB	- 0
QAF FC	- 6	Kasuka FC	- 2
AH United	- 2	DPMM FC	- 0
Bandaran KB	- 0	Indera FC	- 1

KEPUTUSAN PERLAWANAN PERDANA DUA (22 MEI 2005)

Sengkuring FC	- 2	Lun Bawang	- 5
B Pandan	- 3	IBM Bokok	- 5
Brunei Shell FT	- 1	Kamudi FC	- 2
Muara Vella FC	- 2	March United FC	- 3
Sabina FC	- 6	Perkasa FC	- 3

CEBISAN MENARIK LIGA B

PEMAIN Lun Bawang, Aminuddin Jumaat membantu pasukannya mencipta jaringan terpanjang Perdana Dua dengan catatan dua minit perlawanan. Pasukan Lun Bawang yang menduduki di tangga keenam pada Kejohanan Liga Kebangsaan Perdana Dua musim lalu bagi memberi amaran awal selepas membelasah pasukan Sengkuring FC 5-2 dalam perlawanan pembukaan tirai Perdana Dua.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan sesuatu kepada seorang pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Klinik Kesihatan Rimba. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

Kebawah DYMM prihatin tahap kesihatan negara

Oleh Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

RIMBA, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesihatan, Klinik Rawatan Buah Pinggang dan Klinik Kesihatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak yang terletak di Rimba, Gadong di sini hari ini.

Keberangkatan baginda yang tidak berjadual itu menunjukkan betapa baginda memberikan perhatian yang serius, prihatin dan pemedulian terhadap tahap kesihatan negara. Dengan

meninjau sendiri, baginda akan mendapat gambaran yang sebenar mengenai mutu kesihatan dan tahap rawatan yang diberikan kepada rakyat serta penduduk di negara ini.

Bagi memastikan tahap kesihatan, kerajaan baginda setiap tahun memperuntukkan perbelanjaan yang besar. Sebagai bukti dan komitmen kerajaan baginda, kepentingan kesihatan dan perubahan diberikan keutamaan dalam setiap Rancangan Kemanusiaan Negara (RKN). Sebagai misal dalam RKN Ke-8 (2001 - 2005), kerajaan menyediakan peruntukan sejumlah \$120,300 juta. Dan alhamdulillah, melalui kepekaan baginda di bidang kesihatan telah membolehkan rakyat dan penduduk negara ini me-

nikmati tahap kesihatan yang tinggi sebanding dengan negara-negara maju.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia meluangkan masa dua jam setengah bagi mengadakan lawatan ke tempat-tempat berkenaan.

Di samping melawat, baginda juga berkesempatan berinteraksi secara bersemuka bersama beberapa orang jururawat, pesakit warga emas dan juga para ibu bapa yang membawa keluarga dan anak-anak mereka untuk menerima rawatan di pusat berkenaan.

Sepanjang lawatan itu, baginda disertai oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Haji Ismail. Turut mengiringi baginda ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali; Ketua Pengarah Kesihatan, Dr. Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh yang juga menyebarkan taklimat dan penerangan ringkas berhubung tempat-tempat yang baginda lawati.

Semasa berada di Pusat Kesihatan, baginda telah berkenan menjalani pemeriksaan tekanan darah yang dilakukan oleh Dr. Haji Zulhili bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Perubatan.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Dr. Haji Zinna, Pakar Buah Pinggang. Baginda juga mengadakan perbincangan dan sesi dialog tertutup bersama beberapa orang pegawai kanan bertempat di Dewan Serbaguna.

Berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan pada keluaran 1 Jun 2005



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri kepada Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Ng Yat Chung.

Berkenan kurniakan Bintang Kebesaran

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Ng Yat Chung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap itu, baginda mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa

gelaran Dato Paduka Seri kepada Tuan Yang Terutama.

Di majlis itu, Tuan Yang Terutama diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan V.P.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jenaral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Setiausaha

Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim yang kini menjawat jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mohd. Said bin Pehin Orang Kaya Setia Dato Paduka Haji Hashim dan Pemerintah Institut Latihan Darat, Kolonel Tay Sin Chung turut hadir di majlis itu.

Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet

Dari muka 1

Schubungan dengan itu, baginda berharap supaya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri baru akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah serta teguh pada memegang ikrar dan konsep taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja.

"Segala ikrar dan pertuturan hendaklah betul dan benar, jangan ia disulam dengan kepura-puraan walaupun sedikit, kerana tujuan kita ialah untuk mencari keselamatan di mana keselamatan itu berpunca atau bersumber dari keredaan Allah jua, iaitu apabila orang-orang yang diberi jawatan atau kuasa itu menjalankannya dengan lurus dan adil," titah baginda menegaskan.

Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perlantikan baru adalah seperti berikut: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyandang jawatan sebagai **Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.**

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengi-

ran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai **Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.**

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sebagai **Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib sebagai **Menteri Pendidikan**; Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin sebagai **Menteri Hal Ehwal Ugama**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat sebagai **Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai **Menteri Perhubungan**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusoff sebagai **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman sebagai **Menteri Kesihatan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai **Menteri Pembangunan**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud sebagai **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai **Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai **Menteri Kewangan II (Kedua)**; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng sebagai **Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail sebagai **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar

sebagai **Timbalan Menteri Pertahanan.**

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman sebagai **Timbalan Menteri Pendidikan.**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai **Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab sebagai **Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid sebagai **Timbalan Menteri Perhubungan**; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim sebagai **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah sebagai **Timbalan Menteri Kesihatan**; Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein sebagai **Timbalan Menteri Pembangunan dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

BERBELANJALAH SECARA BERHEMAT - بريلنجاله سچارا برحيمت

دربینکن اوله جاتن فترائن، جاتن فردان منتري دان دچیتق اوله جاتن فرچیتقن کراچان، جاتن فردان منتري، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

YANG bulat datang bergolek yang pipih datang melayang dan kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya merupakan untai kata-kata pepatah Melayu yang menuntut kita berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang bernilai seperti rezeki. Bersesuaian dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10 tafsirnya: "Maka apabila selesai ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia (rezeki) Allah. Dan ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan."

Dalam kita mencari dan mengejar rezeki, banyak orang telah lupa kepada Allah. Ini adalah kerana mereka lupa akan batas-batas syariat Allah. Lalu mereka makan rasuah, mereka menipu, mencuri, menjual kehormatan diri, memijak maruah sesama Islam, bahkan mereka sanggup membunuh. Soal halal dan haram bukan lagi menjadi perkitaan. Apa yang penting bagi mereka adalah wang ringgit semata-mata. Sikap begini adalah menyimpang dari perintah Allah kerana Allah telah memerintahkan supaya setiap insan berusaha untuk mendapatkan rezeki dengan cara yang baik dan halal.

Sesungguhnya jalan untuk mencari rezeki secara halal terbentang luas di hadapan kita. Cari dan terokailah mana-mana jalan yang bersesuaian dengan minat dan kemampuan diri kita masing-masing. Sesungguhnya rahmat Allah itu terlalu luas. Kerana itu janganlah memilih jalan yang kotor dan tidak baik. Dalam memperoleh rezeki (dan lain-lain) setiap insan hendaklah sentiasa mengikuti landasan lurus yang disyariatkan oleh Allah kerana sudah setentunya dan pasti kehidupan seluruh ummah aman selesa kerana dijauhi dari sebarang malapetaka. Dalam banyak ayat Al-Quran, Allah ada menyebutkan perjanjian akan memusnahkan hamba-hamba-Nya ke dalam Syurga dan dijauhi dari azab sengsara.

Di antara jalan lurus itu ialah mendapatkan rezeki dengan berniaga barang-barang yang dihalalkan oleh syarak, bercucuk tanam, berkebun, mengambil upah, makan gaji, berternak dan bertukang. Kalau kita seorang peniaga, jadilah seorang peniaga yang jujur dan amanah.

Jangan sekali-kali melakukan penipuan dalam urusan. Kalau menyukat atau menimbang untuk orang janganlah dikurangkan. Kalau menyukat untuk diri sendiri janganlah dilebihkan. Timbang dan sukatlah dengan betul dan adil.

Kalau kita seorang petani, jadilah petani yang baik. Jangan sekali-kali mementingkan wang semata-mata, utamakan juga keselamatan pengguna. Jangan sekali-kali menggunakan racun dengan tidak mengambil kira keselamatan jiwa pengguna. Tetapi gunakanlah racun untuk mengawal tanaman dengan betul dan tidak membahayakan setiap pengguna.

Kalau kita seorang pekerja yang dibayar upah, buatlah kerja-kerja itu dengan jujur dan jangan mencuri tenaga serta masa. Jangan gunakan masa bekerja untuk melakukan kerja-kerja di luar tugas yang dibayar upah.

Kalau kita seorang penernak, berternaklah dengan baik, jangan membiarkan ternakan kita mengganggu keselesaan dan ketenteraman orang dan merosakkan apa sahaja kepunyaan orang. Jagalah ternakan kita dengan baik dan jangan diabaikan berkecualan tanpa kawalan yang sepatutnya.

Rezeki halal terbentang luas

CARI DAN TEROKAILAH

**OLEH MASAZLINNAH
HAJI ABDUL MAJID**

"Tiap-tiap daging yang tumbuh daripada memakan yang haram itu maka api Neraka adalah paling layak dengannya."

Hadis di atas memberi ingatan kepada setiap pencari rezeki supaya mendapatkan rezeki untuk dirinya dan anak isterinya hanya dari sumber-sumber yang halal sahaja. Cuba kita buka mata dan lihat kepada orang-orang yang memperoleh pendapatan melalui cara yang haram, yang tidak diizinkan Allah.

Sebagai contoh, pengedar dadah yang mempunyai banyak wang hasil melalui jualan dadah. Dia memperoleh beberapa orang anak. Oleh kerana anak-anaknya dibesarkan dengan hasil pendapatan jualan dadah, maka Allah Yang Maha Adil menjadikan anak-anak pengedar dadah tadi penagih dadah yang dibeli dengan wang yang dibekalkan oleh bapanya melalui hasil jualan dadah untuk membeli dadah yang diedarkan oleh bapanya melalui pengedar-pengedar di bawahnya. Lalu kehidupan anak-anak berkenaan punah-ranah dan memunah-ranahkan pula kehidupan masyarakatnya.

Demikian juga dengan pemakan rasuah, pencuri, penipu, penjudi, pekerja yang tidak jujur yang semuanya membesarkan anak-anak mereka dengan hasil kerja-kerja yang tidak halal pasti akan menyeret orang-orang yang mereka sayangi ke jurang kerosakan seperti menjadi anak derhaka kepada ibu bapa, tidak mendirikan sembahyang, tidak berpuasa, menipu sekalipun ibu bapanya sendiri, ponteng sekolah, menagih dadah, berkawan dengan orang yang jahat dan banyak lagi.

Sebab itulah orang-orang salah di zaman dahulu sanggup menjolok ke dalam tekak anaknya yang memakan makanan yang dirasainya tidak halal supaya anaknya muntah dan keluar makanan berkenaan. Tetapi sungguh malang sekali ramai di kalangan orang kita tidak mengambil kisah mengenai apa yang diberi kepada anak-anak mereka. Asalkan makanan, halal haram tidak diambil kira sangat. Lalu membesarkan anak-anak itu de-

ngan makanan haram. Nauzubillahi minzalik.

Oleh itu setiap orang dari kita semestinya mendapatkan rezeki yang halal dan dari cara yang halal juga. Jauhilah dari rezeki yang haram. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Memuntut yang halal itu wajib atas tiap-tiap orang Islam."

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala yang beragama Islam yang benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, kita diwajibkan bergiat dan berjuang di dalam kehidupan untuk mencari rezeki yang halal bagi keperluan diri, keluarga dan lainnya yang ada di muka bumi ini menurut bakti masing-masing, agar semua rezeki yang kita peroleh itu adalah melalui hasil yang kita usahakan.

Seberapa banyak pun rezeki yang kita cari dan peroleh di dunia ini tidaklah menjadi larangan di dalam Islam asalkan jangan sampai mencuaikan perintah Allah Subhanahu Wataala dan melanggar larangan-larangan-Nya. Rezeki kita itu sebenarnya adalah hak Allah Subhanahu Wataala dan Allah Taala Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang sahajalah yang mengurniakan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya mengikut aturan yang telah ditetapkan. Oleh itu, seseorang yang mencari rezeki itu hendaklah berniat untuk memelihara agamanya, untuk mencukupi dirinya supaya tidak memintaminta kepada orang lain dan untuk mendapatkan rezeki ahli rumah tangganya kemudian jika ada lebih maka disedekahkan pula kepada orang-orang yang berhajat.

Semua bidang pekerjaan yang kita ceburi di dunia ini sama ada kita berkhidmat dengan kerajaan mahupun swasta atau sebagai peniaga, petani, nelayan, buruh dan sebagainya hendaklah memastikan bahawa rezeki yang kita dapatkan itu benar-benar halal dan tidak me-

nyimpang dari landasan hukum Islam yang sebenarnya, seperti tidak ada penipuan, penindasan, rampasan, khianat, riba, rasuah dan sebagainya.

Setiap rezeki yang kita peroleh dari jalan yang salah ataupun bercampur antara yang halal dan yang haram akan memberikan kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah Subhanahu Wataala.

Maka kesimpulannya, kita wajiblah berhati-hati dalam mencari dan mendapatkan rezeki, apalah gunanya kita mempunyai kekayaan di dunia ini tetapi segala ibadat dan amal bakti kita kepada Allah Subhanahu Wataala tidak diredai-Nya. Disebabkan kita terlalu rakus di dalam mencari harta hingga mencampur-adukkan antara yang hak dan yang batil. Nauzubillahi minzalik.

Oleh yang demikian, semua kaum Muslimin selaku pengguna dan juga peniaga dan sebagainya hendaklah berhati-hati dalam mencari rezeki, jangan sampai kita tercedur kepada perkara yang haram seperti memakan makanan yang haram ataupun menjual barang-barang yang haram dan diragukan kehalalannya.

Hindarkanlah diri kita dari memakan yang haram kerana orang yang memakan makanan yang haram itu api Neraka lebih utama baginya sebagai mana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Tidak akan memasuki Syurga, daging yang tumbuh daripada yang haram, api Neraka lebih utama baginya."

Begitu juga dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl, ayat 114 yang tafsirnya: "Oleh itu, makanlah wahai orang-orang yang beriman dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata."



GAMBAR HIASAN ... Menternak ikan merupakan salah satu mata pencarian yang memberi pulangan yang lumayan kepada para pengusaha ternakan ikan dan merupakan sumber rezeki halal yang memang digalakkan.

SEKILAS IMBAS PENCAPAIAN INDUSTRI MINYAK DAN GAS NEGARA 2004

MINYAK dan gas merupakan sumber ekonomi utama negara menunjukkan prestasi yang membanggakan. Penghasilan dari telaga-telaga yang ada berada di tahap kukuh, manakala usaha cari gali dan eksplorasi kedua sumber ini di laut dan di darat giat dilaksanakan ke arah penghasilan yang boleh menyumbang kepada pendapatan negara yang lebih tinggi di masa hadapan.

Tugu 'kesebillion' tong penghasilan minyak merupakan mercu tanda keunggulan dan sejarah panjang operasi pengeluaran minyak yang bermula sejak tahun 1929. Sementara itu pengeluaran Gas Cecair Asli yang mula beroperasi sekitar tahun 70-an juga tidak kurang memberikan sumbangan besar kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam tahun 2004 permintaan terhadap minyak dan gas lebih tinggi dari yang dijangkakan akibat bekalan yang tidak menentu, musim panas di Jepun dan Korea selain permintaan meningkat bagi minyak mentah sulfur rendah. Harga-harga juga mencapai tahap rekod.

Keempat-empat syarikat usaha sama - Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad (BSP), Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG), Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) terus menunjukkan prestasi yang kukuh sepanjang tahun 2004.

BSP bertanggungjawab mencari gali dan menghasilkan minyak dan gas asli. Ia juga memiliki Kilang Penapis Minyak Brunei, Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan The Asiatic Petroleum Company Limited memiliki saham yang sama banyak.

BLNG beroperasi mencairkan gas asli yang dibelinya daripada BSP dan Block 'B' Joint Venture (BBJV) untuk dijual kepada pelanggan-pelanggan di Jepun dan Korea. Kerajaan

memiliki saham sebanyak 50 peratus. Pemegang-pemegang saham lain memiliki sama banyak, 25 peratus masing-masing dipegang oleh Shell Overseas Trading Limited dan Mitsubishi Corporation dari Jepun.

BST memiliki tujuh buah kapal pengangkut LNG yang disewakan kepada BLNG Sendirian Berhad. Kerajaan memiliki saham sebanyak 50 peratus. Pemegang-pemegang saham lain memiliki sama banyak, 25 peratus masing-masing dipegang oleh Shell Petroleum Company Limited dan Diamond Gas Carriers sebuah anak Syarikat Mitsubishi Corporation dari Jepun.

BSM terlibat dalam bidang pemasaran hasil-hasil minyak yang kebanyakannya diperolehi daripada Kilang Penapis Minyak Brunei untuk pasaran di Negara Brunei Darussalam. Kerajaan dan Shell Overseas Holding Limited memiliki saham yang sama banyak.

BSP

Penghasilan BSP berjumlah 31,797 meter padu minyak mentah sehari pada tahun 2004. Gabungan pelbagai faktor telah melonjakkan harga minyak ke paras yang tinggi. Bekalan yang tidak menentu dan spekulasi yang tinggi telah menyebabkan berlakunya beberapa rali dalam pasaran minyak global.

Permintaan minyak begitu tinggi sepanjang tahun terutama dari ekonomi-ekonomi yang pesat membangun seperti China dan India. Bekalan pula terjejas di sebabkan oleh masalah peperangan, sabotaj, taufan dan ketiadaan kapasiti penghasilan dan penapisan simpanan. Ketidaktentuan bekalan yang menyebabkan spekulasi kuat turut melonjakkan lagi permintaan global.

Purata jualan bagi Seria Light Export Blend (SLEB) ialah AS\$42.33 setong, peningkatan 38 peratus dari tahun 2003, manakala harga rekod paling tinggi mencapai AS\$54.46 setong yang dicapai dalam bulan Oktober.

Pertumbuhan permintaan terhadap 'distilat' sederhana mengakibatkan peningkatan sebanyak 10 peratus dalam isi padu jualan SLEB daripada tahun 2003 menyebabkan kepelbagaian lanjut bagi asas pasaran minyak mentah syarikat.

Sementara itu pembreneian dalam perkembangan kakitangan warga Brunei dan perusahaan-perusahaan urus niaga masih menjadi teras strategi kakitangan dan urus niaga BSP. Kontrak-kontrak bagi penyelenggaraan luar pantai utama dan pembinaan kapal diberikan kepada syarikat-syarikat milik warga Brunei dalam tahun 2004, satu lagi bukti komitmen BSP terhadap perkembangan urus niaga tempatan.

Seramai 26 graduan warga Brunei telah diambil bekerja dan biasiswa lepasan ijazah telah diperkenalkan untuk memastikan bahawa permintaan masa depan bagi graduan-graduan teknikal warga Brunei akan dapat dipenuhi. Sebanyak 13 biasiswa telah diberikan kepada para penuntut lepasan peringkat A dalam tahun 2004 untuk mengikuti kursus-kursus ijazah pertama di United Kingdom dan Australia.

Sementara itu seramai 12 pegawai telah dinaikkan ke Kumpulan Gaji 4 menggantikan ekspatriat, manakala 22 warga Brunei telah memulakan tugas di peringkat antarabangsa (2004) menjadikan bilangan keseluruhan kepada 51 orang.

Perhubungan yang lebih baik antara BSP dan Shell Group hasil model Operasi Baru Shell International Exploration and Production sudah memberi faedah yang bermakna kepada BSP.

Sebagai tambahan beberapa proses global telah dilancarkan sepanjang tahun. Proses-proses ini menerangkan bagaimana aktiviti-aktiviti akan diurus untuk menghasilkan nilai maksimum secara konsisten dan teratur.

BLNG

BLNG telah menghantar 211 kargo kelas 'B', (bersamaan 7.2 juta ton LNG)

pada tahun 2004. Markah kaji selidik kepuasan pelanggan di tahap 82.9 peratus berbanding dengan markah sasaran 75 peratus. Ini membuktikan BLNG masih menjadi 'Pembekal Terpilih' bagi pelanggannya di Jepun dan Korea.

Pencapaian melebihi sasaran LNG adalah berlatarbelakangkan kerja-kerja rejuvenasi penting termasuk penggantian dua unit Penarik Haba Kriogenik Utama (MCHE) di Train 1 dan 4 yang telah disiapkan tanpa gangguan, selain pemasangan dua lagi unit MCHE baru di Train 2 dan 3 sebelum kerja rejuvenasi utama dilakukan, manakala Tiang Penjanaan semula di Train 2 dan 3 juga diganti.

Beberapa projek telah disiapkan untuk meningkatkan kecekapan bahan api loji. Ini termasuklah kerja menggantikan pelarut Sulfinol dengan aMDEA, menggantikan unit MCHE di Train 1 dan 4. Dalam tahun 2005, kerja menggantikan unit MCHE di Train 2 dan 3 dan kerja meningkatkan menara penyejuk 14 - sel, 13 - sel dan 8 - sel dijangka akan menjana keuntungan kapasiti lanjutan penjimatan bahan api.

Sementara itu aktiviti penandaan asas Shell Global Solutions menempatkan BLNG dalam 'Quartile' teratas bagi semua logi LNG Shell dalam hampir kesemua kategori yang dinilai. Dalam tahun 2005 BLNG akan menyambung aktiviti penandaan asas untuk meliputi operasi dan perkapalan serta pemasaran dengan Kerjasama Shell Trading dan Shipping Company (STASCO).

Sehingga hujung tahun 2004, BLNG telah mencapai lebih lima juta jam kerja tanpa Hilang Masa akibat Kecelakaan (LTI). Sejumlah tiga juta jam bekerja telah dilakukan pada tahun 2004, menggambarkan peningkatan lebih dua kali ganda tenaga kerja dan bebanan kerja projek dan penyelenggaraan yang tinggi.

Semua penunjuk keselamatan adalah dalam lingkungan sasaran dan review yang dilakukan oleh MHMS Shell Group mengasahkan wujudnya kepatuhan. Program gaya hidup sihat tahunan juga menunjukkan peningkatan yang positif dalam petunjuk kesihatan kakitangan.

Satu audit pengawasan ISO 9001 : 2000 luaran yang ekstensif bagi sistem pengurusan Kualiti BLNG telah disiapkan dan BLNG telah diberikan perakuan semula. Kakitangan meneruskan latihan audit dalaman bagi ISO 9001 dan ISO 14001 untuk memastikan peningkatan yang berterusan.

BST

BST telah menghantar 170 kargo LNG Kelas 'B' kepada pelanggan-pelanggannya di Jepun dengan pencapaian minyak pada kadar sifar. Keperluan kod keselamatan kapal dan fasiliti pelabuhan antarabangsa (ISP) telah dilaksanakan dan semua kapal telah menerima pengesahan dan kelulusan 'Flag State'.

Audit pengesahan berkala bagi kod pengurusan keselamatan antarabangsa dan pemeriksaan kapal Forum Marin Antarabangsa Syarikat-syarikat Minyak telah disiapkan ke atas semua kapal Kelas 'B'.

Kapal-kapal Bubuk dan Belanak telah menjalani kerja-kerja dok kering dan pasang pulih termasuk penyiapan kajian Program Penilaian Berterusan (CAP) oleh Pendaftar Perkapalan Lloyd. Kapal Bubuk menerima 'rating 1' (yang paling tinggi) bagi kargo dan peralatan mesin dan 'rating 2' bagi struktur badan kapal. Anugerah bagi notasi CAP membolehkan fleksibiliti perdagangan para penyewa bagi penghantaran kargo tunai.

Seorang Pegawai Jurutera ketiga telah memperoleh Sijil Kecekapan Kelas 2 dari UK Marine Coastguard Agency. Seramai 13 lagi Pegawai Kadet warga Brunei telah memulakan pengajian di Warsash Mari-

EKONOMI

KELOLAAN SAHARI AKIM
sahari.akim@information.gov.bn

time College United Kingdom dalam bulan Jun menjadikan jumlah bilangan Pegawai Kadet kepada 42 orang.

Kadet Pegawai Jurutera Awang Muhd. Zulhilmu bin Awang Matassim yang memulakan pengajian kadetnya dalam tahun 2001 telah menerima Anugerah United Kingdom Marine Society Untuk Portfolio Latihan Vokasional Terbaik.

Seramai lima pelatih pegawai elektro-teknik telah menamatkan pengajian pada awal tahun 2004. Program latihan dan pengambilan anak-anak kapal diteruskan dengan matlamat ketujuh-tujuh buah kapal LNG akan dikendalikan oleh warga Brunei menjelang akhir tahun 2007. Terdapat 165 anak buah kapal berkhidmat di bahagian Dek, Katering dan Bilik Enjin sehingga akhir tahun 2004.

Semua kursus latihan latihan pelaut International Maritime Organisations (IMO) telah diadakan di Brunei Darussalam kecuali Kursus 'Certificate For Proficiency In Survival Craft' (CPSC). BST, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Megamas dan Jabatan Laut Negara Brunei Darussalam kini sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan bagi mengendalikan kursus CPSC di negara ini.

BSM

Jualan minyak dan bahan api BSM telah meningkat pada kadar 1.7 peratus dari tahun 2003 dan jualan bitumen meningkat sebanyak 19.7 peratus. Terdapat pertumbuhan positif pada kadar lima peratus bagi jualan LPG.

Syarikat ini telah memindahkan ibu pejabatnya ke Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) dan proses kerja

telah disesuaikan supaya selaras dengan sistem bersepadu Perancangan Sumber Keusahawanan 'Sun-Systems' yang baru.

Dalam tahun 2004, lapan buah stesen minyak telah menerima Anugerah Pengerusi yang pertama di Majlis Penyampaian Anugerah 'Stesen Contoh' yang julung kali diadakan. Skim ini menggalakkan kecekmerlangan operasi retel dan profesionalisme pengedar.

BSM telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan LPG yang diwakili oleh Unit Petroleum, Perkhidmatan Bomba dan Lembaga Bandaran untuk mewujudkan standard kebangsaan bagi Garis Panduan Keselamatan LPG untuk saluran-saluran komersil dan pusat jualan di Negara Brunei Darussalam.

Selama tiga tahun berturut-turut, BSM merekodkan kes LTI di tahap sifar. BSM telah memenuhi keperluan kod keselamatan kapal dan fasiliti pelabuhan antarabangsa (ISPS). Tiga orang kakitangan BSM telah diiktiraf sebagai pegawai keselamatan fasiliti pelabuhan oleh Penguasa Daerah. Manual keselamatan Depo Penerbangan BSM juga telah disah dan diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam mematuhi keperluan keselamatan kebangsaan.

Prestasi cemerlang keempat-empat syarikat usaha sama pada tahun 2004 itu menggambarkan keupayaan pengurusan mereka. Kita percaya syarikat-syarikat usaha sama itu akan terus berkembang dan mampu menyumbangkan pendapatan besar kepada negara ke arah masa hadapan yang lebih cerah. (Sumber: Buku Laporan Tahunan 2004).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN
(Unit Kesihatan Pelabuhan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar)
Bahagian II

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Memantau kebersihan alam sekitar kawasan pelabuhan-pelabuhan.	1 hari
2.	Menerima makluman daripada pihak ejen perkapalan akan ketibaan kapal sebelum ketibaan kapal berke-naan.	3 hari



PAPAN-PAPAN tanda di jalan raya yang didirikan adalah bagi memberikan petunjuk untuk memudahkan pengguna-pengguna jalan raya merancang perjalanan masing-masing. Sebagai pengguna kita perlulah sentiasa menggunakan dan berpandukan papan-papan

tanda bagi mengelakkan sebarang kemalangan jalan raya.

Schubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memelihara agar papan-papan tanda sentiasa berkeadaan baik, janganlah diconteng-conteng dan dipindahkan kerana akan menyukarkan para pengguna jalan raya.

Doa banyak fadilat dan kelebihan

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 yang tafsirannya:

"Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku berkenankan doa permohonan kamu."

Doa itu ialah ibadat dan doa itu juga adalah senjata orang mukmin. Allah Subhanahu Wataala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya berdoa dan memohon kepada-Nya. Di samping itu pula, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri berpesan supaya kita berdoa bersungguh-sungguh. Berdoa itu adalah merupakan pengakuan seseorang hamba terhadap kekuasaan Allah Subhanahu Wataala dan suatu tanda keyakinan bahawa tiada tempat meminta tolong melainkan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Oleh kerana itu di dalam Islam setiap perbuatan yang diperintahkan kepada kita untuk melakukannya ada doa-doanya, apabila hendak masuk ke tandas pun ada doanya, begitu juga apabila hendak keluar daripadanya. Berdoa adalah salah satu daripada keperluan bagi mendapat kekuatan, keyakinan, harapan, keberkatan, kerendahan dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala dalam segala apa yang dilakukan. Orang yang tidak berdoa bererti menutup bagi dirinya berbagai-bagai kebaikan dan mendedahkan dirinya akan kemurkaan Allah Subhanahu Wataala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang yang tidak meminta (berdoa) kepada Allah, Allah murka kepadanya." (Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

Merujuk kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengatakan doa itu senjata orang mukmin, ini bermakna doa itu mempunyai kelebihan dan fadilat yang amat besar dan amat banyak, di mana melalui doa, keampunan dan rahmat akan diperolehi, manakala musibah dan kesusahan boleh terhindar kerana jika Allah Subhanahu Wataala menghendaki dan memperkenankan doa hamba-Nya, tidak ada satu pun yang dapat menghalang kerana Allah Subhanahu Wataala tidak akan mensia-siakan doa hamba-Nya yang penuh dengan keikhlasan. Ingatlah berdoa juga boleh menghindarkan sesuatu bala, walaupun bala itu sudah merupakan qadak (ketentuan Allah Subhanahu Wataala).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan dalam hadis Baginda yang bermaksud:

"Dari Sulaiman Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiada yang boleh menolak qadak Allah kecuali doa dan tiada yang boleh menambah umur kecuali dengan berbuat amal kebajikan." (Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

Adalah menjadi adat dan kelaziman jika kita berkehendakkan sesuatu dari-

pada seseorang, kita akan bersopan santun dan bertatertib. Maka apatah lagi jika kita memohon dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala tentulah lebih dari itu. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 55 yang tafsirannya:

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan dengan suara perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."

Oleh itu kita dituntut menjaga adab dan bertatertib berdoa agar doa itu dimakbulkan. Di antaranya ialah:

Pertama: Berwuduk dan memulakan serta mengakhiri doa dengan menyebut dan memuji-muji nama Allah Subhanahu Wataala serta memberi selawat dan salam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kedua: Berdoa mengadap kiblat dan mengangkat dua tangan dan menyapukan kedua tapak tangan ke muka setelah selesai berdoa.

Ketiga: Bersungguh-sungguh dalam berdoa dan merasa penuh yakin akan diperkenankan.

Keempat: Berdoa disertai dengan kerendahan hati, khusyuk dengan jiwa yang tulus ikhlas, merendahkan suara serta diiringi dengan perasaan takut akan azab Allah Subhanahu Wataala dan penuh harapan dengan limpah kurnia-Nya.

Kelima: Memastikan

sumber rezeki seperti makanan, minuman dan pakaian adalah daripada yang halal.

Keenam: Apabila berdoa adalah afdal mengulang-ulang doa tiga kali dan tidak berputus asa serta jangan cepat menganggap doa tidak dimakbulkan.

Ketujuh: Janganlah berdoa dengan sesuatu yang tidak selayaknya seperti perkara yang tidak munasabah dan mustahil. Adalah lebih utama berdoa dengan doa-doa yang masyhur yang datang daripada Al-Quran, sunnah dan para sahabat.


Kelapan: Doa-doa tersebut juga hendaklah bersifat umum, menyeluruh dan padat. Doa yang paling banyak dibaca oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah yang bermaksud:

"Ya Allah ya Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada api Neraka."

Elok juga diketahui bahawa barang siapa yang berdoa memohon kepada Allah Subhanahu Wataala pada satu per tiga akhir waktu malam dan selepas menunaikan sembahyang fardu, Allah Subhanahu Wataala menjanjikan akan memakbulkan doa dan permintaannya. Ini jelas sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang bermaksud: "Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu bahawa

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tuhan kami Tabaraka Wataala turun tiap-tiap malam ke langit dunia ketika tinggal satu per tiga akhir waktu malam. Dia berfirman, barangsiapa yang berdoa kepada-Ku maka Aku akan mengabulkan baginya, barangsiapa meminta kepada-Ku maka Aku akan memberinya, barangsiapa memohon keampunan-Ku maka Aku mengampuninya."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda lagi yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi yang maksudnya: "Daripada Abi



Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tuhan kami Tabaraka Wataala turun tiap-tiap malam ke langit dunia ketika tinggal satu per tiga akhir waktu malam. Dia berfirman, barangsiapa yang berdoa kepada-Ku maka Aku akan mengabulkan baginya, barangsiapa meminta kepada-Ku maka Aku akan memberinya, barangsiapa memohon keampunan-Ku maka Aku mengampuninya."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda lagi yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi yang maksudnya: "Daripada Abi

Umamah Radiallahuanha katanya: Telah ditanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Bilakah masanya doa yang lebih didegar (dimakbulkan)? Nabi menjawab: Doa tatkala satu per tiga terakhir malam dan sesudah sembahyang fardu."

Sebenarnya terdapat banyak lagi waktu-waktu dan tempat jika kita berdoa pada-Nya, doa akan mudah dan cepat dimakbulkan, di antaranya ialah malam Jumaat dan hari Jumaat, waktu di antara azan dan iqamah, ketika khatib duduk di antara dua khutbah, ketika sujud di dalam sembah-

DOA itu ialah ibadat dan doa itu juga adalah senjata orang mukmin. Allah Subhanahu Wataala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya berdoa dan memohon kepada-Nya. Di samping itu pula, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri berpesan supaya kita berdoa bersungguh-sungguh. Berdoa itu adalah merupakan pengakuan seseorang hamba terhadap kekuasaan Allah Subhanahu Wataala dan suatu tanda keyakinan bahawa tiada tempat meminta tolong melainkan kepada Allah Subhanahu Wataala.

masjid berkenaan.

Berdoa bukanlah hanya untuk diri sendiri sahaja, tetapi kita juga dituntut mendoakan orang lain terutama ibu bapa, anak-anak, ahli keluarga, saudara mara, Muslimin dan Muslimat sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia. Ibu bapa adalah orang yang paling utama didoakan oleh anak-anak sebagai membalas jasa kerana memelihara dan mendidik di waktu kecil. Sesungguhnya doa anak-anak kepada kedua ibu bapanya adalah besar manfaatnya, lebih-lebih lagi apabila keduanya telah meninggal dunia. Begitulah pula halnya dengan ibu bapa, digalakkan supaya mendoakan anak-anak mereka seperti mana Nabi Ibrahim Alaihissalam mendoakan anaknya sebagai mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 100 yang tafsirannya:

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang tergolong dari orang-orang yang salih."

Hindarkanlah diri kita daripada berbuat zalim dan menganiaya orang lain, kerana doa orang yang dizalimi itu sangat mustajab, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya: "Dari Ibnu Abbas Radiallahuanhuma katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Dan takutlah engkau akan doa orang yang dizalimi, sesungguhnya doa orang yang dizalimi itu tidak ada di antaranya dan di antara Allah pendinding."

Sebagai orang Islam, marilah sama-sama kita memperbanyakkan doa, kerana doa itu menunjukkan kita taat dan ingat Allah Subhanahu Wataala. Ingat di setiap masa baik di kala senang mahupun susah, di kala kaya ataupun miskin. Percayalah janji Allah Subhanahu Wataala sebagai mana maksud firman-Nya: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku berkenankan doa permohonan kamu."

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 186 yang tafsirannya:

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai-Ku maka beritahu kepada mereka: Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku berkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dengan mematuhi perintah-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul."

وقت سمبهيڻ، امساک، شورو دار حضر

وقت ۲ سمبهيڻ، امساک، شورو دار حضر، 16 ربيع الآخر، 1426 برسمان دهن
25 مي، 2005 هيڻگ كهاري ثلاث، 22 ربيع الآخر، 1426 برسمان دهن 31 مي، 2005 اداله سغرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شورو	ضحی	مسيحي
ربيع الآخر									
16	12.18	3.42	6.28	7.43	4.33	4.33	6.05	6.30	مي
17	12.18	3.42	6.29	7.43	4.33	4.33	6.05	6.30	
18	12.19	3.43	6.29	7.43	4.33	4.33	6.05	6.30	
19	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.33	6.05	6.30	
20	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.33	6.05	6.30	
21	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.33	6.05	6.30	
22	12.19	3.44	6.29	7.45	4.33	4.33	6.06	6.30	

وقت ۲ سمبهيڻ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڻ فرض جمعة دسلورو نڱارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تفهاري.

PERSOALAN DARAH KETIKA HAMIL

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

APAKAH PEREMPUAN HAMIL DIDATANGI HAID?

MENURUT Imam As-Syafi'e Rahimahullah dalam qaul jadid, perempuan hamil juga didatangi haid.

Imam Al-Qurtubi menyatakan bahawa ayat 8 - 9 Surah Ar-Ra'd tersebut adalah dalil bagi perempuan yang hamil didatangi haid. Allah berfirman yang tafsirnya:

"Allah mengetahui tiap apa yang dikan-dung oleh tiap-tiap ibu, dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih dan tiap-tiap suatu adalah ditetapkan di sisinya dengan kadar yang tertentu."

"Dialah jua yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata. (Dialah jua) Yang Maha Besar Lagi Maha Tinggi (yang mengatasi segala-galanya)." (Surah Ar-Ra'd: 8 - 9).

DARAH SELEPAS BERSALIN

Darah yang keluar selepas bersalin dalam istilah fiqh ialah darah nifas. Darah nifas ialah darah yang keluar dari rahim perempuan selepas melahirkan anak, iaitu setelah anak bercerai dari perut si ibu, sama ada anak yang dilahirkan itu hidup atau mati.

Tidak dikatakan sebagai nifas bagi darah yang keluar dari rahim perempuan sebelum dia melahirkan anak, ataupun darah yang keluar bersama-sama anak yang dilahirkan, melainkan ia dikatakan sebagai darah fasad. Itu

pun jika tidak bersambung dengan darah haid yang terdahulu. Jikalau bersambung dengan darah haid yang terdahulu, maka ia adalah darah haid. Ini adalah berdasarkan kepada pendapat yang asah mengatakan bahawa perempuan yang hamil boleh didatangi haid.

TEMPOH NIFAS

Tempoh keluar nifas antara seorang perempuan dengan seorang perempuan yang lain adalah berbeza mengikut fizikal dan keadaan perempuan itu sendiri. Oleh itu para ulama membahagikan tempoh nifas itu kepada tiga kategori seperti berikut:

1) Masa yang paling minima ialah kadar setitik darah. Apabila keluar darah sedikit selepas bersalin (melahirkan anak) kemudian berhenti, maka darah yang sedikit itu dipanggil nifas. Bahkan memang ada perempuan melahirkan anak tanpa darah nifas, sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Baihaqi yang maksudnya:

"Telah berkata Sahmun hamba Bani Salim: Sesungguhnya hamba perempuannya Ummu Yusuf telah melahirkan anak tanpa darah. Kemudian dia menemui Sayyidatina 'Aisyah Radiallahuanha, lalu beliau (Aisyah) berkata: 'Engkau perempuan yang disucikan oleh Allah.'" (Hadis riwayat Baihaqi).

Tempoh bermulanya darah nifas itu keluar ialah sebelum berlalu lima belas hari setelah seseorang perempuan melahirkan anak. Andai kata darah tidak keluar melainkan setelah berlalu masa selama lima belas hari atau lebih, maka darah yang keluar itu tidak dikatakan sebagai nifas bahkan ia adalah darah haid.

2) Masa yang sederhana dan biasa berlaku ialah kadar keluar darah dalam tempoh empat puluh hari empat puluh malam. Kadangkala kadang terdapat juga perempuan yang bernifas

kurang daripada tempoh tersebut, seperti tiga puluh hari tiga puluh malam dan sebagainya.

3) Masa yang paling maksima ialah kadar keluar darah dalam tempoh enam puluh hari enam puluh malam.

Jika darah masih berterusan keluar walaupun sudah menjangkau tempoh maksima, maka darah yang keluar selepas tempoh maksima itu tidak lagi dikatakan sebagai nifas tetapi dikatakan ia sebagai darah *istihadhah* (darah yang keluar dari rahim perempuan selain dari masa haid dan nifas dengan sebab penyakit).

MASALAH KEGUGURAN

Keguguran bermaksud janin yang gugur dalam perut ibunya sebelum ianya terbentuk dengan sempurna sama ada keguguran itu hanya berupa darah beku ('alaqah) atau hanya berbentuk seketul daging (*mudghah*).

Adapun jika yang keguguran itu adalah janin yang telah sempurna bentuknya sebagai manusia, maka darah yang keluar itu merupakan darah nifas.

Berlainan halnya jika janin yang keluar itu belum sempurna bentuknya seperti 'alaqah atau *mudghah*, maka darah yang keluar itu adalah darah haid (jika ia bersambung dengan darah haid yang terdahulu). Jika sebaliknya darah itu ialah darah fasad.

MELAHIRKAN ANAK KEMBAR

Menurut Mazhab Syafi'e tempoh bermula nifas bagi ibu yang melahirkan anak kembar ialah setelah lahir anak yang kedua. Begitulah seterusnya jika anak kembar itu lebih daripada dua orang. Manakala darah yang keluar ketika melahirkan anak pertama itu ia adalah darah fasad, kecuali jika bersambung dengan darah haid terdahulu, maka ia adalah darah haid.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

**Bilangan 204
Bahagian Akhir**

PENUTUP

Berdasarkan penjelasan di atas, hukum darah ketika hamil, semasa dan selepas melahirkan adalah berbeza. Ini dapat dilihat dari penjelasan mengenai dengan darah yang keluar semasa melahirkan. Kebanyakan wanita beranggapan ianya adalah darah nifas dan secara tidak langsung meninggalkan tuntutan ibadat seperti layaknya seorang yang dalam keadaan haid. Pada hakikatnya ia bukanlah darah nifas dan tidak menghalang daripada mengerjakan tuntutan ibadat wajib seperti puasa, sembahyang dan lain-lain.

Oleh itu mengetahui mengenai kedudukan darah yang keluar daripada perempuan itu adalah wajib bagi kaum isteri mahupun suami kerana ianya membawa kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat dan pergaulan suami isteri.

WALLAHUALAM

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

KITA amat bersyukur mendengar dan melihat semangat serta keprihatinan yang dihasilkan oleh masyarakat kita umat Islam di negara ini dalam menangani dan menyemarakkan hari-hari kebesaran Islam; umpamanya seperti menyambut dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Walaupun detik keputeraan tersebut telah lama berlalu, tetapi usaha-usaha menyemarakkan telah dilakukan di sana sini iaitu dari tibanya bulan Rabiulawal di setiap tahun oleh pelbagai institusi, jabatan-jabatan kerajaan di kementerian-kementerian, sektor-sektor swasta dan keseluruhan umat Islam di Negara Brunei Darussalam meraikannya iaitu baik yang diadakan khusus semata-mata untuk sambutan tersebut mahupun yang disempenakan dengan hari yang amat bersejarah itu.

Bentuk amalan seperti ini amatlah digalakkan dan dituntut dalam Islam, lebih-lebih lagi amalan tersebut adalah terkhusus untuk memperingati manusia yang teristimewa di sisi Allah Subhanahu Wataala. Sebenarnya bagi kita perlakuan seperti ini amatlah besar ganjarannya kerana dengan mewujudkan usaha menyemarakkan majlis sambutan seperti ini bererti kita benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala, di samping menyintai dan mentaati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran Surah An-Nisaa' ayat 80 yang tafsirnya:

"Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam ingatan

berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)."

Selain itu, perkara tersebut dijelaskan lagi dalam hadis Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi yang bermaksud:

"Cintailah Allah atas kenikmatan-kenikmatan yang diberikan-Nya kepadamu dan cintailah aku kerana mencintai Allah dan cintailah ahli baitku (keluarga-gaku) kerana mencintaiku."

DI SAMPING itu, budi dan kasih sayang serta cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita umatnya adalah tidak terhingga dan ternilai, bukan sahaja dari mula seruannya, malah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjuang terus untuk menyenangkan dan menyelamatkan umatnya sehinggakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sanggup dan ingat untuk menyimpan doanya sebagai syafaat bagi umatnya pada Hari Kiamat. Dari sebab itu juga barang siapa di antara umatnya yang mati dengan tidak menyekutukan Allah Subhanahu Wataala dengan apa pun, insya-Allah akan mendapat syafaatnya kelak.

Jadi perasaan cinta dan ketaatan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini semestinya tetap segar dan sentiasa bersinar kerana bakti dan jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita amatlah besar. Baginda adalah Rasul yang mulia, pengasih lagi penyayang kepada sekalian umatnya. Dengannya Allah mengeluarkan kita dari kegelapan kepada cahaya (dari kesesatan kepada petunjuk, dari kebodohan kepada berpengetahuan, dari kelemahan kepada kekuatan, dari kehinaan kepada kemuliaan, dari perpecahan kepada perpaduan, dari pertengkaran dan permusuhan kepada cinta kasih dan kerukunan). Hingga dengan petunjuk dan pimpinannya kita menjadi sebaik-baik umat manusia.

Di samping itu, budi dan kasih sayang serta cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita umatnya adalah tidak terhingga dan ternilai, bukan sahaja dari mula seruannya, malah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjuang terus untuk menyenangkan dan menyelamatkan umatnya sehinggakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sanggup dan ingat untuk menyimpan doanya sebagai syafaat bagi umatnya pada Hari Kiamat. Dari sebab itu juga barang siapa di antara umatnya yang mati dengan tidak menyekutukan Allah Subhanahu Wataala dengan apa pun, insya-Allah akan mendapat syafaatnya kelak.

Semoga dengan penyerapan rasa kasih sayang dan ingatan kita yang tulus ikhlas kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan mendapat keberkatan dan keredaan-Nya jua.

ASEAN sentiasa terbuka kepada seluruh dunia dan terus membuat hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan dengan negara-negara luar, walaupun ia juga menjalin hubungan setia kawan serantau dan juga integrasi ekonomi. ASEAN sentiasa mencari negara-negara lain untuk dijadikan rakan dalam perkembangan global dan kestabilan serantau serta juga dalam pembangunan ASEAN dan negara-negara anggotanya.

Bagaimanapun, pada awalnya, ASEAN telah dipelopori dengan pembinaan sebuah persatuan yang baru, dengan mengadakan hubungan serta keyakinan bersama sambil memastikan rantau ini dijaga dari arena konflik Perang Dingin. Dalam deklarasi penubuhannya pada 8 Ogos 1967, negara-negara anggotanya tidak menyebutkan mengenai hubungan institusi dengan negara-negara lain dan mereka berjanji untuk 'mengekalkan kerjasama rapat dan berfaedah dengan pertubuhan serantau dan antarabangsa yang mempunyai misi dan tujuan yang sama'.

Sembilan tahun kemudian, Sidang Kemuncak ASEAN yang pertama telah diadakan di Bali pada tahun 1967 di mana ASEAN melahirkan mengenai kesediaannya untuk mewujudkan kerjasama yang bermakna dengan negara-negara lain di rantau ini. Dalam tempoh satu tahun mandat berkenaan diperluaskan untuk melangsungkan perkembangan hubungan dialog dengan rakan ekonomi utama seperti Eropah dan Amerika.

Kebimbangan ASEAN terhadap hubungan luar adalah sedia dimaklumi berikutan kewujudannya. Negara-negara pengasas mempunyai sejarah pergeseran antara satu dengan yang lain dan keutamaan utama mereka ialah untuk belajar mengatasi perbezaan mereka dan saling mempercayai untuk bekerjasama dalam kumpulan kerja dialog. Mereka juga melihat masyarakat dunia yang berbelah bahagi akibat daripada ideologi dan Perang Dingin.

Pada penghujung Perang Viet Nam adalah saatnya ASEAN membuat keputusan, pada Sidang Kemuncak Bali 1976, ASEAN membuat keputusan untuk mewujudkan hubungan dengan negara-negara lain. Pada satu sisi, ASEAN telah menubuhkan hubungan dialog dengan rakan ekonomi utama. Dan pada sisi yang lain, ASEAN juga memulakan pencarian dan pengwujudan hubungan dengan lima negara Asia Tenggara iaitu Viet Nam, Kemboja, Laos, Myanmar dan juga Negara Brunei Darussalam yang baru mendapat semula kemerdekaannya.

Ketika ASEAN menempuh abad ke-21, ia telah menyatukan semua kesepuluh negara Asia Tenggara ke dalam pertubuhan ASEAN. Banyak negara dan pertubuhan



Kelolaan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

HUBUNGAN LUAR ASEAN

Siri Pertama

telah meluahkan hasrat untuk menubuhkan hubungan dialog dengan ASEAN. ASEAN juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai satu kuasa untuk perdamaian, kestabilan dan kesederhanaan. Diplomasi ASEAN telah mendapat tempat di antara kerjasama serantau dan telah membentuk masa depan ASEAN dan rantau ini.

VISI 2020 DAN PELAN TINDAKAN

Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 Disember 1977 dan telah meluluskan bahawa Visi ASEAN 2020 yang mana telah dibuat melambangkan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau dalam abad ke-21: "Sebuah kesatuan negara-negara Asia Tenggara, yang melihat keluar, hidup dalam damai, stabil

dan makmur, bersatu dalam kebersamaan pembangunan yang dinamik dan sebuah masyarakat yang pemedulian."

Pada Sidang Kemuncak mereka di Ha Noi pada tahun 1998, pemimpin ASEAN telah meluluskan Pelan Tindakan Ha Noi sebagai satu siri pertama pelan tindakan bagi merealisasikan Visi 2020. Dalam hubungan luar ASEAN, Pelan Tindakan Ha Noi bertujuan untuk menggalakkan peranan ASEAN sebagai sebuah kuasa bagi perdamaian, keadilan dan kesederhanaan dalam rantau Asia Pasifik dan dunia. Tujuan khususnya adalah:

- * Mengekalkan kedudukan Pengerusi ASEAN dalam Forum Serantau ASEAN (ARF).

- * Mewujudkan inisiatif untuk bergerak ke depan, atas asas persetujuan bersama dan gerak yang selesa untuk semua, proses ARF dari penekanan yang

ada sekarang iaitu untuk membina kepercayaan diri untuk menggalakkan diplomasi pencegahan.

- * Menggalakkan konsultasi dan penyelarasan kedudukan ASEAN di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa yang lain.

- * Mengukuhkan lagi hubungan ASEAN dengan rakan dialog berasaskan kesamaan, non-diskriminasi dan faedah bersama; dan

- * Membina hubungan kerjasama dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Di sebalik persekitaran politik dan ekonomi Asia Timur yang sentiasa berubah, minat rakan dialognya dalam bidang politik dengan Asia Tenggara melalui ASEAN adalah masih tinggi. Negara-negara lain, termasuk serantau dan pertubuhan antarabangsa juga terus mencari hubungan sedemikian.

MENCAPAI KEJAYAAN WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD 21

ANGGOTA Perkhidmatan Awam (PA) yang merupakan jentera penggerak pentadbiran negara perlu komited dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai perkhidmatan cemerlang.



Oleh Refa'ah Ali Osman

an yang ada pada diri kita.

Adalah menjadi tanggungjawab seorang ketua atau pegawai sebuah organisasi untuk memastikan atau memantau mana-mana kakitangan yang mempunyai masalah kurang disiplin dan komited atau yang digelar pada masa kini sebagai 'deadwood' supaya dapat dihantar untuk mendapatkan khidmat kaunseling dan nasihat di unit tersebut.

Persoalannya sekarang ialah tidakkah orang lain akan memandang rendah terhadap orang yang bermasalah? Jawapannya setentunya tidak. Setiap insan mempunyai kehendak dan kemahuan semula jadi dalam menjadikan dirinya sebagai seorang insan yang baik. Oleh kerana dirinya tidak dapat memikul beban atau masalah yang dihadapinya maka dia perlu mencari jalan penyelesaian demi masa depannya yang lebih cerah. Oleh yang demikian, kita tidak seharusnya memandang rendah kepada seseorang yang menghadapi masalah seperti itu kerana setiap insan menginginkan pencapaian serta peningkatan yang berhasil dalam kerjaya dan kehidupannya.

Tugas dan tanggungjawab Unit Perkhidmatan Kaunseling antara lain ialah memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan awam yang mempunyai masalah yang boleh menggugat mutu kerja serta pencapaian mereka. Selain meningkatkan kualiti dan produktiviti ia juga bertujuan meningkatkan lagi kesedaran dan komitmen terhadap tanggungjawab yang diamanahkan.


Unit ini juga memberikan Perkhidmatan Kaunseling dan nasihat kepada mereka yang mempunyai masalah-masalah yang boleh menggugat mutu kerjaya seperti kurang disiplin dan melanggar Etika Kerja. Begitu juga warga PA yang telah diambil tindakan tata-tertib akan diberikan Perkhidmatan Kaunseling bagi melahirkan mutu disiplin yang baik dan komited terhadap tugas yang diamanahkan.

Malah Unit PA juga bertanggungjawab dalam penyediaan kursus dan Perkhidmatan Kaunseling kepada pegawai dan kakitangan awam yang akan menamatkan perkhidmatan atas sebab-sebab persaraan wajib. Ia diharapkan akan dapat membantu bakal pesara untuk menjalani kehidupan yang sempurna setelah bersara nanti.

Untuk mencapai matlamatnya maka suatu langkah telah dibuat dengan memperkenalkan satu peraturan di mana barang siapa yang ingkar dan enggan menghadirkan diri dalam sesi kaunseling tersebut, maka tindakan akan diambil ke atas mereka dengan mengangut perkhidmatan mereka berserta gaji dan elaun-elaun mereka sehinggalah mereka datang menghadirkan diri untuk mengikuti sesi kaunseling yang telah diarahkan kepada mereka.

Oleh itu, kita sebagai warga PA hendaklah menyahut hasrat kerajaan ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan produktiviti negara. Selain itu, komitmen yang penuh mesti ada dari setiap individu warga PA bagi menghasilkan pentadbiran yang efisien, dinamik dan proaktif.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

CARI REZEKI HALAL - ELAKKAN DARI MEMINTA-MINTA

APABILA bercakap mengenai rezeki, perkara pokok yang sering diperkatakan ialah adakah rezeki yang diperolehi itu halal atau tidak. Bagaimana pula dengan usaha dan tenaga yang telah dicurahkan dalam mencari rezeki itu,

adakah sepadan dengan hasil rezeki yang diperolehi? Di sinilah letaknya nilai berkat pada rezeki yang kita perolehi. Untuk menentukan keberkatan pada rezeki, cara bagaimana rezeki itu diperolehi juga perlu diperhatikan. Berusaha mencari rezeki

yang halal untuk keperluan diri dan keluarga adalah suatu kewajipan. Rezeki halal bermaksud hasil yang diperolehi itu adalah melalui usaha sendiri dan tidak bertentangan dengan syariat Islam seperti tiada penipuan, penindasan, khianat, riba dan rasuah.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang tafsirannya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik."

Pelbagai cara boleh kita lakukan untuk tujuan mendapatkan rezeki yang halal umpamanya dengan bekerja sendiri seperti bertani, berternak, bertukang, membuat perusahaan dan sebagainya. Oleh itu tidak ada alasan untuk mengatakan tidak ada peluang pekerjaan. Peluang itu telah disediakan oleh Allah Subhanahu Wataala, cuma kita hanya perlu mengolah sumber-sumber alam yang telah disediakan. Bak kata pepatah 'kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya' yang bermaksud jika kita tidak berusaha bersungguh-sungguh mencarinya kita tidak akan dapat apa yang kita kehendaki.

Agama Islam juga melarang umatnya daripada perbuatan meminta-minta dan mengharapkan pertolongan dan belas ihsan dari orang lain tanpa berusaha untuk mencarinya sedangkan ia mampu. Perbuatan ini boleh merendahkan harga diri dan maruah seseorang. Melakukan apa

saja jenis pekerjaan tidak kira pekerjaan itu yang dipandang tinggi ataupun rendah tapi demi untuk mencari rezeki yang halal adalah lebih baik daripada perbuatan meminta-minta seperti mana hadis riwayat Imam Al-Bukhari daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sesungguhnya telah mengambil seseorang daripada kamu tali lalu mengambil seberkas atau seikat kayu lalu menjualnya maka Allah akan memelihara kehormatannya dan ianya lebih baik dari meminta-minta kepada manusia sama ada diberi atau tidak."

Jelaslah kepada kita bahawa Islam tidak mahu umatnya bersifat malas dan berpeluk tubuh sahaja tanpa membuat sesuatu pekerjaan. Pekerjaan menjual kayu api itu lebih mulia daripada perbuatan meminta-minta. Islam lebih suka menggalakkan umatnya berusaha mencari rezeki dengan titik peluh sendiri, selain itu yang penting ialah semangat dan kemahuan sebagaimana pepatah yang menyebutkan 'yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang' ini se-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Amalkan Konsep Sedikit-sedikit Lama-lama Jadi Bukit'. Tarikh tutup 1 Jun 2005.

2. 'Membanteras Negara Dari Amalan Rasuah'. Tarikh tutup 8 Jun 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn**

Negara memerlukan rakyat proaktif

HADIS yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari: "Tangan di atas (memberi) lebih baik dari tangan di bawah (meminta). Dan mulailah (memberi) kepada mereka yang kamu tanggung." Ini menjelaskan bahawa Islam menggalakkannya berusaha dan membuat sesuatu pekerjaan yang dapat menguntungkan diri sendiri serta dapat menyumbangkan sebahagian dari hasil usaha itu untuk masyarakat.

Sememangnya kehidupan pada masa kini memerlukan perbelanjaan yang tinggi bagi menampung kehidupan agar lebih menjamin dan memberi kesejahteraan. Malah dapat 'dihuraikan' bahawa hidup di dalam era yang milenium ini bukan saja penuh dengan cabaran serta dugaan bahkan taraf kehidupan semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan wang ringgit yang banyak. Bahkan tidak dapat dinafikan lagi, manusia sanggup melakukan apa saja malah berkorban apa saja dalam mencari sedikit 'kemewahan' agar 'perlu nasi' mereka tidak akan terjejas. Dengan kata lain, kehidupan 'baik' dan mewah memang menjadi impian setiap insan cuma mereka perlu berusaha mendapatkan dengan jalan yang diredai oleh Allah.

Menurut pendapat seorang ulama: "Selaku orang Islam hendaklah kita sedari bahawa Islam menuntut setiap manusia bekerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara dirinya, keluarganya dan juga bagi ibu bapanya yang telah tua. Di samping itu Islam juga menyatakan bahawa sesuatu 'kerja' yang halal ialah tugas yang diamanahkan oleh Allah kepada seseorang insan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja dengan sendirinya bererti, bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Dengan kata-kata lain hamba Allah itu beribadat. Maka menurut Islam setiap kerja yang diredai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Oleh demikian setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap kegiatannya menjalankan kerja yang halal adalah wajib baginya dan kegiatannya itu sekiranya dimulai dengan niat, hendaklah dianggap sebagai ibadat. Bahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." (Riwayat Al-Bukhari).

Selain dari itu Rasulullah Sallallahu juga ada bersabda yang bermaksud:

"Mencari kerja yang halal itu adalah fardu selepas fardu." (Riwayat Al-Baihaqi).

Sikap lebih rela mengangsur atau tidak bekerja tidak patut diamalkan kerana ianya hanya merugikan diri individu itu sendiri. Bahkan ada yang sanggup 'menebalkan muka' meminta-minta hasil titik peluh orang lain sedangkan diri mereka tidak berusaha untuk mencari rezeki sendiri. Malah terdapat sikap individu seolah-olah tidak malu dan bersalah memakan hasil penat lelah mereka yang bekerja bahkan juga menambah bebanan di bahu mereka sedangkan mereka sendiri sihat dan berupaya untuk mencari rezeki sendiri serta menampung kehidupan mereka. Cuma kerana sifat malas individu itu yang menguasai mereka dan menghalang mereka untuk berusaha dalam mencari rezeki kehidupan sendiri. Bak kata pepatah 'malu berkayu perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan' yang bererti malas berusaha tentu akan susah.

Negara sememangnya menginginkan rakyat yang proaktif, berdaya saing lebih-lebih lagi para remaja kerana mereka ini umpama tulang belakang negara yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Kerana jika 'tulang belakang' tidak produktif, berdaya saing dan tahan dalam cabaran kehidupan maka kemungkinan prestasi negara di mata dunia akan turut terjejas. Bahkan terdapat satu kajian di mana negara yang ekonominya

lemah adalah punca utama yang menyebabkan negara tersebut senang 'dikuasai'. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam Bukhari: "Sesungguhnya mengambil seorang kamu akan talinya lalu ia membawa balik seberkas kayu api di atas belakangnya lalu ia menjualkannya, maka Allah memelihara air mukanya, adalah lebih baik baginya daripada ia meminta-minta kepada manusia lain sama ada mereka memberinya atau tidak."

Sikap 'memberi awar' dalam pekerjaan tidak patut diamalkan kerana kerja-kerja seperti bercucuk tanam, membuka perusahaan ikan dalam sangkar, berniaga dan sebagainya bukan saja suatu pekerjaan yang halal dari segi agama malah dapat membuahkan hasil yang sememangnya akan menguntungkan diri pengusaha bahkan masa pengusaha tersebut tidak akan tersia-sia. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari: "Tiadalah seseorang yang memakan sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan dari hasil usaha tangannya. Dan bahawasanya Nabi Allah Daud makan dari hasil usaha tangan beliau sendiri."

Bahkan tidak salah untuk berusaha kerja sendiri daripada tidak mempunyai pekerjaan dan membekalkan orang lain dengan meminta-minta. Cuma yang perlu diingatkan bahawa yang tidak dapat dilupakan adalah bahawa Allah Subhanahu Wataala mempunyai hak untuk mengatur rezeki bagi setiap manusia. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Kitab Suci Al-Quran (Surah Adz-Dzaariyat 22 - 23) yang tafsirannya:

"Dan di langit terdapat (sebab-sebab) rezekimu (rezeki) yang ada di langit seperti turunnya hujan yang dapat menyuburkan tanaman-tanaman yang menjadi sebab rezekimu dan sebagainya dan terdapat (pula) ada yang dijanjikan kepadamu (ialah takdir Allah terhadap tiap-tiap manusia yang telah ditulis di Lauhul Mahfudh. Maka demi Tuhan langit dan bumi sesungguhnya yang dijanjikan itu adalah benar-benar (akan terjadi) seperti perkataan yang kamu ucapkan."

Ini menunjukkan bahawa berusaha dan bekerja adalah suatu aktiviti yang sangat digalakkan dan Islam sendiri memerintahkan umatnya berusaha dan mencari rezeki yang halal seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabrani dan Al-Baihaqi bermaksud: "Bekerja mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajipan sesudah kewajipan beribadat."

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagi diriwayatkan oleh Ad-Dailami yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala suka melihat hamba-Nya berusaha berpenat lelah mencari rezeki yang halal."

Oleh yang demikian janganlah kita memilih-milih kerja kerana Allah Subhanahu Wataala telah menyediakan peluang-peluang untuk mencari rezeki. Bergantung kepada kita, apakah kita mampu meraih peluang-peluang yang telah disediakan itu.

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala yang beragama Islam yang benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya kita diwajibkan bergiat dan berjuang di dalam kehidupan untuk mencari rezeki yang halal bagi keperluan diri, keluarga dan lainnya yang ada di muka bumi ini menurut bakat masing-masing agar semua rezeki yang kita peroleh itu adalah melalui hasil yang kita usahakan.

**Zatul Himmah Izzat binti Haji Mohd. Tejjudin,
Baitus Sa'adah,
No. 24, Jalan 31, Simpang 47, RPN
Lambak Kanan, BC 2915.
No. k/p : 00-300127**

**MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami
kemukakan iaitu 'Cari Rezeki Halal - Elakkan
Dari Meminta-minta'. Mereka akan menerima
hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang
berjaya itu adalah seperti berikut:**

Peluang mencari rezeki terbuka luas

MENCARI rezeki yang halal itu memang dituntut dalam Islam. Dengan mencari rezeki yang halal itu kita mestilah rajin dan tekun berusaha bagi memenuhi keperluan keluarga yang kita tanggung. Peluang di muka bumi ini untuk mencari rezeki memang terbuka luas bagi sesiapa yang rajin atau 'bekar' untuk mencari pekerjaan asalkan pekerjaan itu hala, sama ada pendapatan itu kecil atau besar.

Peluang pekerjaan memang banyak dari segi perniagaan, pertanian, perternakan, binatang-binatang dan sebagainya hanya terpuhlulah kepada individu itu sendiri mengikut inisiatif dan kemampuan masing-masing. Kalau kita hanya berpeluk tubuh sahaja, rezeki itu tidak akan datang bergolek. Kalau kita malas untuk berusaha sumber rezeki pun memang sulit

untuk kita dapatkan. Kebanyakan masyarakat sekarang berkhidmat di sektor kerjaan dan swasta. Dan ada juga sebilangan besar yang masih menganggur. Mereka ini sepatutnya berusaha untuk mendapatkan rezeki di dalam apa jua bidang sekalipun. Ada juga di kalangan mereka yang berkecimpung di dalam bisnes sendiri seperti berjualan, berternak binatang dan sebagainya. Ini dapat kita lihat betapa banyaknya gerai-gerai jualan seperti cendawan tumbuh di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Mereka sanggup berjualan berpanas semata-mata untuk mencari rezeki dan mata pencarian yang halal.

Kita tidak boleh malas atau tidak mahu melakukan sesuatu pekerjaan dan hanya untuk meminta-minta belas kasihan dari orang ramai atau ahli keluarga, sedangkan kita mempunyai badan yang

sihat dan sempurna untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Alhamdulillah sejauh ini di negara kita tidak ada peminta-peminta sedekah di kakitika lima berbanding dengan negara lain. Ada juga sesetengah rakyat tempatan mengambil jalan pintas dan ingin hendak cepat menjadi kaya dan mengaut keuntungan berlipat ganda dengan menjual barang-barang terlarang seperti dadah, minuman keras dan sebagainya. Sedangkan mereka tahu dengan mengedar barang-barang sedemikian dapat merosakkan akhlak dan memudaratkan diri sendiri. Ada juga yang sanggup menyeludup barangan tegahan seperti telur penyu, daging atau ayam yang diragui kehalalannya dan sanggup menjualnya di kalangan rakyat kita hanya semata-mata untuk mengaut keuntungan. Kita sebagai orang Islam tidak boleh berbuat demikian dan

mengkianati orang lain dan dengan sendirinya mata pencariannya itu akan menjadi haram.

Bagi golongan masyarakat yang kurang berkemampuan pula mereka sanggup meredah limpahan sampah sarap hanya semata-mata untuk mencari tin-tin minuman yang kosong, mengumpul besi-besi dan sebagainya untuk dikitar semula untuk mendapatkan wang yang tidak seberapa nilainya. Namun demikian wang yang mereka terima itu lebih tinggi nilainya buat mereka yang hidup susah. Mereka sanggup berbuat demikian daripada mereka meminta-minta sedekah, asalkan mereka mendapatkan rezeki yang halal.

**Hajah Hayati binti Haji Hidup,
No. 13, Kampong Jaya Bakti, Jalan Surapit,
Perpindahan Berakas,
BB 3113.
No. k/p : 00-128883**

REMAJA

RENTAK KITA BIAR SELARI ...

MUNGKIN ramai yang sudah membaca siaran akhbar mengenai beberapa langkah yang dibuat oleh Jabatan Buruh berhubung dengan pembekuan beberapa jawatan yang selalunya diisi oleh pekerja luar di sektor swasta. Langkah ini ialah bagi memberikan peluang pekerjaan sedemikian diisikan oleh anak-anak tempatan yang belum bekerja dan sedang menunggu pekerjaan. Menilai kepada langkah tersebut tentunya merupakan peluang keemasan bagi mereka yang berminat terhadap pekerjaan. Selain itu beberapa tinjauan oleh media massa juga mendedahkan akan kesediaan sektor swasta untuk mengambil anak-anak tempatan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang boleh dimanfaatkan bersama. Jika langkah ini disambut baik dan dapat dilakukan dengan jayanya, kita mungkin akan merasa lega sedikit kerana akan ada juga belia-belia kita beroleh pekerjaan.

Tahap pengangguran pun mungkin akan dapat diturunkan jumlahnya. Biar apa pun langkah yang akan dilakukan pastinya ia menjurus ke-

pada penyediaan bidang kerja bagi anak-anak tempatan. Kenaikan jumlah pengangguran yang ada perlu juga dilihat secara serius dan teliti, kerana persoalan yang timbul dari kemelut sedemikian ini ialah mengundang kita untuk melakukan sesuatu sebagai tindak balas bagi mengatasinya. Sebelum ini kita sering menulis dan juga meneliti bagaimana cara untuk kita boleh mengisikan masa-masa terluang, sementara menanti pekerjaan tetap untuk berusaha berdiskusi dengan kerajaan yang berfaedah dan memberikan pulangan untuk mengisi poket kosong. Cuma barangkali ramai yang tidak yakin bahawa kita boleh melakukannya. Persoalan ini timbul kerana ketiadaan modal seperti ilmu, kewangan, tempat dan kaedah untuk melakukannya. Jika kita melihat kepada faktor-faktor sedemikian ini tentu ia hanya akan menyumbang kepada keadaan yang lebih pasif dan tidak aktif.

Inilah juga merupakan elemen yang membantutkan kalangan belia yang menunggu pekerjaan tidak boleh bergerak. Kendatipun demikian, jalan-jalan dan peluang yang ada begitu

OLEH H. A. MANAP

terbentang luas. Justeru anak-anak remaja dan belia yang masih di bangku sekolah dan di pengajian tinggi sering diingatkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan itu berperanan dalam membentuk diri seseorang. Cuba perhatikan memiliki ilmu pengetahuan dan tidak memilikinya langsung pasti akan mewujudkan ketidakseimbangan. Orang-orang yang berilmu akan mudah mencari jalan untuk mendapatkan pekerjaan, apatah lagi di sektor swasta dan sebagainya. Namun jika kita kosong dengan ilmu pengetahuan, kita cuma akan dapat menyumbangkan sesuatu dengan tahap dan nilainya yang terhad. Adalah penting hal mencari dan menuntut ilmu pengetahuan dijadikan sebagai isu penting dan matlamat pembinaan diri yang lebih berdaya saing. Pergantungan kepada ilmu pengetahuan tidak boleh diabaikan begitu sahaja, kerana rentak dan keadaan sekeliling akan bergolak, seiring dengan pergolakan ilmu pengetahuan yang diserapkan.

Perkembangan bidang pendidikan pula

tidak berhenti begitu sahaja, malahan ia bergolak untuk serasi dengan kemajuan dunia sekeliling. Penemuan demi penemuan sama ada dalam bidang pekerjaan, pendidikan, sosialisme masyarakat dan sebagainya tidak lari dari bertunjangkan ilmu. Justeru ilmu itu boleh dikatakan sebagai modal yang besar dan penting untuk meletakkan seseorang ke tahapnya, sejauh mana ia mampu mencapai apa yang ia inginkan. Baru-baru ini dalam siaran akhbar tempatan kita juga didedahkan dengan masih terdapat sebilangan kecil anggota masyarakat yang tidak endah dengan pendidikan ini. Jika ini yang akan berlaku dalam jumlahnya yang besar, mungkin ia tidak akan membantu untuk kita mewujudkan masyarakat yang berpekerjaan. Anak-anak hendaklah dibekalkan dengan pendidikan yang sempurna, begitulah saranan yang kita dengar.

Hal ini penting supaya rentak kita selari dengan perkembangan dan juga usaha pihak kerajaan bagi memberikan ramai anak tempatan

berperanan menyumbang ke arah pembangunan negara yang pesat. Untuk merealisasikan hal ini para remaja dan belia khususnya perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan kepandaian. Jika ini kita miliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, ke mana pun nanti kita menungkar pekerjaan kita akan mudah diterima, sesuai dengan kebolehan dan kemahiran yang kita miliki. Langkah pembekuan pengambilan orang luar mengisi beberapa bidang pekerjaan di sektor swasta adalah selaras dengan kehendak untuk membuka ruang dan peluang kerja untuk anak-anak tempatan.

Schubungan itu hanya kitalah yang patut menentukan sama ada kita mahu berperanan dengan mengisikannya atau kita cuma berpeluk tubuh menyaksikan secara pasif perkembangan dan kemudahan yang disediakan. Kerana jika kita tidak mahu keluar dari kepompong 'penganggur' dan masih berada pada pemikiran dan cara sedemikian ia tidak akan banyak membantu menyelesaikan masalah belia tanpa kerja, malahan ini akan hanya menjadi banaan sosial yang berterusan.

Pusat Ehsan
terima
sumbangan

BENGKURONG 10 April. - Pusat Ehsan Kampong Bengkurong hari ini menerima sumbangan alat pengering bunga bagi kegunaan pusat berkenaan.

Oleh
Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Alat pengering bunga tersebut disumbangkan oleh Pengarah Urusan Taiga Sendirian Berhad, Tuan Hiroshi Sawada dan diserahkan kepada Pengerusi Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini yang berlangsung di pusat berkenaan.

Menurut Tuan Hiroshi Sawada sebelum membeli alat pengering bunga berkenaan,

beliau telah membuat penyelidikan mengenai pelbagai tumbuhan di negara ini.

Beliau menjelaskan bahawa alat pengering bunga tersebut berharga \$7,000.00 dan merupakan peralatan terbaru dari Jepun yang boleh mempercepatkan kerja-kerja pengeringan bunga yang dihasilkan oleh pusat berkenaan.



PENGARAH Urusan Taiga Sendirian Berhad, Tuan Hiroshi Sawada menyerahkan sumbangan berupa alat pengering bunga kepada Pengerusi Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP


Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 11 Mei 2005

Masjid Pehin Datu Imam Haji Mokti.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 672

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 672,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 672

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 11 Mei 2005

Nurul Hazirah binti Ali Yusof,
Sekolah Rendah Bendahara Sakam
Bunut,
Umur : 6 tahun

Fakhrudin bin Haji Mohd. Tahir,
Sekolah Menengah Menglait,
Umur : 13 tahun

Siti Nurul Rabiatal Ashikin binti
Kamal Batcha,
Sekolah Rendah Dato Godam,
Umur : 7 tahun

Penjagaan kesihatan dari segi mental dan fizikal

KESIHATAN amat penting dalam kehidupan seharian kita. Tanpa kesihatan yang baik kita mungkin mampu meneruskan kehidupan kita. Meskipun kita mempunyai umur yang panjang, jika tidak sihat, maka sia-sialah hidup kita. Kita seharusnya mementingkan penjagaan kesihatan sedari bayi lagi.

Pada masa ini, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, malah hampir di seluruh dunia amat mementingkan penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan itu bukan sahaja tertumpu kepada penjagaan kesihatan mental malah termasuk penjagaan kesihatan fizikal. Bagi Negara Brunei Darussalam perkara ini adalah perlu bagi mendapatkan generasi muda yang sihat dan kuat sebagai generasi pelapis rakyat sekarang.


Bagi merealisasikan perkara ini, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membangunkan beberapa buah rumah sakit dan klinik di beberapa buah kawasan bagi kemudahan orang ramai. Perkaranya ini tertumpu kepada penjagaan kesihatan ibu dan anak yang lebih memainkan peranan penting di negara ini. Kesihatan seorang ibu yang berperanan untuk melahirkan generasi muda amat penting kerana anak yang bakal dilahirkan itu tidak mungkin akan sihat sepenuhnya seperti kanak-kanak lain yang dilahirkan oleh seorang ibu yang sihat.

Walau bagaimanapun, adalah tidak mustahil bagi seorang anak itu dilahirkan dalam keadaan yang sempurna yang kemudiannya mendapat kecacatan dari segi mental dan fizikal apabila umurnya meningkat dewasa. Ini adalah kerana penjagaan kesihatan anak itu tidak dititikberatkan lagi. Bagi mengelakkan perkara ini, penjagaan kesihatan seorang anak itu perlu diteruskan meskipun anak itu bukan lagi tergolong dalam kumpulan anak damit. Dalam hal ini, penglibatan ibu bapa adalah perlu bagi menanamkan perasaan yang sentiasa ingin sihat.

Peranan ibu bapa bagi menjaga kesihatan anak mereka adalah perlu untuk memastikan kanak-kanak itu meneruskan penjagaan kesihatan mereka meskipun mereka sudah

Mukadimah

SEMPENA sambutan Hari Kesihatan Sedunia, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Peraduan Menulis Esei yang bertajuk 'Kenapa-kan Penjagaan Kesihatan Setiap Ibu dan Anak Di Negara Brunei Darussalam Sangat Penting'. Berikut ialah para pemegang peraduan tersebut yang terbuka kepada para penuntut Sekolah-sekolah Menengah Atas.



mencapai umur dewasa. Pepatah Melayu 'melentur buluh biarlah dari rebung-nya' amat sesuai digunakan bagi perkara ini, kerana jika kanak-kanak itu sudah diasuh sejak kecil lagi untuk menjaga kesihatan mereka, mereka secara tidak langsung akan dapat menjaga kesihatan mereka apabila sudah dewasa meskipun tanpa bantuan ibu bapa.

Seorang ibu perlu mengamalkan pemakanan sihat bagi memastikan janin yang dikandungnya mendapat pemakanan yang teratur. Ini akan dapat membantu tumbesaran anak yang dikandungnya. Langkah yang diambil dengan mengamalkan pemakanan yang teratur ini secara tidak langsung telah menjamin kesihatan anak yang dikandungnya. Anak itu bukan sahaja akan

dilahirkan dengan normal tetapi juga sihat dari segi fizikal dan mental. Ini dapat membantu mengurangkan kadar kelahiran kanak-kanak yang abnormal.

Anak yang baru dilahirkan sebolehnya diberi penyusuan susu ibu. Ini kerana susu ibu didapati mempunyai antibodi yang mampu mencegah bayi itu daripada dijangkiti penyakit yang seringkali mengancam kesihatan bayi tersebut. Selain itu, susu ibu juga mempunyai sumber pemakanan yang cukup bagi bayi itu. Berbanding dengan susu tepung, ianya hanya mempunyai sumber pemakanan bagi anak damit itu. Sebolehnya-nya, penyusuan susu ibu itu adalah baik jika diteruskan sehingga usia anak damit itu menjangkau dua tahun seperti yang disarankan

oleh Kementerian Kesihatan. Selain itu, bagi memastikan Negara Brunei Darussalam ini mendapat rakyat yang berwawasan tinggi dan berdedikasi, perhubungan ibu dan anak dalam sama-sama menjaga kesihatan adalah perlu. Ini adalah kerana, jika seorang ibu itu tidak mengambil berat terhadap kesihatan anaknya, anaknya tidak mungkin akan terbiasa untuk menjaga kesihatan diri dan generasi seterusnya kelak.

Mengamalkan pengambilan makanan yang seimbang adalah salah satu cara untuk menjaga kesihatan bagi membantu anak itu membesar dengan sihat. Anak yang di dalam proses pembesaran lebih memerlukan makanan yang mengandungi karbohidrat dan kalsium. Ini membantu anak itu membesar dengan

sempurna, di samping mempunyai tulang yang kuat. Pengamalan protein dan vitamin adalah perlu bagi menstabilkan tumbesaran anak itu.

Selain itu, anak yang sihat dari segi mental dan fizikal juga perlu bagi membantu mempertingkatkan taraf kehidupan di Negara Brunei Darussalam ini. Anak ini dapat membantu kerana, apabila mereka ini bersekolah, mereka bukan sahaja menimba ilmu pengetahuan tetapi sekaligus berlumba-lumba untuk mencapai pendidikan yang lebih tinggi setanding dengan negara-negara luar yang jauh lebih maju pendidikan dan ekonominya. Dengan itu, rakyat dan penduduk di negara ini bukan sahaja mampu berdiri setanding dengan dunia luar, malah mampu menyaingi negara-negara lain yang sudah lama berdiri dengan kukuh sebelum wujudnya lagi negara ini.

Peningkatan sumber ekonomi juga tidak mustahil kerana apabila rakyat dan penduduk di negara ini telah sama-sama mempelajari mengenai cara-cara untuk meningkatkan sumber ekonomi dari negara luar yang berjaya, ini akan menyebabkan



rakyat dan penduduk negara ini untuk mencuba cara-cara itu di negara ini. Ini sekali gus akan membuatkan negara ini sebagai sebuah negara yang tidak bergantung harapan kepada dunia luar bagi mendapatkan sumber ekonomi. Maka Negara Brunei Darussalam juga tidak mustahil akan dinobatkan sebagai sebuah negara yang mampu berdikari dengan sendiri.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga akan dapat menjimatkan perbelanjaan biasiswa untuk menghantar rakyat yang bergelar pelajar ke luar negeri. Ini disebabkan, apabila generasi muda di negara ini mampu menyaingi sis-

tem sumber ekonomi di luar negara adalah tidak mustahil apabila suatu hari nanti negara ini akan menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi yang setanding dengan negara luar. Adalah tidak mustahil juga apabila generasi muda di negara ini mampu menguasai sistem pendidikan di seluruh negara.

Maka untuk merealisasikan perkara ini kita hendaklah sentiasa mengamalkan penjagaan kesihatan terutama kepada ibu dan anak bagi memastikan negara ini bakal didiami oleh generasi yang kuat, cergas, berakal, berilmu, berwawasan tinggi dan berdedikasi.

Norismah Nabilah binti Ismail,
Sekolah Menengah Berakas.
No I/C : 01-032590

Kesihatan tanggungjawab semua masyarakat

"KESIHATAN adalah anugerah yang amat tinggi nilainya. Ianya membolehkan kita menikmati kesejahteraan. Bagi sesebuah negara, kesihatan adalah aset terpenting yang membolehkan rakyat membangun dengan maju," demikianlah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Konvokesyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004.

Kita haruslah menyedari bahawa kesihatan negara bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan bahkan ianya adalah tanggungjawab kesemua lapisan masyarakat itu sendiri. Dengan mengamalkan cara hidup yang sihat kita bukan sahaja dapat mengawal sebahagian daripada penyakit-penyakit seperti jantung koronari, kanser, strok, kencing manis, asma, tekanan darah tinggi dan bronchitis, malahan kita juga boleh mempertahankan kesihatan fizikal dan mental. Oleh itu, masyarakat perlulah berubah dan jangan leka demi kesihatan diri mereka sendiri khususnya bagi kaum ibu dan anak-anak.

Salah satu cara bagi mengamalkan cara hidup yang sihat ialah dengan mengambil pemakanan yang seimbang. Pengambilan diet yang seimbang adalah penting untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat. Akan tetapi, kita mestilah menjaga perut kita daripada terlalu kenyang kerana ia menyebabkan kesukaran bernafas, penat dan terasa berat. Makan itu mencukupilah dengan suapan kecil yang menguatkan tulang belakang.

Seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Perut itu tempat penyakit. Perlu ada ruang untuk makan, minum dan udara. Cukuplah makan dengan memenuhi satu pertiga daripada ruang perut, satu per tiga lain untuk air, manakala yang bakinya untuk bernafas."

Seterusnya ialah dengan melakukan senaman yang teratur dan menghindarkan diri daripada merokok, dadah atau pil-pil yang mengkhayalkan. Kegiatan-kegiatan seperti ini boleh meningkatkan risiko sakit jantung, paru-paru, buah pinggang dan strok. Bagi ibu-ibu yang hamil pula, mereka mempunyai risiko tiga kali ganda untuk mendapatkan penyakit-penyakit tadi. Besar kemungkinan bayi yang lahir juga akan mengalami barah, lahir tidak cukup bulan, buta, bisu atau mati sebelum lahir. Oleh itu ibu-ibu yang hamil adalah dinasihatkan untuk menjaga kesihatan mereka dua kali ganda kerana mereka mempunyai dua tanggungjawab kesihatan yang perlu ditang-

gung, iaitu pertama, dirinya sendiri dan kedua adalah anak yang di dalam kandungannya.

Untuk mendapatkan kesihatan yang baik dari sudut kerohaniah jiwa dan batin pula, masyarakat khususnya kaum ibu perlu meningkatkan keimanan mereka dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala iaitu dengan bersembahyang atau dengan memperbanyakkan berzikir. Pegangan agama merupakan benteng yang kuat dan teguh dan ianya amat bermanfaat dalam membantu mengendalikan stres.

Seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, dekatkanlah dirimu dengan Tuhan (Allah Subhanahu Wataala) dengan patuh kepada suruhan-suruhan-Nya. Sesungguhnya, ianya menghilangkan penyakit hati (tamak, dengki, riak, takbur dan seumpamanya)."

Stres adalah lazim dalam kehidupan seharian kita. Yang paling penting, tahap stres mestilah diurus dengan baik supaya ianya tidak menjadi terlalu tinggi sehingga mengatasi keupayaan kita menanganinya. Oleh itu, kaum ibu adalah perlu mengawal stres mereka itu dengan memakan makanan yang seimbang, elakkan mengambil risiko dengan pelaburan, peruntukan perbelanjaan setiap bulan dan sentiasa bersifat sederhana dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Demi untuk mendapatkan kehidupan berkeluarga yang berkualiti, kita perlulah memainkan peranan dengan sebaik mungkin. Teknik keibubapaan yang digunakan haruslah bersesuaian dengan perkembangan umur anak-anak. Sentiasa berbincang atau berkongsi masalah dengan kawan-kawan atau ahli keluarga bagi meluaskan perspektif mengenai masalah itu.

Selain itu, ibu-ibu perlulah menunjukkan sifat-sifat yang mulia dan tidak ada sesuatu pun yang mencela untuk menjadi seorang ibu mithali atau sebagai seorang Muslimah. Ini adalah kerana sifat atau kelakuan yang dipamerkan oleh ibu-ibu akan ditiru oleh anak-anak, tambahan lagi, anak-anak sentiasa beranggapan bahawa ibu adalah idola mereka dan apa yang dilakukan oleh ibu mereka itulah yang perlu diikuti.

Ibu mempunyai pengaruh yang terbesar terhadap anak-anak. Oleh itu, kaum ibu perlulah membimbing, mendidik dan melengkapkan anak-anak mereka dengan ilmu agama, nilai-nilai murni dan memupuk sikap dan amalan terpuji terhadap diri anak-anak, mulai dari mereka kecil seperti kata pepatah Melayu 'melentur buluh

biarlah dari rebung-nya'.

Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada menyebutkan bahawa: "Kasih sayang ibu adalah tiga kali ganda daripada kasih sayang ayahnya." Oleh itu, kaum ibu mempunyai peranan yang besar dalam mendidik dan membimbing anak-anak mereka.

Anak-anak yang lahir dengan sikap yang terpuji, fizikal dan mental yang sihat sudah tentu dapat meningkatkan taraf hidup di kalangan masyarakat kita. Lahirnya cendekiawan yang bijak, berdisiplin, cerdik, pandai, cerdas dan cergas dari pengalaman kehidupan yang sihat dan sempurna.

Apabila sudah ramai anak-anak bangsa kita yang berjaya dan pintar serta berdisiplin, sudah tentu mereka boleh dijadikan tempat bergantung. Pembangunan negara juga akan bertambah maju dan akan menjadi lebih pesat.

Pembangunan negara di masa akan datang adalah ditentukan oleh generasi-generasi muda. Oleh itu, tanggungjawab dari kesemua pihak terutama kaum ibu adalah sangat penting bagi mencorakkan kehidupan anak bangsa kita di masa akan datang.

Pihak-pihak yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Pendidikan dan Pembangunan telah pun sama-sama berganding bahu dalam memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan dan mengadakan aktiviti-aktiviti selaras dengan matlamat kerajaan seperti aktiviti aerobik, jogaton, walkaton, aktiviti berbasikal, larian amal dan sebagainya.

Tanggungjawab dan kesedaran masyarakat dalam menjaga kesihatan adalah sangat penting dalam sama-sama mencorak dan melahirkan generasi yang bijak pandai serta berdisiplin agar mampu memimpin negara dan memajukan pembangunan negara pada masa akan datang. Adalah diharapkan negara agar Kementerian Kesihatan dan kesemua pihak supaya akan lebih proaktif dalam melaksanakan program-program promosi kesihatan dengan lebih berkesan. Demikian juga, kesemua lapisan masyarakat adalah diberi tanggungjawab untuk memastikan setiap ibu dan anak diberikan pemedulian yang sempurna dengan titah perintah Baginda Sultan dan seruan agama agar setiap rakyat mengutamakan kesihatan diri.

Nurhafizah binti Mohammad,
Sekolah Menengah Berakas.
NO. I/C 01-036074

PELUANG DALAM SEKTOR PERTANIAN TERUS DITEROKAI

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terus menerokai terokai pelbagai peluang dalam sektor pertanian yang melibatkan para pengusaha tempatan dan para pelabur luar negara.

Bagi memajukan dan meningkatkan penghasilan buah-buahan tempatan, misalnya, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menggariskan lima strategi.

Pertama, meningkatkan hasil dan pengurusan ladang yang sedia ada iaitu daripada dua tan metrik kepada tiga hingga 10 tan metrik setahun melalui bantuan skim insentif dan penerapan teknologi pengeluaran.

Kedua, peningkatan kawasan, pengeluaran produk pertanian mengikut kehendak pasaran dan komoditi pilihan melalui pembangunan pengusaha kecil dan sederhana (SME).

Ketiga, mengalakkan dan meningkatkan pelaburan pihak swasta dalam industri tanaman melalui penawaran tapak-tapak di bawah kawalan Jabatan Pertanian.

Keempat, pembangunan dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran para pegawai dan kakitangan serta para pengusaha.

Kelima, pemantauan keselamatan buah-buahan tempatan dan import melalui penganalisaan makmal bagi memastikan buah-buahan yang dikeluarkan tidak mengandungi sisa baki racun yang berlebihan.

Pengeluaran buah-buahan tempatan ketika ini sekitar 4,500 tan metrik setahun, manakala buah-buahan yang diimport pula sebanyak 15,500 tan metrik setahun. Sehubungan itu, kewujudan ladang-ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) yang diusahakan para penduduk kampung diharapkan mengembalikannya status pengeluaran hasil buah-buahan tempatan.

Menurut statistik, pada tahun 1996, 40 permohonan ladang-ladang KPLB di seluruh negara diluluskan secara Tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL) yang melibatkan kawasan tanah seluas 1,908 hektar dan seramai 2,664 peserta. Sementara 25 permohonan lagi telah

disokong oleh Jawatan Kuasa Ladang KPLB bagi diluluskan secara TOL yang melibatkan kawasan seluas 886 hektar dan 1,227 peserta.

Sejumlah 96,680 pokok buah-buahan tempatan seperti durian, tarap, cempedak ditanam seba-

tanaman daripada jenis Pusu dan Bario itu akan dijual kepada Jabatan Pertanian dengan harga \$1.60 sekilo.

Di samping itu, dalam usaha membantu negara mempelbagaikan ekonomi, Syarikat Hua Ho yang mempunyai beberapa

teknologi tinggi dan pertanian yang berasaskan pengetahuan dan projek-projek kehidupan sains lain. Taman itu apabila siap sepenuhnya akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Perjanjian itu adalah yang ketiga ditandatangani antara kedua-dua belah pihak. Dua perjanjian sebelum ini, ditandatangani pada tahun 1994 dan 1979 berhubung penubuhan dan perkara-perkara berkaitan McFarm.

Dalam tahun 1979, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

gai tanaman utama, manakala langsung, nangka, rambutan, nanas, pisang dan beberapa tanaman lain dijadikan tanaman kedua.

Dalam tahun 2003, sejumlah 1,750 tan metrik buah-buahan iaitu kira-kira 37.6 peratus daripada keseluruhan pengeluaran buah-buahan tempatan telah dapat dihasilkan.

Sementara dalam usaha meningkatkan hasil beras tempatan, Jabatan Pertanian juga telah meluluskan pengagihan 300 hektar tanah di Lot Sengkuang kepada 100 ahli Majlis Perundingan Mukim Labi untuk penanaman padi. Sebelum ini kawasan penanaman padi hanya seluas 100 hektar yang diusahakan oleh 46 orang ahli. Manakala 89 ahli masih dalam senarai menunggu. Matlamat jangka panjang majlis berkenaan, di samping membantu mempelbagaikan ekonomi negara, juga bagi membantu belia menjadikan usaha itu sebagai kerjaya mereka.

Kawasan padi di Lot Sengkuang merupakan antara lima kawasan yang subur untuk tanaman padi setahun sekali. Hasil

rangkai pasar raya, juga telah melibatkan diri dalam usaha penanaman padi Honlai, benih padi jenis pulut yang diperolehi dari Taiwan dan Jepun, di kawasan seluas

SARI PEMBANGUNAN

12 ekar di Kampong Labi mulai Oktober 2004 hingga Disember 2004. Kerja-kerja menenam selama tiga hari diadakan dalam bulan Februari lepas yang melibatkan para pekerja yang terdiri daripada 70 peratus penduduk tempatan.

Sementara itu, baru-baru ini, Jabatan Pertanian telah memeterai perjanjian bersama Mitsubishi Corporation mengenai kerjasama dalam pengendalian penyelidikan pertanian dan kegiatan pembangunan serta meningkatkan pembangunan sebuah taman agroteknologi.

Taman itu akan menyediakan suatu dasar yang lebih berdaya maju bagi menggalakkan pelaburan tempatan dan luar negara untuk menerokai

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Mitsubishi Corporation menubuhkan bersama McFarm dengan keluasan 1,200 ekar di Kampong Tungku bagi penghasilan sayur hidroponik berteknologi tinggi dan pemeliharaan binatang ternakan.

Menurut Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusof bin Haji Mohiddin, McFarm akan memulangkan sebahagian daripada kawasan tanah seluas 263.30 hektar (650.62 ekar) kepada kerajaan. Jabatan Pertanian dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan memajukan tanah itu dengan pembinaan jalan raya dan penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik.

Tanah yang akan dibangunkan itu akan



GAMBAR HIASAN ... Pemantauan keselamatan buah-buahan tempatan dan import melalui penganalisaan makmal bagi memastikan buah-buahan yang dikeluarkan tidak mengandungi sisa baki racun yang berlebihan adalah antara strategi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memajukan dan meningkatkan penghasilan buah-buahan tempatan.

dibahagikan dan disewa kepada para pelabur tempatan dan luar negara bagi menerokai pelbagai perusahaan komersil termasuk agribisnes, agroteknologi, bioteknologi dan projek-projek sains yang lain.

Dalam pada itu, baru-baru ini, 13 buah syarikat swasta juga telah menandatangani perjanjian penyewaan tanah di antara pihak kerajaan dengan swasta bagi projek kemajuan pertanian komersil.

Tujuh buah syarikat akan menjalankan perusahaan tanaman sayur-sayuran; dua buah menjalankan perusahaan semai dan perusahaan tanaman seko; dua buah syarikat masing-masing mengendalikan perusahaan penetasan anak-anak ayam dan aktiviti agri-mart dan dua buah lagi akan mengusahakan ternakan ayam pedaging.

Syarikat-syarikat itu telah ditempatkan di beberapa kawasan pertanian yang dimajukan seperti di Batumpu (Kampong Bengkurong-Masin), Sungai Tajau (Kampong Wasan-Bebuloh), Stesen Pertanian Sungai Liang, Stesen Pertanian Mentiri dan Si Bongkok (Kampong Parit-Masin).

Dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membantu dan menyediakan kemudahan asas seperti jalan ladang, bekalan air dan elektrik termasuk sewa tanah pada kadar yang rendah.

Skim itu juga menyediakan bantuan insentif pertanian seperti baja, racun rumput, dawai berduri, jentera pembajak, biji-biji benih dan plastik 'mulching'.

Berdasarkan pening-

katan minat dan permohonan pihak swasta, Jabatan Pertanian juga terus giat mengenal pasti lebih banyak kawasan-kawasan baru untuk menempatkan projek-projek pertanian secara komersil.

Sementara itu dalam perkembangan yang berkaitan, Jabatan Pertanian juga baru-baru ini telah melantik Sahamaya Industri, sebuah syarikat tempatan untuk melaksanakan Projek 'Kajian dan Program Peningkatan Daya Saing Peladang Ke Arah Pembangunan Agribisnes'.

Projek itu diwujudkan atas inisiatif Jabatan Pertanian dalam membimbing usahawan pertanian ke arah mencapai perubahan sektor pertanian kepada agribisnes. Disebabkan kurangnya pendedahan terhadap kaedah-kaedah perniagaan, projek itu diwujudkan dalam usaha mengupayakan perusahaan Kecil dan sederhana (SME) pertanian sebagai pendekatan tambahan ke arah melengkapkan integrasi kemajuan kepada pengupayaan infrastruktur, industri dan institusi sektor agribisnes.

Projek itu juga disasarkan bagi membimbing usahawan SME sektor pertanian yang terdiri daripada pengusaha ternakan, sayur-sayuran, buah-buahan, florikultur dan proses makanan berasaskan pertanian iaitu melalui pendekatan secara langsung individu sebagai insentif motivasi diri dalam pengurusan bisnes di sektor agribisnes.

Projek itu yang akan berjalan selama setahun bertujuan membentuk dan mempersiapkan para usahawan SME pertanian tempatan mengenai isu-isu perkembangan, cabaran dan peluang pasaran global. Perjanjian Perdagangan

an Bebas ASEAN (AFTA), mandat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan sebagainya.

Tujuan projek bagi jangka pendek ialah untuk menerapkan amalan dan prinsip agribisnes sebagai kaedah dalam pengurusan ladang komersil, meningkatkan kualiti dan produktiviti usahawan dan komoditi pertanian tempatan serta memperkukuh sistem maklumat pengurusan agribisnes dan pasaran agar lebih berorientasikan dan berperancangan.

Manakala bagi jangka panjang, projek itu bertujuan membentuk usahawan pertanian yang berdaya saing, kreatif dan berkeyakinan dalam bidang perniagaan secara profesional dan boleh menyumbang kepada Pendapatan Kasar Negara (GDP).

Beberapa orang pakar perunding dalam bidang pengurusan, pemasaran dan agribisnes dari Universiti Putra Malaysia diamanahkan mengendalikan projek itu.

Projek itu diharapkan melahirkan usahawan yang berjaya, mewujudkan 'role model' bagi usahawan baru yang ingin meningkatkan daya saing dan menjaga aktiviti ekonomi negara.

Industri pertanian tempatan sesungguhnya telah memperlihatkan perkembangan yang positif yang boleh membanggakan, yang bukan hanya tertumpu kepada aspek pengeluaran dan pemprosesan, malah meliputi penyediaan operasi-operasi pengeluaran ladang. Sehubungan itu, kerjasama bersepadu pelbagai pihak yang berkaitan adalah perlu bagi sama-sama meningkatkan lagi industri berkenaan ke tahap yang lebih cemerlang yang juga akan secara langsung menyumbang kepada usaha kita mempelbagaikan ekonomi negara.



GAMBAR HIASAN ... Penggunaan teknologi pertanian dapat mempertingkatkan produktiviti dan menyumbang kepada pertumbuhan industri pertanian yang serba kompetitif dan berdaya tahan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid ketika bergambar ramai bersama para peserta bengkel. - Gambar oleh Hj. Ariffin Mohd. Noor.

'Scenario Planning Workshop' anjuran JPM

JERUDONG, 3 Mei. - Dalam usaha memenuhi hasrat bagi meningkatkan kemajuan pembangunan negara dan untuk merealisasikan hasrat 'Scenario Planning Workshop' telah diadakan anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Bengkel tersebut berlangsung di Empire Hotel and Country Club selama empat hari bermula 3 hingga 6 Mei.

Pembimbing bengkel, Ron Bradfield

Oleh Refa'ah Ali Osman

dari Universiti Strathelyde dalam bengkel berkenaan antara lain menjelaskan mengenai perkembangan Negara Brunei Darussalam dalam masa 15 tahun yang akan datang. Bengkel tersebut disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan dari pelbagai jabatan.

Mangsa kebakaran terima bantuan

BERAKAS, 14 Mei. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran, Awang Haji Mohammad bin Metassan dan keluarganya. Majlis berlangsung di Bilik MUIB di sini.

Bantuan berupa wang berjumlah \$1,800.00 dan keperluan persekolahan disampaikan oleh Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar.

Awang Haji Mohammad bersama keluarga seramai lapan orang ditimpa bencana kebakaran pada 24 April yang lalu apabila rumah kediaman beliau di Kampong Lambak Kanan, Berakas ranap dalam kejadian itu.

Bantuan tersebut adalah dari Kumpulan Wang

Oleh Siti Seri Leila Imelda
Farrah Zohre Haji Abdullah

Zakat MUIB dalam usaha membantu mereka yang ditimpa musibah bencana alam seperti kebakaran dan lain-lain yang mana usaha tersebut bukanlah yang pertama kali dilakukan oleh MUIB.



AWANG Haji Mohammad bin Metassan ketika menerima bantuan daripada Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Pertandingan Dikir Syarafil Anam

BERAKAS, 8 Mei. - Mengamalkan Dikir Syarafil Anam sebagai memperingati dan membesarkan kerasulan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan khazanah warisan budaya merupakan objektif utama Pertandingan Dikir Syarafil Anam

Oleh Sukry Hidayat Hj. Abu. Bakar

yang diadakan petang ini.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan disertai oleh tujuh buah kumpulan yang mewakili

beberapa pusat kesihatan di seluruh negara berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut

Amalkan budaya kerja yang positif

TUTONG, 12 Mei. - Para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian diseru mengamalkan budaya kerja yang positif dan bersedia mendukung sektor swasta dalam membangunkan industri pertanian.

Pengarah Pertanian, Dr. Awang Haji Mohammad Yussof bin Haji Mohiddin membuat seruan itu di Majlis Perasmian Bangunan Baru Pejabat Kemajuan Pertanian dan Pusat Maklumat Agribisnes Birau di sini.

Beliau berkata, selaku pemimpin dalam pembangunan jabatan ini, mereka perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta bersikap proaktif, agar mereka mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan.

Di samping itu, tambahnya, apa jua masalah dan halangan yang bakal dihadapi dalam sektor pertanian, kita akan lebih bersedia pada bila-bila masa yang termampu untuk membantu dan mendukung pembangunan industri pertanian di negara ini.

Beliau menjelaskan, hasrat Wawasan Pertanian, di mana Jabatan Pertanian selaku pemimpin dalam transformasi pertanian ke arah agribisnes yang dinamik atas dorongan pasaran bagi pembangunan sektor pertanian di negara ini dipinda sewenang-wenangnya malahan ianya terus diuruskan ke arah Wawasan Pertanian 2003.

Beliau juga menyeru semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian supaya dapat merealisasikan Wawasan Pertanian 2003 dengan mengingatkan mereka supaya mengamalkan pembelajaran yang berterusan dan dengan sikap demikian kita akan dapat memperkasakan proses pengupayaan tenaga kerja atau 'workforce empowerment' dalam sektor pertanian.

Beliau juga menyentuh mengenai kegiatan pertanian di daerah ini yang

Oleh Siti Seri Leila Imelda
Farrah Zohre Haji Abdullah

semakin maju terutamanya dalam perusahaan ternakan ayam di mana hasil daerah ini pada tahun 2004 dicatatkan hampir \$34 juta yang mana sebahagian besar terdiri daripada komoditi ternakan terutama sekali hasil komoditi ayam yang bernilai kira-kira \$30 juta dan dengan itu kegiatan penternakan merupakan industri pertanian yang terpenting bagi Daerah Tutong.

Beliau menyarankan kepada para pengusaha supaya menggunakan sistem reban tertutup kerana lebih berkesan berbanding

dengan sistem reban terbuka dalam usaha pengawalan dan pencegahan penyakit berjangkit, pemeliharaan kebersihan alam sekitar serta peningkatan produktiviti dan kualiti perusahaan pertanian.

Jabatan Pertanian, jelasnya, mengesyorkan supaya sistem reban tertutup digunakan seluas mungkin dalam perusahaan penternakan ayam kerana ianya terbukti mampu meningkatkan intensifikasi pengeluaran.

Sejajar dengan pembangunan pertanian yang berkekalan atau 'sustain-

able agriculture' pihak Jabatan Pertanian mengesyorkan supaya sistem tersebut akan diusahakan dengan lebih intensif sekali gus mengukuhkan lagi daya saing industri tempatan, katanya.

Bangunan baru yang menempatkan pejabat dan Pusat Maklumat Stesen Kemajuan Pertanian Birau dibina dengan perbelanjaan \$283,000.00 dan ianya merupakan sebahagian daripada langkah membangunkan keupayaan institusi pertanian dan memperbaiki pengurusan korporat atau 'corporate governance' Jabatan Pertanian di Daerah Tutong akan ditambah lebih mantap lagi.



PENGARAH Pertanian, Dr. Awang Haji Mohammad Yussof berucap merasmikan bangunan baru Pejabat Kemajuan Pertanian dan Pusat Maklumat Agribisnes Birau, Tutong. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



PENGARAH Pertanian meninjau kemudahan yang terdapat di bangunan baru Pejabat Kemajuan Pertanian dan Pusat Agribisnes Birau (atas), sementara gambar bawah, bangunan baru tersebut yang terletak di Kampong Birau. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

‘Sosiolinguistik : Laras Bahasa Iklan’

PENGENALAN:
SOSIOLINGUISTIK
DAN SUBBIDANG
KAJIANNYA

MENURUT Dell Hymes, sosiolinguistik merupakan bidang yang mengkaji bahasa daripada segi hubungan antara latar, peserta, tajuk perbincangan, fungsi sesuatu interaksi, bentuk perhubungan dan nilai-nilai yang dipegang oleh ahli-ahli yang terlibat dalam pertuturan sesama sendiri.

Bidang ini juga boleh dikenali sebagai linguistik antropologi atau linguistik sosial iaitu bidang yang mengkaji hubungan antara bahasa dan masyarakat. Kelazimannya bidang ini menumpukan kajian bahasa itu dan topik atau konteks pengujarannya seperti bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, laras bahasa, pidgin, kreol, bilingualisme, multilingualisme, dialek, ideolik, ragam bahasa, sikap terhadap bahasa dan kesetiaan terhadap bahasa juga perancangan bahasa.

LARAS BAHASA

Dalam makalah ini, sehubungan dengan kajian sosiolinguistik, penulis akan cuba menyentuh secara ringkas tentang penggunaan laras bahasa, khususnya laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat di akhbar-akhbar. Diperkecilkan skop kajian ini hanya kepada penggunaan laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat di dalam Akhbar Minggu Malaysia, yang diterbitkan setiap hari Ahad.

Sebelum mengulas lebih jauh, ada baiknya diberi definisi laras itu. Laras bahasa secara kasarnya dapat dikaitkan dengan penggunaan bahasa penyampaian yang bersesuaian dengan bidang dan situasi bahasa atau konteks pengucapan. Laras bahasa juga boleh diertikan sebagai ciri-ciri khusus penggunaan bahasa mengikut bidang sesuatu ujaran atau wacana digunakan, contohnya laras bahasa doa, khutbah, upacara, sukan dan sebagainya.

Apakah yang mempengaruhi laras bahasa itu? Laras dipengaruhi oleh latar, penutur, peserta dan tujuan. Selain itu, laras juga dipengaruhi oleh tata-bahasa, contohnya penggunaan ayat aktif dan pasif, dan panjang pendek ayat akan menghasilkan laras yang berbeza, di samping penggunaan kata-kata tertentu seperti kata-kata pinjaman dari bahasa Arab, bahasa Inggeris dan sebagainya, contohnya berfirman (laras khutbah/ce-ramah agama), multi (bahasa Inggeris) dan seumpamanya.

Beberapa ahli bahasa membahagikan laras itu kepada beberapa bahagian. Halliday, dalam hal ini membahagikan laras ke-

da tiga bahagian iaitu tajuk wacana, cara penyampaian dan gaya penyampaian.

TAJUK WACANA

Ia merujuk kepada bidang yang diperkatakan, contohnya dalam bidang sains, biologi, perubatan, sukan, pendidikan, matematik, perniagaan dan sebagainya. Bidang-bidang ini akan menentukan kosa kata atau istilah dan jenis ayat yang akan digunakan.

Dalam hal ini, sekiranya wacana itu merupakan wacana ilmiah, maka ragam ayat pasif akan banyak digunakan dalam penyampaian wacana itu. Tetapi sebaliknya jika wacana itu berbentuk ulasan langsung seperti ulasan perlawanan bola sepak, maka ragam ayat aktif (dengan imbuhan me) dengan ayat tunggal yang pendek-pendek akan banyak digunakan untuk menyesuaikan situasi bahasa penyampaian dengan latar tempat / aksi (perlawanan bola sepak).

CARA PENYAMPAIAN

Ia boleh disampaikan sama ada secara lisan atau tulisan. Dalam penyampaian secara lisan si penyampai perlu menyesuaikan dengan konteks situasi iaitu sama ada ia merupakan wacana syarahan atau ucapan, perdebatan atau doa. Begitu juga halnya jika sekiranya wacana itu berupa sebuah tulisan atau esei, laporan, surat rasmi atau surat peribadi, memorandum atau iklan - cara penyampaian itu harus bersesuaian dengan konteksnya.

GAYA PENYAMPAIAN

Gaya penyampaian dapat diertikan sebagai teknik pengujaran itu yakni pemilihan kata-kata yang bersesuaian. Ertinya, si penyampai perlu peka sama ada suatu ucapan itu disampaikan dalam situasi formal atau tidak formal. Contohnya, dalam memberi ucapan, si penyampai harus memikirkan adakah ucapannya itu disampaikan dalam majlis formal yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan atau sebaliknya? Kebijaksanaan dan pertimbangan gaya penyampaian adalah penting untuk sesebuah interaksi berjalan dengan lancar.

JENIS DAN CIRI LARAS BAHASA

Laras bahasa dapat dibahagikan kepada dua golongan besar iaitu laras biasa dan laras khusus. Laras biasa ialah laras yang digunakan atau diaplikasikan untuk masyarakat umum seperti laras dalam atau untuk bidang hiburan, laporan sukan, berita sukan, pengetahuan dan penerangan, syarahan, rencana, penyampaian maklumat dan pemujukan (yang berbentuk rencana atau iklan). Sementara laras khusus pula ialah yang merujuk kepada ke-

gunaan untuk khalayak khusus seperti atau peminat dalam bidang tertentu dan pelajar-pelajar (rencana berkenaan bidang sains, laporan dan ulasan buku).

Namun demikian, terdapat tiga pembeza utama yang dapat membezakan antara laras biasa dengan laras khusus iaitu kosa kata, tatabahasa dan gaya laras-laras berkenaan.

LARAS BAHASA BIASA: FORMAL DAN TIDAK FORMAL

Seperti yang diterangkan di atas, laras biasa ialah laras bahasa yang digunakan untuk khalayak umum tentang pelbagai bidang seperti hiburan, pengetahuan dan penerangan dan maklumat dan pemujukan. Dari segi teknik wacananya, gaya ayat dalam laras ini adalah sederhana, ringkas dan padat. Erti kata lain, struktur ayat yang digunakan adalah mudah, contohnya laras yang tertera di papan keterangan: ‘Dilarang Masuk’, ‘Untuk Kaki Tangan Sahaja’ dan ‘Jangan Membuang Sampah Di Sini’.

Laras bahasa biasa dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu formal dan tidak formal:

i. Laras bahasa biasa yang berbentuk formal atau rasmi biasanya digunakan dalam majlis-majlis rasmi, dalam surat kiriman dan sebagainya seperti laras bahasa yang digunakan juruacara majlis sambutan Hari Kebangsaan dan dalam penulisan surat permohonan pekerjaan atau rayuan.

ii. Manakala, laras bahasa biasa yang berbentuk tidak formal merujuk kepada bahasa yang tidak formal yang digunakan sehari-hari, di mana banyak berlaku proses penguguran dalam ayat-ayat yang diucapkan baik penguguran subjek, predikat atau objek. (Seperti yang terdapat dalam perbualan santai remaja atau bahasa di pasar ikan).

LARAS BAHASA IKLAN

Menurut Kamus Bahasa Melayu, susunan Arbak Othman (1999), iklan dapat diertikan sebagai sesuatu kenyataan yang ditulis, dibuat untuk tujuan memberitahu kepada orang ramai atau masyarakat tentang sesuatu perkara atau maklumat. Iklan biasanya disampaikan melalui media massa - media cetak dan media elektronik. Namun ada juga yang berbentuk poster-poster yang dipaparkan pada dinding-dinding kenyataan dan sebagainya.

Iklan itu ada berbagai-bagai jenis antaranya, iklan yang dibuat khas oleh pihak kerajaan (seperti iklan-iklan kekosongan pekerjaan, iklan tawaran dan sebagainya), iklan

yang bersifat peribadi (umpamanya iklan-iklan ucapan tahniah atau ucapan takziah kematian seseorang) dan sebagainya.

Dalam makalah ini, penulis akan menyentuh tentang laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat dalam akhbar, khususnya yang terdapat dalam Akhbar Minggu Malaysia, yang diterbitkan setiap Ahad. (Namun demikian, dapatlah dikatakan bahasa yang digunakan di dalam akhbar ini adalah terdiri dari pelbagai laras mengikut ruangan-ruangannya yang tertentu. Ini termasuklah laras berita dalam dan luar negeri, berita sukan, laporan politik, rencana/artikel dan sebagainya).

Seperti yang diterangkan di atas, fungsi iklan itu dibuat ialah untuk mempengaruhi pengguna dan untuk menimbulkan tanggapan tertentu mengenai sesuatu produk atau barangan atau perkhidmatan yang hendak diperkenalkan. Dalam hubungannya dengan perniagaan, iklan adalah sesuatu yang mustahak dan menjadi salah satu faktor yang terpenting menggerakkan sesebuah perniagaan. Oleh yang demikian, kewujudan akhbar-akhbar selaku penyampai informasi perkembangan terbaru semasa baik tempatan, regional mahupun global berperanan secara tidak langsung sebagai landasan untuk syarikat-syarikat perniagaan memperagakan perniagaan dan barangan mereka.

Dalam Akhbar Minggu Malaysia, iklan-iklan perniagaan yang dipamerkan berbentuk bebas. Erti kata lain, pengiklanan dibuat tidak statik, walaupun terdapatnya ruangan khas ‘Rampakilan’ (seperti yang terdapat pada keluarannya 15 September 2002), iklan-iklan juga boleh berada di mana-mana bahagian atau segmen. Contohnya dalam keluarannya 15 September 2002, iklan sebatang penjenamaan PILOT diletakkan di muka hadapan akhbar, iklan serbuk pencuci DYNAMO diletakkan di muka surat 5 (segmen ‘Dalam Negeri’) dan dalam keluarannya 6 Oktober 2002, iklan nasi ayam Mc Donald berada di muka surat 40 (segmen ‘Rancangan Tv’).

Namun ada sedikit perbezaan bentuk penyampaian iklan-iklan tersebut. Iklan-iklan yang disatukan atau dikumpulkan dalam ruangan ‘Rampakilan’ mengikut pengamatan penulis dilagikan oleh syarikat atau peniaga-peniaga kecil-kecilan dan sederhana. Iklan-iklan yang diselitkan di ruangan ini bersaiz kecil, versi hitam putih - ayat-ayat yang digunakan adalah ringkas dan padat. Contohnya, iklan-iklan jual-beli rumah dan kedai, sewaan, iklan pinjaman wang, iklan perubatan/urut tradisional dan sebagainya.

Manakala iklan-iklan yang bersaiz besar, yang mempunyai ilustrasi-ilustrasi yang lebih menarik perhatian dan berwarna biasanya dibuat oleh syarikat-syarikat besar atau yang terkenal, seperti iklan makanan ala barat yang ada disebutkan di atas tadi.

CARA PENGHASILAN IKLAN DAN PEMILIHAN LARASNYA

Iklan-iklan yang dibuat terdiri dari pelbagai saiz yang biasanya disokong oleh gambar-gambar produk atau barangan yang diiklankan, disertai lukisan grafik, ilustrasi dan sebagainya. Dari itu, dengan memfokuskan laras bahasa yang digunakan, dapatlah dikatakan majoriti iklan dihasilkan dengan beberapa cara seperti berikut:

(a) Mempunyai Slogan

Slogan ialah kata-kata yang dijadikan pegangan sesuatu pertubuhan atau syarikat pengeluaran barangan. Seperti juga halnya dengan iklan-iklan di televisyen, sebilangan iklan-iklan di akhbar juga mempunyai slogan. Slogan dicipta sebagai trademark sesuatu barangan. Contohnya dalam iklan pil multivitamin Kiddi Pharmaton dengan slogannya ‘Membantu Anak Anda Membesar Untuk Masa Depan Yang Cemerlang’, juga slogan ‘Cepat, Mudah, Mesra’ iaitu seperti yang terdapat dalam iklan pinjaman wang, ruangan Rampakilan, 15 September 2002.

(b) Kaedah Pernyataan

Menyatakan secara langsung tujuan pengiklanan. Seperti yang banyak terdapat dalam ruangan Rampakilan dengan menggunakan frasa-frasa atau klausa-klausa seperti ‘Rumah/Kenderaan/Tanah Untuk dijual/Sewa’, ‘Kerja Sambilan Kontraktor Dikehendaki Segera’, ‘Agensi Pembantu Rumah’ dan sebagainya. (Merujuk Rampakilan 15 September dan 6 Oktober 2002)

(c) Ada Kaitan Konsep

Yang dimaksudkan dengan kaitan konsep ialah dengan mengaitkan sesebuah produk dengan sesuatu atau individu yang terkenal atau yang mempunyai nilai komersil, seperti dengan mengaitkan seseorang artis atau penyanyi dengan sesuatu produk barangan.

Dalam hal ini, merujuk Minggu Malaysia 15 September 2002, sebuah syarikat pembekal akses internet, TM Net prabayar telah mengaitkan perniagaannya dengan melantik penyanyi terkenal Malaysia, Siti Nurhaliza sebagai duta TM Net. Kaedah iklan sebegini adalah bertujuan untuk menarik perhatian pelanggan, khususnya gol-

OLEH MUHSIN

ngan remaja memandangkan penyanyi berkenaan mempunyai fan-based yang begitu ramai. Begitu juga dengan barangan lain seperti sabun mandi, tilam berjenama, rantai berlian, minyak rambut dan sebagainya yang kebanyakannya turut dikaitkan dengan artis-artis, khususnya artis wanita. Dan artis berkenaan akan menyatakan sesuatu yang berupa ayat-ayat atau laras-laras tertentu yang dapat dijadikan tarikan barangan yang dinikahkan.

(d) Umpanan

Kaedah umpanan kerap didapati dalam mana-mana iklan, tidak terkecuali iklan akhbar. Umpanan bermaksud merancang strategi untuk menarik atau memperdayakan pelanggan. Contoh laras iklan yang berbentuk umpanan ini adalah seperti yang berbunyi ‘Beli Satu, Percuma Satu’ atau yang terdapat dalam MM 15 September 2002, iaitu iklan berkenaan peredaran minuman Vitagen dan Marigold yang menawarkan hadiah ‘Satu Set Ruang Tamu Yang Lengkap’, dengan syarat mengumpulkan sebarang banyak mungkin bukti pembelian minuman berkenaan. Selain itu, dalam iklan pesanan cakera padat (CD) Al-Quran Interaktif, ada dinyatakan kata umpanan yang berbunyi ‘Penghantaran Pos Percuma’.

(e) Pesanan (Menyer-takan Borang)

Terdapat juga iklan yang menyediakan kemudahan pesanan barangan dengan menyediakan borang pesanan. Misalnya, iklan pesanan cakera Padat (CD) Al-Quran Interaktif yang menyediakan borang pesanan. Dalam borang itu menghendaki pembaca mengisikan butir-butir peribadi, seperti nama penuh, umur, jantina, bangsa, alamat, nombor telefon dan sebagainya.

Begitu juga halnya dengan, iklan peredaran minuman Vitagen dan Marigold yang menawarkan hadiah ‘Satu Set Ruang Tamu Yang Lengkap’ juga turut menyediakan borang penyertaan yang juga memerlukan pembaca yang ingin menyertai pertandingan itu untuk mengisi butir-butir peribadi yang dikehendaki. Tetapi dalam peredaran itu, ditambah dengan beberapa syarat penyertaan yang berupa sebuah wacana lengkap mengenai pertandingan tersebut.

(f) Bandingan

Iklan yang berbentuk sebegini dibuat dengan cara membandingkan sesuatu barangan dengan barangan lain. Umpamanya akan dinyatakan serbuk

pencuci Dynamo lebih berkuasa daripada serbuk pencuci berjenama X.

(g) Gesaan

Laras iklan sebegini menggesa pengguna atau pembaca untuk mengambil perhatian perkara atau barangan yang diiklankan. Contohnya, dalam iklan makanan segera ala barat Mc Donald di atas ada menyatakan dengan klausa ‘Cubalah Nasi Ayam McD hari ini...’

(h) Pertanyaan

Penggunaan penanda ‘?’ kerap didapati dalam iklan-iklan akhbar. Teknik ini adalah salah satu lagi cara dalam penggunaan laras bahasa iklan. Dalam iklan cairan pencuci pakaian DYNAMO ada dinyatakan dengan ayat ‘Lebih Mudah! Bolehkah Serbuk Pencuci Menjanjikan Yang Sama?’

Penggunaan tanda tanya ‘?’ dapat menguatkan hujah/laras iklan. Erti kata lain ia seolah-olah memaksa pengguna menyahut cabaran iklan berkenaan. Contoh frasa lain yang digunakan ialah seperti, ‘Sakit Kepala? Sapulah Dengan Minyak Angin ABC’.

KESIMPULAN

Dalam makalah yang serba ringkas ini, dapatlah disimpulkan bahawa laras bahasa itu adalah berhubung kait dengan penggunaan bahasa atau ujaran atau ayat-ayat yang bersesuaian dengan bidang dan konteks pengucapan.

Dalam kaitannya dengan iklan perniagaan yang terdapat dalam akhbar, khususnya Akhbar Minggu Malaysia adalah bermacam-macam jenis dan bentuk penyampaiannya juga berlainan mengikut konsep-konsep barangan yang diiklankan. Pemilihan kata atau perkataan adalah kata-kata yang mudah difahami pembaca/masyarakat. Ini adalah kerana laras iklan termasuk dalam golongan laras biasa yang berlandaskan situasi khalayak umum.

Namun demikian, laras iklan tidaklah boleh dikatakan hanya mempunyai satu laras bahasa sahaja memandangkan iklan itu sendiri secara spesifiknya fleksibel iaitu ayat-ayat yang digunakan dalam sesuatu iklan adalah mengikut tema dan konsep barangan yang diiklankan. Umpamanya iklan perubatan tidak akan mungkin memasukkan laras iklan makanan segera, begitu juga sebaliknya.

Laras bahasa iklan adalah laras bahasa biasa yang berbeza daripada laras bahasa khusus. Gaya penyampaian, pemilihan kosa kata dan tatabahasanya adalah ciri yang membezakannya.

CERPEN

OLEH SUTERA KALBU

R OH adalah kehidupan meski tubuh bercerai dari nyawa namun roh tetap hidup. Hidup seperti mana pada mulanya dijadikan. Dan tetap utuh dengan bentuknya tersendiri. Roh ada di mana-mana. Melihat dan mendengar. Hidup walau tak bersuara. Seperti angin yang berhembus di alam yang terbentang luas. Sepi adalah hembusan angin dingin menyentuh sukma, utus suara berbisik dalam diam sepanjang hayat, di dalamnya ada roh yang hidup. Sepi yang tak berpenghujung tidak ada jalan kembali yang aman dan sejahtera kecuali lena rindu di ribaan-Nya setelah reda memutih sinar di dada jiwa.

Senja kemerah-merahan. Awan-awan bergerak perlahan menyasar jauh membawa haluan. Gerimis menitis renyai-nyai gugur pada kelopak-kelopak mawar di sekitar banjaran gunung-ganang sekeliling. Suhu yang sentiasa dingin semakin terasa. Para petani desa, kelihatan sedang berjalan di lereng-lereng gunung sambil menjinjing bakul-bakul yang dipenuhi dengan hasil-hasil tanaman. Rumah-rumah yang terdapat di sekeliling kawasan pergunungan kelihatan mulai samar-samar di bawah kabus dan sinar senja. Matahari beringsut pergi dan malam mulai menebarkan sayap hitamnya.

Dalia mempercepatkan tugasnya. Bunga-bunga yang telah dipetik segera dikumpul dalam sebuah bakul rotan. Ada bunga mawar, ada bunga melati, ada bunga matahari, anggerik, kembang, kenanga dan banyak lagi. Tapi dalam semua itu, bunga mawar adalah yang paling disukainya. Kesemua pohon-pohon bunga yang ada terdapat di dalam kebunnya, beraneka bentuk dan penuh berwarna-warni. Seperti biasa semua bunga-bunga hidup itu akan dibawa balik ke rumah. Jika banyak akan digubah terlebih dahulu sebelum dibawa ke kawasan pondok-pondok jualan yang berderet di sepanjang jalan menuju ke bandar kecil Kundasang. Hasil jualan bunga-bunga sedikit sebanyak menambah hasil pendapatan kedua ibu bapanya yang telah menjadi petani sejak sekian lama.

Kabus malam yang dingin semakin tebal menyelimuti rumah papan sederhana besar berbentuk moden yang terletak di lereng gunung itu.

Malam itu Dalia membuat gubahan bunga-bunga lagi. Sambil melakukan tugasnya, terdengar suara lunak Dalia tak henti bernyanyi-nyanyi kecil. Dari sebuah lagu ke sebuah lagu terdengar mendayu-dayu alunan suaranya turun naik dibawa angin malam yang dingin. Cuaca yang semakin dingin membuatkan ibu bapa Dalia yang sejak tadi berada di luar segera masuk ke dalam.

"Bagaimana? Sudah kau fikirkan?" soal ibu Dalia seraya duduk di sisinya.

Dalia diam. Jari-jemarnya terus bekerja menyusun bunga-bunga dalam jambangan. Kenapa tiada sesiapa pun yang pernah mengerti bahawa keikhlasan adalah nilai yang tiada tandingannya? Bukankah ikhlas itu suci? Yang lahir dari sumur naluri yang bersih dan jernih? Seperti mana dia menyintai Sahari. Alangkah indahnya saat itu. Pertemuan pertama ketika mereka sama-sama berada di kebun bunga. Dan sejangkit bunga mawar merah pemberian Sahari itu juga yang telah membuka tirai hatinya lalu merasa betapa indah hidup dan penuh cinta!

"Ibu tidak memaksa," sambung ibunya.

Tapi bukankah ibu sangat berharap? Mengharap sebuah jawapan yang boleh menyenangkan perasaan ibu dan bapa? Dan tugas Dalia adalah untuk menyenangkan perasaan ibu

dan bapa. Begitu hukum alam. Begitu juga hukum adat dan agama di daerah itu. Tapi di mana hukum menge-nai keikhlasan?

"Orangnya baik dan beriman. Segak dan serba cukup," ibu Dalia bersuara lagi.

Dalia bangun mengangkat gubahan bunga-bunga dan meletakkannya di depan beranda luar. Embun malam boleh menyegarkan gubahan bunga-bunga hidup sampai besok pagi. Atau siapa mampu menduga jika Sahari akan muncul lagi esok seperti saat-saat dulu dan mereka akan berjalan beriringan di perbatasan kebun-kebun bunga di lereng-lereng gunung sambil memintal benang-benang kasih suci.

"Tapi jika kau sudah ada pilihan lain, ibu tidak keberatan."

Dalia masih diam. Suasana di ruang tengah tiba-tiba terasa sangat hening.

"Perkara yang lalu tidak usah difikirkan lagi. Mengharap yang tak mungkin hanya membuang waktu," bapanya tiba-tiba bersuara.

Kedinginan malam semakin terasa. Di luar pekat gelap. Angin malam yang bertip menyusup hingga ke tulang sumsum. Dalia terbaring di dalam kamar tidur. Selimut tebal ditarik menutupi tubuhnya. Jika saja takdir boleh ditulus dengan tangan sendiri. Tapi itu tidak pernah akan terjadi. Namun apa yang berlaku pun bukan jua kemahuan sendiri. Bukan dipinta. Tidak pernah direncana. Siapa yang benar? Siapa yang salah? Memang bukan Dalia, tapi tidak juga Sahari. Bagi Dalia pengalaman pertama itu telah tumbuh hingga ke akar umbi jiwanya. Di saat puput mawar mulai berkembang di suatu pagi yang terindah dalam hidupnya titik pertemuan menjadi begitu cukup bermakna. Tiada dapat diungkapkan dengan kata-kata kecuali merasa alam telah menjadi milik bersama. Terasa ingin berteriak lantang di atas puncak gunung-ganang, biar seluruh penghuni dunia tahu bahawa bahagianya sedang bertakhta di mahligai jiwanya.

Masa yang setiap detik berlalu dirasakan begitu terik membakar ladang-ladang impiannya. Namun masih saja kenangan itu tidak pernah pergi begitu saja. Bahkan setiap detik dan ketika, Dalia seolah-olah dapat melihat Sahari sedang berjalan di lereng-lereng gunung bersama mawar-mawar segar di geng-

gamannya. Mana mungkin Sahari akan pergi begitu saja. Tidak! Dalia percaya, Sahari masih sama seperti dulu. Dalia yakin Sahari akan datang jua menjemputnya satu hari kelak. Dalia akan menunggu. Dan akan terus menanti biar seribu tahun harus menjadi penunggu pada sebuah kehadiran yang tidak pernah menjanjikan apa-apa.

Seperti biasanya, setelah menghantar jambangan-jambangan bunga yang telah siap digubah dan bunga-bunga segar yang baru dipetik ke pondok jualan di kaki gunung, Dalia akan segera beredar ke kebun bunga. Sambil melangkah dalam suhu dingin dan segar ingatannya tidak pernah luput pada kenangan lalu. Ketika itu mereka selalu bersama. Setelah menyiram pohon-pohon bunga mereka akan duduk di sebuah bangku kayu yang panjang menghadap ke arah kebun-kebun bunga. Matahari pagi atau petang kelihatan sangat indah di lereng-lereng pergunungan itu. Bahkan ketika tengah hari sekalipun, cuaca sentiasa dingin dan segar.

"Aku takut jika kau pergi dan tidak akan kembali lagi," kata Dalia ketika mereka sedang duduk di bangku kayu sambil menatap matahari pagi yang bersinar.

"Aku tidak pernah menyesal kerana datang ke daerah ini. Bahkan aku telah menemui hidupku di sini. Kau cahaya! Kau sinar bak sebutir permata yang menerangi seluruh jiwaku."

"Tapi aku cuma gadis desa. Duniaku, cuma sebuah dunia desa. Sedangkan kau dari kota yang besar."

"Tapi jiwamu? Katakanlah, bahawa jiwamu hanya ada aku."

"Selamanya... Tidak akan pernah ada duanya. Dan aku tidak mengerti, apakah semua ini? Mengapa harus begini? Merasa sebuah makna hidup, menyinta dan tiba-tiba merasa takut kehilangan."

"Kau lihat bunga-bunga mawar di hadapan kita. Dan selagi pohon-pohon mawar masih wujud dan terus berkembang di dunia ini, selagi itu kau berada dalam hatiku."

"Aku mahu seluruh mawar-mawar yang ada di pergunungan ini sentiasa mekar dan berkembang."

"Aku ingin hidup seribu tahun lagi, bersamamu mawar hatiku."

Sewaktu rombongan keluarga Sahari tiba, Dalia masih duduk diam di dalam kamar. Perbualan ramai di luar mula-mula kedengaran rancak. Semakin lama semakin berlarut-larutan. Soal jawab, gelak canda bertambah panjang.

Tiba-tiba sepi. Tiba-tiba hening. Dalia masih diam menanti. Rombongan keluarga Sahari tiba-tiba saja balik. Perasaannya berdebar kencang. Apa yang telah terjadi? Dalia tidak mengerti. Dan sejak itu Sahari tidak pernah muncul lagi. Sahari telah pergi tanpa sepatah kata. Sahari telah balik ke kota tanpa sebarang pesan. Sekali lagi Dalia tidak mengerti. Dalia tidak percaya kalau Sahari sanggup pergi begitu saja. Dan sejak itu Dalia sering kelihatan duduk seorang diri di lereng-lereng gunung setia menanti matahari pagi dan senja merisik khabar pada sepoi angin yang diam membisu seribu bahasa.

Masa berlalu silih datang dan pergi. Dan Dalia tidak pernah jemu-jemu melewati tiap lereng-lereng gunung mencari bekas-bekas kenangan lalu. Apa yang tinggal hanyalah bayang-bayang kenangan, bertaut pada kabus menyeru pada segala



BANGKAI MAWAR

kudrat alam untuk sedetik harum kembang kasih yang hilang. Tiada. Tiada walau secebis angin melera damba. Tiada. Tiada walau sejalar sinar yang terlihat lagi. Tapi, selagi bunga-bunga mawar mekar berkembang di lereng-lereng gunung, Dalia pasti kenyataan itu hanyalah sebuah mimpi buruk. Ia sebuah mimpi buruk! Bukan kebenaran tapi sebuah mimpi buruk! Sebuah mimpi buruk yang pasti akan berakhir jua. Dan Sahari akan muncul jua nanti di lereng-lereng gunung dalam kebun bunga.

Lalu penantian akan berakhir dengan kebenaran cinta! Keyakinan itu teranam kukuh dalam jiwa raganya. Lalu kehidupan menjadi setia pada penantian yang dia sendiri tidak tahu bila akan berhujung. Namun kenangan itu tetap hidup bersama langkanya setiap pagi mengintai bayang di balik lereng-lereng gunung dan pohon-pohon mawar. Dan setiap kali senja beradu, Dalia yang masih menanti di situ dengan tatapan kosong melangkah longlai tersungkur di kaki malam yang dingin.

Masa beredar tanpa dapat disekat-sekat lagi. Siang berganti malam dan malam meniti subuh. Dan doa-doa panjang yang tiada pernah berpenghujung sering mengutus salam dalam hening sebuah rindu. Percintaan angin pada roh adalah jiwa yang tiada mati. Tetap suci, bersih, tulus, mulus dan mendaki ke puncak reda dan sabar. Dan hidup nyata hanyalah kesementeraan yang harus diterima dengan

lapang dada. Meski luka dan berdarah mengalir menjadi laut kehidupan. Kenangan dan bayang-bayang terus mengiringi langkahnya menyusuri harapan demi harapan yang semakin jauh tak tercapai tangan. Namun keyakinan tetap saja mekar bagai kuntum-kuntum mawar di kebun bunga.

Beberapa hari saja lagi, Nani akan menyambut hari lahirnya yang ke-15 tahun. Nani akan menyampaikan berita gembira itu kepada Makcik Dalia.

Setiap kali lepas balik dari sekolah Nani sering ke pondok-pondok jualan atau mengikuti Makcik Dalia di kebun bunganya. Nani suka melihat Makcik Dalia mengubah jambangan bunga. Jika mereka berada di kebun bunga pula, Makcik Dalia sering bergurau senda dengannya. Semua itu menjadikan hubungan mereka semakin akrab. Kadang-kadang Nani membawa bekalan makanan dari rumahnya dan mereka akan makan bersama di lereng-lereng gunung. Bagi Nani Makcik Dalia terlalu baik dan sangat ramah padanya.

Namun siang itu Nani merasa hairan. Kenapa Makcik Dalia tidak ada di pondok jualan. Bukankah Makcik Dalia sudah berjanji akan menyiapkan gubahan bunga yang cantik untuk hari jadinya? Beberapa hari lepas pun Makcik Dalia sudah berjanji akan datang pada pesta hari jadinya nanti. Nani mahu Makcik Dalia turut bergembira di pesta itu nanti. Nani tidak mahu Makcik Dalia

hanya asyik duduk di kebun bunga setiap pagi dan petang.

"Semalam pakcik ada melintas di depan rumahnya. Tapi gelap. Mungkin dia ke pekan seberang tempat anak saudaranya. Kadang-kadang dia bermalam di sana," kata Haji Arshad.

"Berapa banyak jambangan bunga yang kau tempah darinya?" soal Hajah Salmah pula.

"Tidak banyak makcik. Cuma dua jambangan. Yang lain mawar dan anggerik," jawab Nani.

"Ada orang kahwinkah?" soal Hajah Salmah lagi.

"Tidak. Hanya untuk hiasan rumah ketika menyambut hari jadiku. Lagipun atuk aku akan datang bercuti ke sini," jawab Nani.

Hari semakin tinggi. Nani harus balik dulu. Esok Nani akan datang lagi.

Kalau Makcik Dalia tidak ada juga, Nani mahu naik terus ke lereng-lereng gunung tempat dia selalu bersembang-sembang dengan Makcik Dalia.

Setibanya di rumah Nani tersenyum gembira. Atuknya sudah tiba.

"Mana jambangan bunga?" soal atuk Nani sambil memeluk Nani.

"Ah! Atuk. Makcik tu tidak adalah. Tapi esok Nani akan ke sana lagi."

Jawab Nani sambil membuka bungkusan hadiah-hadiah yang dibawa oleh atuknya.

Wanita tua yang dikenali dengan panggilan Makcik Dalia sehari semalam tidak kelihatan. Mungkin sakit, fikir jiran-jiran. Biasanya pagi-pagi lagi Makcik Dalia sudah kelihatan membawa bakul berisi gubahan bunga-bunga.

Hari masih terlalu pagi ketika Nani berlari-lari kecil di lereng-lereng gunung terus menghala ke rumah Makcik Dalia. Di depan pintu, Nani tercungap-cungap seketika. Pintu diketuk. Tiada jawapan. Nama Makcik Dalia dipanggil bertalu-talu. Juga tiada jawapan. Nani memandang sekeliling.

Senyap dan sunyi. Tiada siapa-siapa di situ. Nani segera melangkah ke kebun-kebun bunga yang terletak di lereng-lereng gunung. Nani tahu Makcik Dalia selalu duduk di situ sambil memerhatikan mawar-mawar kesayangannya mekar berkembangan.

Dari jauh kelihatan

Makcik Dalia duduk seorang diri di atas bangku kayu.

Nani merasa gembira dan segera berlari mendekatnya.

"Makcik Dalia! Makcik Dalia!" sapa Nani, tidak sabar untuk memeluk tubuh wanita itu.

Tiada jawapan. Nani tiba-tiba merasa cemas. Dia melangkah lebih dekat dan duduk di sebelah Makcik Dalia. Nani tiba-tiba tersentak. Mata Makcik Dalia terpejam dan wajahnya pucat kaku. Nani cuba menggenggam tubuh Makcik Dalia. Namun Makcik Dalia sudah tidak bernafas lagi. Di sebelahnya ada sejangkit mawar masih tersimpan di dalam bakul raga. Nani tersentak.

Jantungnya tiba-tiba saja berdegup kencang. Nani berlari sekuat tenaganya menuruni lereng-lereng gunung untuk mendapatkan pertolongan dari jiran-jiran sekeliling.

Seperti mana yang pernah dikehendakinya, jasad Makcik Dalia telah disemadikan di lereng gunung itu juga di dalam kawasan kebun mawar milik Makcik Dalia sendiri.

Beberapa hari berlalu. Pagi itu Nani mengajak atuknya berjalan ke lereng-lereng gunung sambil menziarahi pusara Makcik Dalia. Atuk Nani membaca doa yang agak panjang. Nani menabur bunga-bunga mawar di atas tanah pusara. Atuk Nani turut melakukan hal yang sama. Desir angin bertip lembut dan dingin. Pohon-pohon sekeliling dan kelopak-kelopak mawar bergegaran dihembus angin. Awan berlalu permai. Puncak gunung membiaskan sinar kemilau.

"Atuk, kenapa Makcik Dalia tidak dapat hidup bersama kekasihnya?" soal Nani tiba-tiba, sambil mengesat butiran air yang gugur di pipinya.

Suasana hening seketika. Deru angin mulai terdengar lembut menerbangkan daun-daun yang luruh di sekeliling. Resah menyua di lubuk diam. Bagai ada gerimis sedang meluruh di tangkai kalbunya.

"Kerana takdir sudah menghendaki begitu. Dan kerana lelaki itu adalah bapa saudaranya sendiri yang telah dipelihara oleh keluarga lain sejak kecil."

Ayuh kita balik sekarang," Haji Sahari menarik tangan Nani sambil berlalu pergi.

TEMBURONG BERPOTENSI JADI 'RICE BOWL' NEGARA

BANGAR, 4 Mei. - Pengarah Pertanian berkeyakinan Daerah Temburong berpotensi besar menjadi 'gedung beras' atau 'rice bowl' negara pada suatu hari nanti dengan terdapat sejumlah 1,000 hektar kawasan yang boleh dimajukan sepenuhnya dengan tanaman padi.

Dr. Haji Mohammad Yusoff bin Haji Mohiddin berkata, kegiatan pertanian di daerah itu semakin meningkat dan menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan Kawasan Pertanian Luar Bandar Kampong Sibut (KPLB) sebelum ini terpilih sebagai KPLB terbaik dalam perusahaan tanaman buah-buahan pada Festival Brunei Agri-Food 2005 lalu.

"Begitu juga dengan

tanaman padi yang mana hasil pengeluaran padi di Temburong semakin meningkat dari 202 tan metrik pada tahun 2002 kepada 500 tan metrik tahun lalu," katanya.

Jelasnya lagi, Temburong merupakan pengeluar padi yang terbesar di negara ini dengan keluasan sawah padi sekitar 273 hektar melibatkan 303 orang petani.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Perasmian Bangunan Kemajuan Pertanian Daerah Temburong dan Pusat Maklumat Agribisnis di Kampong Puni/Ujung Jalan dekat sini.

Beliau menyeru agar para penduduk di daerah itu menceburi perusahaan pe-

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

nanaman pokok buah-buahan seperti pisang dan cempedak yang boleh diusahakan secara integrasi bersama dengan ternakan kambing.

"Bahan-bahan sampingan seperti kulit buah-buahan dan candasan dahan pokok amat sesuai untuk dijadikan makanan ternakan kambing, dengan itu negara akan mampu meningkatkan tahap sara diri bagi pengeluaran buah-buahan dan ternakan kambing sekali gus akan mencergaskan semula ekonomi luar bandar yang berasaskan pertanian," tambahnya.

Jelasnya, Jabatan Pertanian akan memberi jaminan bahawa pihaknya akan sentiasa memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat pertanian di negara ini.

Oleh itu, katanya, pihak Jabatan Pertanian dari masa ke semasa akan menilai semula apa jua program perkembangan bagi memastikan ia kekal berkesan dan mendatangkan manfaat untuk kemajuan sektor pertanian.

Ke arah itu, jabatannya akan meneruskan skim insentif yang ada termasuklah Skim Sokongan Harga Padi serta bantuan baja, racun kawalan musuh dan penyakit tumbuhan dan insentif lain yang difikirkan perlu serta bersesuaian mengikut perkembangan semasa.

Pejabat Pertanian dan Pusat Maklumat Agribisnis yang baru dibina dengan kos hampir setengah juta ringgit dan dilengkapi dengan kemudahan peralatan bagi pengajaran seperti alat audio dan video, komputer serta risalah yang berkaitan dengan pertanian.

Pembinaannya merupakan suatu usaha kerajaan bagi mengukuhkan lagi keupayaan institusi pertanian, di samping sebagai perolehan dan penyaluran maklumat pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh petani dan usahawan pertanian yang kian meningkat di daerah itu.

Sementara itu, sembilan orang pengusaha pertanian menerima Anugerah Pengusaha Terbaik bagi Daerah Temburong. Mereka ialah Awang Sichang Lupat bagi padi; Awang Haji Bahar bin Junid, buah komersil; Awang Latif bin Haji Nordin, buah non-komersil; sayur, Awang Teo Soo Seng, KPLB Kampong Sibut, Ladang KKP oleh B. S. A. Company Sendirian Berhad, Awang Markus Dawat bagi ternakan ruminan dan non-ruminan oleh Syarikat Qiswa Farm.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain melancarkan pengembaraan berkerusi roda Awang Kuimar Ali Mardani. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pengembaraan berkerusi roda mengelilingi dunia

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Mei. - Majlis Pelancaran Permulaan Pengembaraan Berkerusi Roda Awang Kuimar Ali Mardani, seorang warga-negara Iran diadakan hari ini bertempat di kawasan letak kereta Bangunan Pusat Belia di ibu negara.

Pelancaran majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Awang Kuimar akan meneruskan pengembaraan berkerusi roda di negara ini menuju ke Muara, Daerah Tutong sehingga ke Daerah Belait.

Beliau yang berusia 34 tahun sebelum ini bertugas di Pusat Persatuan Orang-orang Cacat Anggota di Iran akan meneruskan misi mengelilingi dunia menggunakan kerusi roda bagi tujuan untuk menyokong keamanan dunia dan membina persahabatan.

Awang Kuimar yang tiba di Negara Brunei Darussalam pada 29 April lalu sebelum ini telah pun mengembara ke-17 buah negara antaranya ialah Pakistan, Afghanistan, Turki, Syria, Lebanon, Republik Singapura, Malay-

sia dan Republik Indonesia.

Ketika ditemu bual, Awang Kuimar menyatakan bahawa beliau akan berada di negara ini selama 15 hingga 20 hari sebelum meneruskan pengembaraan ke Republik Filipina.

Memandangkan beliau memang aktif dalam bidang sukan dan kegiatan berpersatuan, maka dia tidak memerlukan persiapan awal dari segi mental mahupun fizikal.

Menurutnya, pengembaraannya yang pertama ialah mengelilingi negara Iran pada tahun 1984 bertujuan untuk mewujudkan perasaan kasih sayang dan persahabatan selain untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa orang kurang upaya juga mampu mengembara walaupun menggunakan kerusi roda.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah Pembangunan Masyarakat (JAPEM), pegawai-pegawai JAPEM dan juga kanak-kanak istimewa.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Datin Paduka Hajah Dayang Zahrah menyampaikan sijil kepada seorang penuntut yang khatam Al-Quran.



PENGARAH Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusoff bin Haji Mohiddin menyampaikan Anugerah Pengusaha Terbaik bagi Daerah Temburong kepada seorang pengusaha pertanian. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



PENGARAH Pertanian semasa melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di Bangunan Kemajuan Pertanian Daerah Temburong dan Pusat Maklumat Agribisnis di Kampong Puni/Ujung Jalan, Temburong sejurus selepas merasmikan bangunan tersebut. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

83 penuntut SUAMPRI PAD khatam Al-Quran

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farah Zohre
Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mei. - Majlis Khatam Al-Quran bagi 83 penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRI-PAD) berlangsung hari ini di dewan besar sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah

isteri Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Datin Paduka Hajah Dayang Zahrah binti Haji Idris.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh para penuntut yang khatam Al-Quran

terdiri para penuntut tingkatan 5 dan 6, kemudian disusuli dengan bacaan tahtim oleh para penuntut tingkatan empat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat, di-

ikuti bacaan Dikir Syarafil Anam. Kemudian Majlis Menabur Bungai Rampai oleh para ibu bapa penuntut yang khatam Al-Quran.

Juga hadir di majlis itu ialah Pengarah Pengajian Islam, Ustazah Hajah Kasimah binti Haji Siput dan Ketua Bahagian Institusi Pengajian Menengah, Ustazah Seimah binti Haji Abdul Salam.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KEMATIAN III

Hayat kita ini
tidak diketahui akan berakhir
laniun kematian itu pasti
bakal menuju dan menemui
Al-Khaliq!

Kematian
kematian tidaklah bermakna
terputus segala-galanya
kematian adalah ...
awal kehidupan di alam barzakh
yang hakiki
pasti!

Dari itu anak Adam
selagi hayat dikandung badan
(sebelum roh berpisah dari jasad)
kenanganlah mati sekali
supaya bekal ke sana
bertambah banyak disediakan
mudah-mudahan!

FAKIR

Insan
janganlah kau tergamak
menjual harga dirimu
semata-mata untuk mendapatkan sesuatu
dengan memakirkan diri
atau mendakwa sebagai seorang fakir
bukankah pengakuan ini dusta namanya
jika ia tidak benar?

Apakah kau tergamak mendustai Tuhan
tidakkah kau terfikir atau memikirkan
yang Tuhan telah melimpahkan rezeki
dan rahmat-Nya yang bukan sedikit
kepada kita selama ini?
mungkinah kau sudah hanyut
atau dihanutkan di atas kancan munafik?
jika ini benar terjadi ...
segeralah kau bertaubat
dan beristighfar banyak-banyak!

Insan
hindarkanlah diri kita
dari membuat pengakuan dusta
sebab (adalah benar)
mendakwa diri fakir itu
samalah juga mendoakan diri sendiri
menjadi fakir ...!
na'uzubillahi minzalik ...

Rahim M. S.

NYANYIAN SI PARI-PARI

Bentuk bukit menyulitkan perjalanan
hutan pekat
pepohon besar daunnya lebat.

Setiap kali hutan dipandang
setiap kali pula batu merenung
dia tergelincir kerikil tajam
jatuh terguling-guling.

Tujuannya ke Bukit Tempayan Pisang
menebang seponon buluh yang panjang

Dia sesat di hutan belukar
banyak binatang berbisa berkeliaran
tiba-tiba dia mendengar suara perempuan
suara menyanyi merdu membisik di telinga
seolah-olah memanggil namanya.

Dia dilamun fantasi
hati kecilnya sering ditanya tentang kecantikan
perempuan itu.

Kini dia bukan lagi depan isterinya
matanya terpukau kejelimatan seorang perempuan
yang kian mencabar kelakian
payudara yang membusut naik
bibir merah bak delima
di atas ranjang.

Senja beransur menghilang
petang mengundang malam.

Di depannya bukan perempuan yang rupawan
tetapi seekor singa betina yang garang.

Mahadi R. S.

PATAH HATI

Kata pepatah Melayu
jangan menuduh lantai tidak rata
kalau rebah semasa menari
enggan mengaku kekurangan diri
ego di anjung menutup malu
sungguh, begitulah manusia
mahu sempurna tetapi tidak berdaya.

Gagal sekali wajar dijadikan pelajaran
bukan terus patah hati
tersandung bukanlah jatuh
manusia tidak sengaja untuk gagal
kejayaan adalah kegagalan yang diputarbalikkan
heranilah hangun selepas gugur
Allah benci hamba-Nya yang berputus asa
akal manusia adalah akar bagi perhambaan
atau kemerdekaan
mahukan kita menjadi hamba kegagalan
dengan menyerah?
atau menjadi pemilik kejayaan melalui
pengorbanan masa, tenaga, harta dan darah!

NILAI SEBUAH PERSONALITI

Manusia mengejar tujuan dan impian
herbekal kekuatan luaran dan dalaman
nilai diri insan dapat ditentukan
berpotensi untuk maju
atau mati sebelum waktu
kredibiliti, karisma, profesionalisme
adakah ianya hanya ungkapan yang
mengindahkan bahasa?
ataupun ianya rangsangan personaliti tetapi
tidak ramai yang peka?

Manusia, makhluk terhebat ciptaan Tuhan
dengan akal sebagai mahkota
alam dunia dapat dipandu
hasil bumi dan samudera mampu dimanfaatkan
kalau cuma suka setengah jalan
itulah jelas sikap manusia yang malas
sering merekalah yang terkandas dan lemas
hari ini, esok dan kelmarin adalah sama
patutlah mereka tidak ke mana-mana
pelajarilah kesilapan dan pembetulan
pandanglah semua arah
lihatlah dahulu dan sekarang
atau lebih jauh lagi ke hadapan
ibarat buaian yang bergerak
kekuatan dalamanlah yang membentuk rentak.

Hamiduddin Haji Mohamed

DI SENJA PERTEMUAN

Dalam wajah malam kian kemilau
sinar senja akan menghilang
pasti mendakap di bawah bayangan
nafas panjang sintik-menyintik.

Bertahun-tahun aku kembara
menempuhi badai ganas zamanku
dikepung oleh masalah
melaksanakan suatu realiti
mewujudkan suatu identiti.

Pada senja pertemuan itu
puisi beralun mengusik jiwa
kutatap alam ini dengan mengerti.

KERANA NIAT SUCI

Dalam hidup
pengalaman yang mengajar kita lebih mengerti
merenung dalam-dalam pada sebuah keolahan
pada membawa bersama segala cita.

Mainan hidup punya seribu harapan
usia kian kembara setitis pilu
untuk hidup yang lebih membawa erti
setelah menderita dipeluk seksa.

Demi kebahagiaan
berdirilah mengemas langkah sendiri
semata-mata kerana niat suci.

Alwi S. M.

KAU GUNDAH AKU RESAH

Ke hulu kuresah
ke hilir kau gundah
kau selalu datang dan pergi
meninggalkan teka-teki di hati.

Usah kau bersembunyi
di sebalik lagu-lagu dalam mimpi
kerana cinta sejati.

Hilangnya kan dapat dijejaki
kedatangannya kan dapat dirasai.

Tidakkah kau terasa
aku selalu mengekori
berdiri di tengah-tengah
antara khayalan dan
bayang-bayang.

Aku datang kau curi pandang
walau tak nampak
tetapi hatiku terasa
tergamit dengan sentuhan
rindumu yang mendalam
walau kau diam
namun aku faham
emosimu yang penuh dengan pengertian
itulah kenyataan
cinta kita yang tak
dapat dinafikan.

KEINSAFAN

Di telinga bergema suara azan
menyeru aku menghadap
kiblat-Mu Ya Tuhan.

Tersentuh hati menyedari
kebesaran-Mu
dengan kesayuan
kuzikirkan nama-Mu
mencari ketenangan
dengan munajat
di se pertiga malam.

Terkadang aku bermimpi
seolah bersua
dengan-Mu Ya Tuhan
ada sebak yang tak mampu kusembunyikan
dan doa yang masih kelu
tak terucapkan
kerana kumalu dengan
kejahilan masa silam
namun Kau Maha Tahu
setiap niat dan pergerakan.

Ruby'R1297

SIAPA TAHU

Apa lagi yang kamu inginkan
bumi sudah bergegar
bangunan telah ranap
negara sudah lumat
tasiknya telah kamu timba
peribumi bertempiran
bagaikan anak-anak ayam
diburu sang helang ketagihan.

Mahu lari ke mana ...?
di kiri kawan jadi lawan
di kanan musuh penceroboh
di depan musuh berbulu ayam
di belakang pengkhianat.

Itulah si pintar yang gelojoh
di mana-mana ada kekayaan
ingin menampilkan diri
jadi pahlawan juang
konon bukan untuk diri sendiri
tapi dalam menyelam
kerongkong bergerak
siapa tahu.

DALAM DIRI

Dalam diri manusia
pelbagai ragam dan aneka
punya sahabat setia
juga musuh utama
sombong
tamak
dengki.

Akibat sombong ...
iblis dilaknat Tuhan
menjadi musuh yang nyata
kerana tamak ...
termakan pujuk rayu
dari iblis durjana
Nabi Adam Alaihissalam dikeluarkan
dari Syurga
lantaran dengki ...
hilang perhitungan
mengundang kejahatan
berlakulah pembunuhan pertama
di muka bumi
Qabil tergamak membunuh Habil.

Apakah itu cuma sebagai ristaan
ataukah suatu pengajaran
dari apa yang dikhabarkan
kerana itu kita wajib jauhi
dari sifat-sifat yang keji
agar tidak menjadi
pakaian dalam diri.

Maya Brunei

KU YANG BERDOSA

Angin
menghembus
membelai di wajahku
saat tafakurku
membuat aku
terkenang dosa-dosa yang lalu.

Selama ini ... diriku hanya bersendaloka
sungguh aku akan ditanya
di hari yang tiada lagi alasan
di hari yang tiada lagi naungan
di hari yang tiada lagi kawan
tentang apa yang telah kulakukan
selama hidup di dunia khayalan.

Wahai Tuhanku
aku mohon ampunan-Mu
di atas segala keterlanjuran
kesilapan dan kealpaanku
ku yang berdosa di atas dosa-dosaku.

PASRAH

Terlalu jauh ... walau dekat
meredah paya dan belukar kehidupan
kumencari ritma yang telah hilang dalam
alunan rasa.

Lorong-lorong hitam, dusta, curang ...
nampak terang
lorong-lorong putih, benar, ikhlas ...
nampak gelap
duhai malang insan yang malang.

Nyalakanlah obor kepasrahan
buat meneman keresahan
dan kembali ke pangkal jalan.

Abil Hassan



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 25 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.27	PRINCIPLE	'Misteri Di Balik Tabir'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	AZAN MAGHRIB	9.30 RHYTHM FIESTA
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50	PASPORT	4.15	RANCANGAN HARI INI	7.00	SINAR	10.00 NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.20	LIPUTAN SEMASA	4.20	SESAME STREET YR. 32	7.30	LIPUTAN SEMASA	10.30 BRUNEI LEAGUE 2005
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.35	DRIVE	5.20	GILLETTE WORLD OF SPORT	7.41	CRB	11.00 COSBY SHOW SR. 3 -
			12.00	SIARAN TAMAT	6.00	PROMETHEUS	8.00	AZAN ISYAK	11.30 THE PRACTICE YR. 8 -
							8.50	BERITA NASIONAL	'The Lonley People'
								DRAMA -	12.20 DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 26 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	THE LAST EDENS	8.00 BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.50 AN NUUR -
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	RESIPI PILIHANKU - 'Honey Cheese Roll dan Biskut Nuty Cluster'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.29	AZAN MAGHRIB	10.00 NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA -	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	FIQHUL MIRATS	10.30 DRAMA - 'Mimpi Di Garis Pelangi'
	9.15	RAMPAI PAGI -		Ulangan	4.20	ANIMATION HOUR - 'The Twins/Teletubbies'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00 WAYANG PILIHAN -
					5.10	ON THE BALL	7.25	WARTA ISLAM	'Blue Streak'
							7.43	AZAN ISYAK	12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 27 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	GLADITOR ACADEMY	1.30	VISI SUCI	4.35	SPORT PAGE	8.00 BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.25	WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	5.00	KIDS HOUR: 'Stuart Little/Dr. Otter'	9.00 SEMINAR MASJID
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50	BEING EVE	2.30	DIARI KEHIDUPAN	5.45	BERITA	9.30 WADAH KEPIMPINAN
	9.00	BERITA	11.15	PUSAT EHSAN	3.15	TAYANGAN GAMBAR CHINA - 'Faithfully Yours'	6.00	SYIAR MASJID	10.00 PASPORT - Ulangan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	3.43	AZAN ASAR	6.29	AZAN MAGHRIB	10.30 NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI	11.45	JEJAK RASUL SR. 9 - Ulangan	3.50	TAYANGAN GAMBAR CHINA - Sambungan	6.45	SUTERA HATI	10.40 KHUTBAH JUMAAT
			12.15	GREAT MOMENTS IN SCIENCE AND TECHNOLOGY			7.00	LIPUTAN SEMASA	10.55 TELEDRAMA -
			12.30	SEMBAHYANG FARDU			7.20	DEKOR	'Kemuning Senja'
							7.43	AZAN ISYAK	12.25 THE GAME PLAN
									12.55 DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 28 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	KIDS HOUR - 'Bug Alert/Li'l Elvis Jones & The Truckstoppers'	12.19	AZAN ZUHUR	3.43	'Team Play'	7.00 DUNIA ASIA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55	CONTROL FREAKS	12.45	PANGGUNG PETANG	4.10	BLUE PLANET -	7.30 INCREDIBLE JOURNEY
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA - 'SAMBAT'		SABTU - 'Oslen Twins: Switching Goals'	5.00	A NATURAL HISTORY OF OCEAN	7.44 AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.15	BELIA KITA - 'Belia Aset Negara' - Ulangan	5.45	KIDS HOUR - 'The Great Book Of Nature'	8.00 BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.05	DOKUMENTARI: GAYA HIDUP - 'Pudak - Seni Anyaman dan Kuih Asli'	2.45	EXPRIENCE BRUNEI	6.00	BERITA	8.50 PASPORT TO FAME -
	10.00	RANCANGAN HARI INI			3.15	CHICAGO HOPE YR.6	6.29	LATITUDES	Siaran Langsung
							6.45	AZAN MAGHRIB	10.00 NEWS AT 10
								PEDOMAN AKIDAH	11.30 TAYANGAN GAMBAR -
									01.00 DOA DAN SIARAN TAMAT


A H A D 29 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	KIDS CORNER	1.45	'Preview' ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - 'Highlights'	5.05	'Remaja dan Tekanan Rakan Sebaya'	8.50 RANCANGAN KHAS -
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	SUNDAY MATINEE - 'My Uncle The Alien'	2.40	JUARA - Siaran Langsung	5.30	ANIMATION - 'Maple Town'	'Jalinan Persahabatan Brunei Darussalam - Malaysia' Bhg 1
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.15	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	5.45	WILDLIFE DIARY	9.35 TIRAI KELUARGA -
	9.00	BERITA	12.19	AZAN ZUHUR	3.43	AZAN ASAR	6.15	MODERN MANAGEMENT	'Prebet Lapuk'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			4.10	PERTUKARAN RANCANGAN MOU (RTB/TV12) 'RAKAN'	6.29	AZAN MAGHRIB	10.00 NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 -	4.40	KAUNSELING MASYARAKAT-	6.45	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	10.30 TIRAI KELUARGA -
	10.05	CHILDREN SERIES - 'We All Live Here' Sr.2/					7.00	TAHUKAH AWDA	Sambungan
							7.44	AZAN ISYAK	11.45 H & S (TALK SHOW) -
							8.00	BERITA NASIONAL	Ulangan
									12.15 JELAJAH BASIKAL LE
									TOUR DE BRUNEI 2005
									12.40 DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 30 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.29	AZAN MAGHRIB	Brunei Darussalam -
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	Malaysia' - Bhg II
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	SELERA ASEAN	4.20	ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt'	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.30 RHYTHM FIESTA 2005
	9.00	BERITA	11.30	BODY AND SOUL	4.45	ELITE CHOPPERS, BIRD OF PREY - Siri Baru	7.20	SAJIAN ORIENTAL SR. 3	10.00 NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK	10.30 SUKAN GLOBAL
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	ANIMALIA	8.00	BERITA NASIONAL	11.00 PASPORT TO FAME -
								RANCANGAN KHAS - 'Jalinan Persahabatan	Ulangan
									0.100 DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 31 MEI	PAGI			PETANG			MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	3.15	Cloth' TAYANGAN GAMBAR MELAYU - 'Leftenan Adnan'	6.45	AL ISLAM	9.30 DRAMA: BIRO
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.35	ELITE CHOPPERS, BIRD OF PREY	3.44	AZAN ASAR	7.00	DRAMA SITKOM - 'Tamu'	MENCEGAH RASUAH
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.35	MOVIE MAGIC SPECIAL - 'Disaster Strikes Hollywood'	3.50	TAYANGAN GAMBAR MELAYU - Sambungan	7.30	DOKUMENTARI - 'Bukan Ku Pinta'	KOD 486 -
	9.00	BERITA			5.30	NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRLS	7.45	AZAN ISYAK	'Kotor dan Jijik'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	1.28	HIBURAN ABDB	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	10.00 NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI	2.25	ANIMATION SPECIAL - 'The Emperor's New	6.15	H & S (TALK SHOW)	8.50	RANCANGAN KHAS - 'Jalinan Persahabatan Brunei Darussalam - Malaysia' Bhg. III	10.30 ASEAN-EC
	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'			6.29	AZAN MAGHRIB			INTERNATIONAL HRD
	10.45	MUTIARA HUTAN SR. 1 -							CONVENTION & EXHIBITION
									11.30 TAYANGAN GAMBAR
									01.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

LAWATAN KERJA MENYUSUR MUKIM KOTA BATU

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



DI KAMPONG Sungai Bunga juga terdapat masjid yang dibina beberapa tahun lalu bukan sahaja dapat menampung penduduk kampung itu sendiri, malahan juga penduduk-penduduk di sekitar Kampong Serdang, Sungai Bunga, Dato Gandhi dan Kampong Sungai Matan untuk menunaikan sembahyang terutama sekali

Sembahyang Fardu Jumaat juga menjadi kunjungan rombongan Penghulu dan Ketua-ketua Kampong Mukim Kota Batu berserta pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Lawatan rombongan ke kampung ini tidak terhenti di situ sahaja, tetapi diteruskan dengan lawatan ke rumah Ketua Kampong Sungai Bunga Tanjung Kindana yang menyediakan jamuan tengah hari. Ketua Kampung, Awang Haji Mohammad bin Lamit kemudian menyampaikan cederahati kepada Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Destinasi lawatan diteruskan lagi ke Kampong Pudak yang terletak di Pulau Berambang persisiran Sungai Brunei. Kampung yang mempunyai keluasan 19.34 hektar adalah di bawah pengawasan seorang Ketua Kampung, Awang Haji Sulaiman.

Kedatangan ahli-ahli rombongan dialu-alukan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong Pudak dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Pudak. Atur cara lawatan ke kampung ini tertumpu di rumah Ketua Kampung untuk mendengar taklimat mengenai kampung berkenaan yang disampaikan oleh Penghulu Mukim.

Manakala Ketua Kampong Pudak, Awang Haji Sulaiman menyampaikan taklimat ringkas mengenai kampung tersebut yang mendapat namanya melalui

kuasa Takmir Masjid Kampong Pudak. Atur cara lawatan ke kampung ini tertumpu di rumah Ketua Kampung untuk mendengar taklimat mengenai kampung berkenaan yang disampaikan oleh Penghulu Mukim.




PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan Penghulu Mukim Kota Batu ketika bergambar ramai bersama Ketua Kampong Pudak dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong Pudak.

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar
Gambar-gambar oleh
Ernie Suliana Haji Othman

Bahagian Akhir

pokok pandan yang mengeluarkan bau yang harum pada tiap-tiap pagi. Kampung tersebut mempunyai lebih 241 orang penduduk yang secara keseluruhannya berketurunan Melayu Brunei, beragama Islam dan tidak ada lain-lain bangsa yang bermastautin di kampung ini.



PENGARAH Penerangan dan Pegawai-Pegawai serta Ketua Kampung, ketika melihat seorang pekerja memberi makan ikan ternakan di sebuah sangkar ikan yang sempat dilawati.

Kampung Pudak juga membangun dengan pesat dengan tersedianya kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, jeti, bekalan air, elektrik dan telefon. Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan perkhidmatan ke-

masyarakatan turut disediakan seperti masjid, klinik dan sekolah bagi kemudahan para penduduk kampung dan sekitarnya.

Melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan, perjalanan yang dahulunya mengambil masa berjam-jam untuk sampai ke sana, kini dengan tersedianya kemudahan jalan raya penduduk kampung dapat berhubung dengan mudah dan memendekkan masa yang cuma sekadar menyeberang dan singgah di Kampong Serdang di kawasan tanah lapang berdekatan stesen minyak sebelum tiba ke pusat Bandar Seri Begawan.

Sumber mata pencarian kebanyakan penduduk kampung adalah bekerja dengan kerajaan dan sek-

tor swasta, manakala sebahagian kecil pula bekerja sendiri sama ada sebagai nelayan, penambang, peniaga atau pengusaha.

Melalui pendekatan wakil PELITA BRUNEI bersama Penghulu Mukim Kota Batu, Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar berkata, siri lawatan seumpama itu adalah sebagai permulaan kepada siri-siri lawatan yang akan datang. Lawatan tersebut juga adalah bertujuan untuk melihat secara lebih dekat lagi, di samping mengadakan perbincangan secara bersemuka wakil agensi-agensi tertentu dalam kerajaan.

Pengarah Penerangan pula dalam pendekatan bersama wakil PELITA BRUNEI berkata, inisiatif Penghulu Mukim Kota Batu adalah julung kalinya dianjurkan oleh

mana-mana penghulu yang melibatkan sama Jabatan Penerangan. Pengarah Penerangan menyifatkan usaha demikian sebagai sesuatu yang murni di mana akan wujud jalinan kemesraan pembangunan yang lebih erat dan mesra antara rakyat dan kerajaan.

Lawatan kerja tersebut adalah bertujuan bagi meninjau secara lebih dekat perkembangan kampung-kampung di Mukim Kota Batu dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang terjalin di antara penduduk-penduduk kampung bersama para pegawai serta kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan. Lawatan kerja tersebut berakhir kira-kira jam 1.30 petang di Kampong Pudak.

IDBB beri sumbangan kepada pelajar cemerlang ABDB

BERAKAS, 17 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Darussalam (ABDB) yang akan menyambut ulang tahun penubuhannya ke-44 pada bulan ini, hari ini menerima sumbangan berbentuk cek bernilai \$1,200.00 daripada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB).

Majlis Penyerahan Cek Sumbangan itu telah disampaikan oleh Ketua

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Pegawai Eksekutif IDBB, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan kepada Pemangku Pengarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan Bolikah Garison, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Leftenan Kolonel Haji Awang Haji Mohd. Tawih bin Abdullah.

Menurut siaran akhbar

Kementerian Pertahanan, sumbangan cek bernilai \$1,200.00 adalah bagi penganugerahan pencapaian cemerlang dan penghargaan dalam peperiksaan awam tahun 2004 iaitu Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Penilaian Menengah Bawah (PMB) Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat 'A' dan

'O' (GCE) bagi 29 orang anak-anak anggota ABDB.

Penganugerahan cemerlang dan penghargaan peperiksaan awam 2004 merupakan projek kebajikan sempena ulang tahun ABDB ke-44 tahun.

Di samping itu aktiviti lain juga diadakan termasuk Kempen Derma Darah, membersihkan tanah perkuburan dan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Bangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan menyerahkan cek kepada Pemangku Pengarah Keanggotaan Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison, YDM Pehin Datu Pekerma Jaya Leftenan Kolonel Haji Awang Mohd. Tawih bin Abdullah. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



KEMENTERIAN KESIHATAN

- 1) Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Kecil seperti yang dilampirkan besama dalam muka surat 2 dan 3 hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Hari Selasa, 14 Jun 2005.**
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dan jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 2.00 petang iaitu Hari Isnin hingga Hari Khamis dan Hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran tersebut dibawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti Sijil Perniagaan Yang Masih Sahlaku.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/10/2005 : INVITATION TO TENDER FOR MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CT CONSUMABLES BAGI JABATAN RADIOLOGI, HOSPITAL RIPAS UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/11/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : PLASMA FREEZER (-30°C) FOR HEMATOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/12/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : PLASMA FREEZER (QUICK FREEZE) FOR HEMATOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/13/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF AUTOMATED SENSITIVITY TESTING FOR MICROBIOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/14/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF BLOOD GAS ANALYSER FOR CLINICAL CHEMISTRY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/15/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF URINE HPLC ANALYSER FOR CLINICAL CHEMISTRY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/16/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) SET OF MICROPLATE ANALYSER FOR VIROLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/17/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF SPERM ANALYSER FOR HISTOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/18/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF MORTUARY REFRIGERATOR FOR HISTOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/19/2005 (SE) SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING : ONE (1) UNIT OF CADAVER BODY LIFT FOR HISTOLOGY LABORATORY, THE DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/20/2005 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ULTRASONIC CLEANING SURGICAL & MICROSURGICAL INSTRUMENT, THE DEPARTMENT OF C.S.S.D SERVICES, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BERSAMBUNG MUKA SURAT 5



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

PROJECT NO: JTB/CDRD/PP/02/05

1. Tawaran-tawaran adalah di pelawa dari Syarikat Pembekal tempatan yang didaftarkan dengan Jabatan Telekom dalam kelas pembekal P1,P2,P3 dan P4 sebagai pembekal alat-alat perkakas Telekom.
2. Tawaran-tawaran yang di maksudkan adalah bagi TENDER TO SUPPLY PRINTING, DESIGNED AND DELIVERY ECONOMY HALLO PRE-PAID FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertanda:-
JTB/CDRD/PP/02/05
TENDER TO SUPPLY, PRINTING, DESIGNED AND DELIVERY OF ECONOMY HALLO PRE-PAID FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI tanpa menunjukkan nama Pemborong dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tidak lewat daripada hari **Selasa, 7 Jun 2005, Jam 2.00 Petang.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan tidak dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci boleh didapati dari UNIT PENDAFTARAN PEMBORONG, TAWARAN DAN SEBUT HARGA Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran Sumber Tenaga, Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak B\$100.00/ dokumen tawaran (Tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau terendah.
6. Hanya pembekal-pembekal yang berkelayakan yang mempunyai lesen dan kelas yang diluluskan sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka.
7. Sekiranya pembekal-pembekal gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1% daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10%.
8. Kerja-kerja hendaklah di laksanakan selama 6 minggu dari tarikh ianya ditawarkan dan sah tawaran hendaklah 20 minggu dari tarikh ianya ditutup.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

BIL. TAWARAN : JBD/TDR/02/05

**A. SERASA WATER SPORTS COMPLEX, B. GAME VALLAGE
C. STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, D. TENNIS COURT
COMPLEX, E. NATIONAL SWIMMING POOL, F. PADANG BERAKAS
SPORTS COMPLEX, G. LAWN BOWL COMPLEX, H. ANGGEREK
DESA SWIMMING POOL, I. HOCKEY SPORTS COMPLEX, J. DEWAN
SERBAGUNA KSNHB, K. ONG SUM PING SPORTS COMPLEX, L.
MENGLAIT SPORTS COMPLEX, M. INDOOR STADIUM, N. SQUASH
SPORTS COMPLEX, O. PRATICE TRACK AND FIELD, P. TUTONG
SPORTS COMPLEX, Q. MUMONG SPORTS COMPLEX.**

1. Tawaran-tawaran diterima oleh :
Peti Tawaran,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan, BA 1211
Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : "TWO YEAR TERM CONTRACT ON HOUSEKEEPING, LANDSCAPE MAINTENANCE, GRASS CUTTING & GABAGE COLLECTING OF EXISTING JABATAN BELIA DAN SUKAN SPORTS COMPLEXES AND VENUES"
Tarikh Tutup : **14 Jun 2005 (Selasa).**

Cagaran : \$25.00 (untuk 17 dokumen - tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh di perolehi dari Tingkat 5 (Bahagian Pemeliharaan dan Operesen, Jabatan Belia dan Sukan) manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.0 petang pada setiap hari bekerja.



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA**

- 1) **TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH KENDERAAN JENIS PACUAN 4 RODA (4WD), HIGH SPEC, AUTOMATIC TRANSMISSION [TAWARAN KECIL JDBM/05/05/2005]** Tarikh Tutup: **7 Jun 2005 Jam 2.00 Petang**
- 2) **TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH KENDERAAN JENIS "LIGHT TRUCK" (PICK UP) UKURAN 16-18 KAKI PANJANG, ENGINE (DIESEL) [TAWARAN KECIL JDBM/06/05/2005]** Tarikh Tutup: **7 Jun 2005 Jam 2.00 Petang**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berkelayakan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta-Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Name Act) yang sah, serta mempunyai Sijil pengiktirafan Bengkel dari Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat yang terpilih dalam tawaran ini hendaklah bersedia untuk membekalkan kenderaan yang ditawarkan dalam tempoh masa 60 hari (2 bulan).
3. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen.
4. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Tapak Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai, di Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Tapak Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam waktu Pejabat dibuka.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan Semasa melakukan pembayaran.
7. Pembekal yang mendaftar tawaran dikehendaki menghantar Dokumen dalam dua (2) salinan berserta katalog yang berkaitan dengan tawaran.
8. Syarikat yang berjaya dalam tawaran ini dikehendaki membekalkan Buku Panduan Alat Ganti (PARTS BOOK) untuk simpanan Jabatan.
9. Syarikat yang berjaya dalam tawaran ini dikehendaki membubuh Tulisan Jawi dan Rumi nama JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA serta memasang Speed Warning Device (SWD), alat hawa dingin, radio/cassette, memasang atap dan kerusi bahagian belakang bagi Pick-Up (Light Truck).
10. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Dokumen. Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
11. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada Bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk Sepertimana yang diiklan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal / Pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan BS8610
Tidak lewat pada Hari **Selasa, 7 Jun 2005, Jam 2.00 Petang**
12. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Sila layari Laman Web kami bagi :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/25mei/ikerja.htm>

Iklan-iklan tawaran
<http://www.brunet.bn/news/pelita/25mei/iiklan.htm>



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PENGIKLANAN SEMULA/PEMBETULAN

Bilangan Projek : JKP/04/2005

TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT RUANG KOSONG (UNIT NO:13) DI BLOK BERDERET KOMPLEK PERUSAHAAN RINGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tawaran terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan (terdiri dari rakyat KDYMM yang memiliki Kad Pintar warna Kuning) yang bermastautin di Daerah Brunei Muara yang mempunyai sijil pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 dari Jabatan Peguam Negara

Lokasi : KOMPLEKS PERUSAHAAN RINGAN ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan : 1 Unit Ruang Kedai Sewa Tetap Bulanan : B\$800.00 [Lapan Ratus Ringgit Brunei] Sebulan

Keluasan Bagi Setiap Unit : 166.72 meter persegi

Tempoh Penyewaan : 5 Tahun

Jenis perniagaan yang dibenarkan Jenis berbentuk perusahaan ringan/perindustrian selaras dengan jenis yang dibenarkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (sila sertakan surat kebenaran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi jenis perusahaan yang dicadangkan).

Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada : BAHAGIAN PENTADBIRAN KONTRAK TINGKAT 1, BANGUNAN JPE/JKP[JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK / JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN] LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran: 11 Mei 2005 (Rabu)

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran : 6 Jun 2005 (Isnin) [Tidak Lewat Jam 2.30 Petang]

Tarikh Tutup Tawaran : 7 Jun 2005 (Selasa) [Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

Tempat Tutup Tawaran : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Tingkat Bawah Kementerian Pembangunan Bandar Seri Begawan BB3510 Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek : JKP/07/2005

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT RUANG KEDAI (UNIT NO: 41) KOMPLEK PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Lokasi : KOMPLEKS PERUSAHAAN RINGAN ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan : 1 Unit Ruang Kedai Sewa Tetap Bulanan : B\$120.00 [Satu Ratus Dua Puluh Ringgit Brunei] Sebulan

Keluasan Bagi Setiap Unit : 200 Kaki persegi (18.58 meter persegi)

Tempoh Penyewaan : 5 Tahun

Jenis Perniagaan Yang Dibenarkan : Perniagaan biasa seperti Kedai Runcit, Kedai Alat-alat Sukan, Kedai Jahit, Kedai Gunting, Dhobi dan lain-lain (iaitu selain daripada kedai makan) yang bukan berbentuk perusahaan.

Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada BAHAGIAN PENTADBIRAN KONTRAK TINGKAT 1, BANGUNAN JPE/JKP[JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK / JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN] LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran : 11 Mei 2005 (Rabu)

Tarikh akhir Mengambil Dokumen Tawaran : 6 Jun 2005 (Isnin) [Tidak Lewat Jam 2.30 Petang]

Tarikh Tutup Tawaran : 7 Jun 2005 (Selasa) [Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

Tempat Tutup Tawaran : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Tingkat Bawah Kementerian Pembangunan Bandar Seri Begawan BB3510 Negara Brunei Darussalam.

Yuran Dokumen : B\$25.00 [Dua Puluh Lima Ringgit Brunei] Tunai - tidak akan dikembalikan kepada penawar.

Waktu Pembayaran : ISNIN - KHAMIS - 8.30 PAGI HINGGA 11.30 TENGAH HARI 1.30 PETANG HINGGA 2.30 PETANGSABTU - 8.00 PAGI HINGGA 10.30 PAGI

Tatacara Tawaran : Penawar hendaklah menyatakan harga tawaran secara lump sum dalam borang tawaran yang disertakan. Harga tawaran ini tidak termasuk harga sewa bulanan yang telah ditetapkan kerajaan. Harga tawaran ini bukan wang cagaran tawaran (tender deposit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar. Harga tawaran ini adalah salah satu kriteria pemilihan jabatan. Kerajaan tidak akan terikat untuk memiliki atau menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.

1. Syarat-syarat tawaran ini adalah berkaitan dan hendaklah dibaca bersama dengan notis tawaran.
2. Terbuka kepada syarikat-syarikat perniagaan di Daerah Brunei Muara dan mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 yang sah dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara, untuk memberikan tawaran bagi penyewaan satu unit/ruang kedai (Unit No: 41) Komplek Perdagangan Anggerak Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
